




KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA

BAJET  
2022



# TINJAUAN FISKAL DAN ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN 2022

FISCAL OUTLOOK AND FEDERAL  
GOVERNMENT REVENUE ESTIMATES 2022



**Kertas Perintah CMD.35 Tahun 2021  
MALAYSIA**

---

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT MENURUT PERINTAH

---

**TINJAUAN FISKAL DAN  
ANGGARAN HASIL KERAJAAN  
PERSEKUTUAN 2022**

**KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA**

#### Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Ketua Ekonomi,  
Bahagian Fiskal dan Ekonomi,  
Kementerian Kewangan Malaysia,  
Aras 9, Blok Tengah,  
Kompleks Kementerian Kewangan,  
No. 5, Persiaran Perdana,  
Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62592 Putrajaya

Faks: 03-88823881  
e-mel: [bfe@mof.gov.my](mailto:bfe@mof.gov.my)

Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan diterbitkan setiap tahun dan dikeluarkan pada hari pembentangan Bajet Tahunan.


Edisi 2022 diterbitkan pada 29 Oktober 2021.

Naskhah jualan boleh diperolehi daripada:  
[www.pnmb2u.com](http://www.pnmb2u.com) dan MPH Book Store.

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:  
[www.mof.gov.my](http://www.mof.gov.my)



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2021  
[www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
email: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



## KATA PENGANTAR

**PERDANA MENTERI  
MALAYSIA**

Tahun 2021 merupakan tahun yang sukar dan mencabar untuk Malaysia. Seiring dengan negara lain di seluruh dunia, negara kita masih berjuang mendepani impak COVID-19 terhadap rakyat dan perniagaan, khususnya kerugian ekonomi dan kesejahteraan rakyat yang terjejas akibat pelaksanaan langkah pembendungan. Kita dapat lihat bagaimana pandemik ini telah memberi impak kepada kedudukan kewangan Kerajaan, di mana defisit fiskal meningkat kepada 6.2% kepada KDNK pada 2020, tersasar daripada landasan konsolidasi fiskal. Kesannya, Malaysia bukan sahaja terpaksa menanggungkan sasaran negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, inklusif dan maju, malah turut berhadapan dengan risiko kesan kekal terhadap ekonomi dalam jangka masa panjang dan merencatkan segala usaha yang telah dilaksanakan selama ini dalam membangunkan antaranya daya saing, produktiviti, kekayaan negara dan keterangkuman sosioekonomi.

Sejak pengisytiharan darurat kesihatan awam dan ekonomi (“Ordinan Darurat”) oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Januari 2021, Kerajaan telah segera melaksanakan beberapa langkah berani untuk menangani impak kepada sosioekonomi akibat pandemik ini. Langkah ini termasuk penetapan dasar intervensi tegas seperti pengagihan dan penyusunan semula keutamaan belanjawan kepada pakej bantuan dan rangsangan tambahan. Pakej rangsangan yang diumumkan bermula dengan PERMAI pada Januari, diikuti oleh PEMERKASA pada Mac, PEMERKASA Tambahan pada Mei dan kemudiannya PEMULIH pada Jun dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM225 bilion bagi membolehkan pengurusan pandemik yang tepat pada masanya, cekap dan berkesan.

Sejurus selepas pelancaran PEMULIH, Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang merupakan strategi komprehensif untuk keluar daripada pandemik dalam keadaan selamat dan sistematik berdasarkan pendekatan berfasa disokong oleh data dan sains. Langkah berkenaan telah meletakkan negara di atas landasan pemulihan kukuh yang mula menampakkan hasil sejak suku kedua tahun ini. Apabila Kerajaan mendapat bekalan vaksin yang mencukupi, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) telah dipercepat – membolehkan Malaysia menjadi antara negara yang terpentas di dunia dalam kadar pemberian vaksin – memainkan peranan utama dalam menurunkan bilangan kes positif terutamanya bagi kes-kes yang serius.

Alhamdulillah, negara telah hampir untuk melengkapkan vaksinasi penuh populasi dewasa serta memperluaskan program PICK kepada golongan remaja bagi membolehkan pembukaan semula segmen pendidikan dengan selamat. Secara keseluruhan, sokongan dasar berterusan Kerajaan bertujuan untuk membina daya tahan dan penyesuaian kepada norma baharu akan menjadi asas untuk kembali pulih serta keluar daripada krisis dengan keupayaan lebih baik bagi mencapai pertumbuhan. Ke arah ini, pengurusan kewangan yang bertanggungjawab dan berhemat sentiasa menjadi amalan Kerajaan berpandukan prinsip ketelusan dan akauntabiliti. Saya memberi jaminan kepada rakyat dan komuniti perniagaan bahawa kedudukan fiskal negara kekal kukuh disokong oleh sistem kewangan yang dikawal selia dengan baik.

Walaupun kita bakal melalui fasa pemulihan pada 2022, kita perlu memikirkan perancangan melangkaui tempoh 12 bulan dalam usaha memperkukuh kedudukan negara dalam jangka sederhana dan panjang. Oleh yang demikian, Kerajaan terus komited melaksanakan dasar yang lebih terperinci dan bersasar untuk memacu pemulihan ekonomi, membina semula daya tahan negara dan memangkin pembaharuan. Bagi tujuan ini, Bajet 2022 telah dirangka sebagai usaha untuk merencanakan semula ekonomi dalam jangka terdekat serta strategi pembangunan dan pembaharuan jangka sederhana yang akan menghidupkan aspirasi diilhamkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Sebagaimana pentingnya dasar jangka pendek dalam memacu pemulihan sosioekonomi pada 2022, pengukuhan asas bagi pembaharuan institusi dan fiskal jangka panjang turut kritikal bagi membina semula daya tahan negara pascapandemik supaya kita bersedia menghadapi krisis seumpama ini pada masa hadapan.


Akauntabiliti fiskal bukan sahaja merangkumi perbelanjaan kutipan hasil secara bertanggungjawab dan memastikan belanjawan pembangunan yang mencukupi bagi pertumbuhan sosioekonomi. Ia juga meliputi proses belanjawan yang telus dan inklusif serta memperkasa institusi untuk mencegah ketirisan dan rasuah. Bagi meningkatkan ketelusan dan keterangkuman, buat julung kalinya dalam sejarah penyediaan belanjawan, Kerajaan telah menerbitkan Kenyataan Pra-Bajet pada Ogos dan Kertas Konsultasi Awam pada September 2021. Kertas konsultasi tersebut merangkumi penambahbaikan perolehan Kerajaan; penambahbaikan program bantuan tunai; kajian insentif cukai; dan penggubalan Akta Tanggungjawab Fiskal. Sebagai usaha mengurangkan ketirisan dan mencegah rasuah, Kerajaan telah melancarkan Pelan Antirasuah Nasional yang bermatlamat menambah baik akauntabiliti agensi perundangan dan penguatkuasa; menjadikan penyampaian perkhidmatan awam lebih cekap dan responsif; dan menggalakkan integriti dalam perniagaan.

Setelah hampir 19 bulan, Kerajaan telah berulang kali membuktikan keupayaan penyampaian perkhidmatan yang terbaik walaupun dalam keadaan negara menghadapi ruang fiskal yang terhad. Ini termasuk menyelamatkan pekerjaan, memberikan sokongan kepada majikan, melaksanakan program vaksinasi secara besar-besaran dan membantu membekalkan makanan kepada golongan rentan. Namun demikian, usaha untuk mengukuhkan kedudukan fiskal bergantung sepenuhnya kepada pemulihan ekonomi yang mampan didorong oleh pendekatan 'Seluruh Negara'. Ini akan dapat dicapai melalui kerjasama secara menyeluruh antara Kerajaan dan sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO), pemimpin komuniti dan seluruh rakyat. Bersama, kita mesti memanfaatkan asas kukuh Malaysia yang merangkumi modal insan yang mahir; institusi dan rangkakerja dasar yang kukuh; sumber asli yang pelbagai serta keazaman dan kecekalan luar biasa dari semangat Keluarga Malaysia untuk membina semula daya tahan ekonomi dan fiskal negara agar kita berupaya bangkit *dan* menghadapi sebarang cabaran masa hadapan.

Melangkah ke hadapan, kita harus berpandangan jauh melangkaui perbezaan etnik dan agama, mahupun ideologi politik serta mengetepikan suara-suara sumbang dan sebaliknya 'mendengar' suara yang mewakili jiwa Malaysia sebenar: *inilah* asas kekuatan dan naratif bersama kita yang dapat membantu pemulihan negara. Ini juga tindakan paling mudah yang boleh kita laksanakan demi menghargai petugas barisan hadapan yang telah membuktikan jati diri sebenar semangat penyayang rakyat Malaysia dengan mempertaruhkan nyawa mereka setiap hari untuk menyelamatkan nyawa warga Malaysia. Insya-Allah, sekiranya kita bekerja dan bergerak setiap langkah bersama, kita *pasti* pulih daripada cabaran pandemik ini dan apabila tiba masanya nanti, kita *pasti* akan mencapai kejayaan hakiki.



**DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB**  
29 Oktober 2021



**MENTERI KEWANGAN  
MALAYSIA**

## PRAKATA

Pandemik COVID-19 terus memberi kesan kepada negara-negara di seluruh dunia, di mana kemunculan varian-varian yang pantas menular telah menyebabkan krisis kesihatan dan ekonomi yang berlarutan. Namun, kini mula jelas terdapat tanda-tanda pemulihan ekonomi global dipacu oleh kadar vaksinasi yang dipercepat di negara-negara maju dengan sokongan fiskal yang tinggi. Walau bagaimanapun, pemulihan global ini tidaklah sekata memandangkan kebanyakan negara berkembang pesat dan membangun masih menghadapi rintangan dalam usaha vaksinasi besar-besaran mereka. Sementara ekonomi maju semakin beransur pulih, banyak negara termiskin di dunia masih ketinggalan, dan memerlukan usaha yang lebih gigih untuk menangani kesan besar pandemik ini ke atas ekonomi dan manusia sejagat.

Di persada negara pula, sejak bermulanya wabak COVID-19, Kerajaan telah melaksanakan lapan pakej rangsangan dan bantuan berjumlah RM530 bilion, di mana RM225 bilion telah diumumkan pada tahun ini. Kesemua pakej ini juga diperkukuh lagi dengan langkah Bajet 2021 dan telah memanfaatkan lebih daripada 20 juta orang dan 2.4 juta perniagaan seterusnya mendorong pertumbuhan separuh pertama tahun 2021 dengan KDNK meningkat sebanyak 7.1% berbanding penguncupan 8.4% dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Di sebalik cabaran berterusan terhadap pematuhan SOP, tindakan pencegahan yang bersasar dan isu berkaitan pembukaan semula sempadan dan mobiliti fizikal, prospek untuk separuh kedua 2021 kekal positif disokong oleh pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial secara beransur-ansur. Memandangkan semakin banyak negeri beralih ke Fasa 3 dan 4 di bawah Pelan Pemulihan Negara dan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) diperluas lagi untuk merangkumi remaja dan anak-anak muda, kita telah mampu mengorak langkah secara selamat dan sistematik bagi menggerakkan semula sektor pendidikan, selain daripada membenarkan lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial. Perkembangan ini yang disusuli bantuan dan langkah sokongan berterusan akan memacu prospek pemulihan negara dengan unjuran pertumbuhan antara 3% hingga 4% tahun ini.

Menjelang tahun 2022, kita akan tetap tangkas dan fleksibel dalam menyediakan sokongan fiskal yang diperlukan kepada rakyat dan perniagaan untuk kembali bangkit demi memastikan pemulihan yang mampan. Dasar fiskal berkembang tetap diteruskan dan digubal dengan terperinci untuk memastikan pertumbuhan dan pembangunan dalam menghadapi ketidakpastian dan risiko penularan semula COVID-19 yang berpanjangan. Susulan pakej rangsangan tambahan yang telah diumumkan Kerajaan untuk menyokong ekonomi, defisit fiskal pada tahun 2021 telah secara rasminya disemak semula kepada 6.5% kepada KDNK. Sehubungan itu, Kerajaan telah meningkatkan had hutang statutori negara kepada 65% daripada KDNK pada Oktober 2021 bagi membolehkan pelaksanaan langkah rangsangan sedia ada dan Bajet 2022, serta pada masa yang sama membantu mencapai objektif yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12).

Dari segi sumber pembiayaan, penggunaan pulangan pelaburan daripada Kumpulan Wang Amanah Nasional (KWAN) untuk mempercepat PICK adalah bersesuaian dan tepat pada masanya. Melangkah ke hadapan, Kerajaan komited untuk menggantikan semula dana KWAN dan meneruskan usaha ke arah matlamat konsolidasi fiskal seiring dengan pemulihan ekonomi, menetapkan sasaran pengurangan hutang yang realistik dan tegas bagi memastikan kemampuan fiskal dalam jangka sederhana dan panjang.

Mengulangi komitmen yang dibuat melalui Kenyataan Pra-Bajet pertama yang dikeluarkan pada Ogos, Rangka Fiskal Jangka Sederhana akan menerajui langkah konsolidasi fiskal, di samping meningkatkan kapasiti pendapatan, kecekapan perbelanjaan, dan kemampuan keberhutangan Kerajaan. Pembaharuan fiskal untuk meningkatkan disiplin dan tadbir urus akan dilaksanakan sejajar dengan usaha ini manakala Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) akan diperkenalkan pada tahun 2022. Selain itu, Strategi Hasil Jangka Sederhana akan diguna pakai untuk meluaskan asas cukai, mengukuhkan sistem percukaian dan melaksanakan kajian insentif cukai, manakala perbelanjaan awam akan disemak semula secara berkala untuk mengoptimalkan perbelanjaan.

Melangkah ke hadapan, seperti mana pentingnya dasar jangka pendek yang telah Kerajaan laksanakan untuk memulihkan sosioekonomi negara pada tahun 2022, adalah penting bagi kita memperkukuh asas ekonomi melalui pembaharuan institusi dan fiskal jangka panjang untuk mengembalikan daya tahan ekonomi supaya bersiap siaga dalam menghadapi sebarang kemungkinan pada masa hadapan. Bajet 2022 akan terus mengutamakan rakyat dan sektor ekonomi kita yang terkesan akibat pandemik ini, terutamanya dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan memastikan bantuan bersasar tersedia untuk golongan rentan. Bajet 2022 juga akan membina asas bagi pembaharuan yang direncanakan dalam RMKe-12.

Pada masa yang sama, dalam mencapai matlamat digital nasional sejajar dengan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR), Kerajaan akan mengutamakan usaha bagi memperkukuh keupayaan dan kemampuan digital negara, selain melengkapi tenaga kerja kita dengan kemahiran yang bersesuaian. Usaha ini memerlukan tonggak struktur digital negara dipertingkatkan untuk menyokong ketersambungan internet serta memanfaatkan teknologi 5G. Selanjutnya, pembaharuan yang digariskan dalam inisiatif seperti Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) dan PERKUKUH Pelaburan Rakyat juga akan diterapkan ke dalam rancangan yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan RMKe-12 untuk pertumbuhan ekonomi jangka sederhana dan panjang yang mampan, penambahbaikan keterangkuman sosioekonomi dan peningkatan kelestarian alam sekitar.

Dari segi tinjauan ekonomi, KDNK negara dijangka meningkat antara 5.5% hingga 6.5% pada tahun 2022, didorong oleh pembukaan semula lebih banyak sektor ekonomi dan sosial serta peningkatan permintaan luar dari rakan dagang utama. Faktor-faktor lain yang akan menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia termasuklah harga komoditi yang lebih tinggi serta pelaksanaan projek infrastruktur dengan kesan pengganda yang tinggi. Ini akan mengukuhkan lagi asas ekonomi kita, yang kekal berdaya tahan walaupun dalam tempoh mencabar ini, disokong oleh kemajuan, keampuhan dan kepelbagaian ekonomi.

Kerajaan akan memastikan negara ini pulih dari krisis pandemik tanpa mendatangkan kesan buruk jangka panjang terhadap ekonomi, namun adalah penting seluruh rakyat Malaysia berpegang kepada semangat Keluarga Malaysia dan berganding bahu mengharungi segala cabaran masa hadapan. Langit tidak akan terus mendung, dan melalui usaha sama kita, sinar baharu bakal melimpahi hari-hari mendatang yang lebih baik untuk tanah air tercinta agar kita kembali bangkit sebagai sebuah negara yang lebih teguh dan bersatu padu, *Insyaa-Allah*.




**TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL TENGGU ABDUL AZIZ**  
29 Oktober 2021




# BAJET KERAJAAN PERSEKUTUAN 2022

## DARI MANA DATANGNYA



## KE MANA DIBELANJAKAN



<sup>1</sup> Terdiri daripada hasil dan pinjaman

<sup>2</sup> Tidak termasuk simpanan luar jangka

<sup>3</sup> Kumpulan Wang COVID-19 di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia



## MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN MALAYSIA: KEY DATA AND FORECAST

LUAS KAWASAN (Kilometer persegi) AREA (Square kilometres)						
Malaysia	Semenanjung Malaysia <sup>1</sup> Peninsular Malaysia <sup>1</sup>		Sarawak		Sabah <sup>2</sup>	
330,548	132,104		124,450		73,994	
	2020		2021 <sup>7</sup>		2022 <sup>8</sup>	
<b>PENDUDUK (juta)</b> <b>POPULATION (million)</b>	32.6		32.7		32.9	
<b>PENGELUARAN DALAM NEGERI</b> <b>DOMESTIC PRODUCTION</b>	RM juta RM million	% perubahan % change	RM juta RM million	% perubahan % change	RM juta RM million	% perubahan % change
<b>Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga malar 2015)</b> <b>Gross Domestic Product (constant 2015 prices)</b>	1,343,880	-5.6	1,391,311	3.0 - 4.0	1,474,342	5.5 - 6.5
Pertanian <i>Agriculture</i>	99,367	-2.2	98,532	-0.8	102,416	3.9
Perlombongan dan pengkuarian <i>Mining and quarrying</i>	91,993	-10.6	93,340	1.5	93,086	-0.3
Pembuatan <i>Manufacturing</i>	307,924	-2.6	332,743	8.1	348,547	4.7
Pembinaan <i>Construction</i>	53,556	-19.4	53,110	-0.8	59,244	11.5
Perkhidmatan <i>Services</i>	775,717	-5.5	796,222	2.6	852,298	7.0
Duti import <i>Import duties</i>	15,324	-5.6	17,363	13.3	18,750	8.0
<b>Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga semasa)</b> <b>Gross Domestic Product (current prices)</b>	1,416,605	-6.4	1,514,624	6.4 - 7.4	1,637,800	7.7 - 8.7
Perbelanjaan penggunaan akhir: Awam <i>Final consumption expenditure : Public</i>	184,043	4.2	191,334	4.0	193,641	1.2
Swasta <i>Private</i>	861,758	-4.7	917,972	6.5	1,006,409	9.6
Pembentukan modal tetap kasar: Awam <sup>3</sup> <i>Gross fixed capital formation : Public<sup>3</sup></i>	74,320	-21.3	73,504	-1.1	93,031	26.6
Swasta <i>Private</i>	222,238	-12.0	227,063	2.2	237,043	4.4
Perubahan inventori dan barangan berharga <i>Changes in inventories and valuables</i>	-17,016	-	-4,630	-	-13,602	-
Eksport barangan dan perkhidmatan <i>Exports of goods and services</i>	870,272	-11.9	1,027,614	18.1	1,086,802	5.8
Import barangan dan perkhidmatan <i>Imports of goods and services</i>	779,011	-10.8	918,233	17.9	965,523	5.2
<b>PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN NEGARA</b> <b>NATIONAL INCOME AND EXPENDITURE</b>						
<b>Pendapatan Negara Kasar (harga malar 2015)</b> <b>Gross National Income (constant 2015 prices)</b>	1,330,169	-5.2	1,372,726	3.2	1,449,588	5.6
<b>Pendapatan Negara Kasar (harga semasa)</b> <b>Gross National Income (current prices)</b>	1,388,021	-5.8	1,474,621	6.2	1,588,430	7.4
<b>Tabungan Negara Kasar (harga semasa)</b> <b>Gross National Savings (current prices)</b>	339,549	-8.6	352,593	3.8	372,049	5.5
<b>Pendapatan Per Kapita (harga semasa, RM)</b> <b>Per Capita Income (current prices, RM)</b>	42,598	-6.0	45,157	6.0	48,187	6.7

**MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)**  
**MALAYSIA: KEY DATA AND FORECAST (cont'd)**

KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN <i>FEDERAL GOVERNMENT FINANCE</i>	2020		2021 <sup>9</sup>		2022 <sup>10</sup>	
	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>% change</i>	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>% change</i>	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>% change</i>
Hasil <i>Revenue</i>	225,076	-14.9	221,023	-1.8	234,011	5.9
Perbelanjaan mengurus <i>Operating expenditure</i>	224,600	-14.7	219,600	-2.2	233,500	6.3
Baki semasa <i>Current balance</i>	476	-	1,423	-	511	-
Perbelanjaan pembangunan (bersih) <i>Development expenditure (net)</i>	50,101	-4.7	61,200	22.2	75,000	22.5
Kumpulan Wang COVID-19 <sup>4</sup> <i>COVID-19 Fund<sup>4</sup></i>	38,019	-	39,000	2.6	23,000	-41.0
<b>Baki keseluruhan</b> <b><i>Overall balance</i></b>	<b>-87,644</b>		<b>-98,777</b>		<b>-97,489</b>	
% KDNK <i>% GDP</i>	-6.2		-6.5		-6.0	
Pinjaman dalam negeri (bersih) <i>Domestic borrowings (net)</i>	86,921		98,800		-	
Pinjaman luar pesisir (bersih) <i>Offshore borrowings (net)</i>	-331		1,601		-	
Perubahan aset <sup>5</sup> <i>Change in assets<sup>5</sup></i>	1,054		-1,624		-	
		% KDNK <i>% GDP</i>		% KDNK <i>% GDP</i>		
<b>Hutang Kerajaan Persekutuan<sup>6</sup></b> <b><i>Federal Government Debt<sup>6</sup></i></b>	<b>879,560</b>	<b>62.1</b>	<b>958,388</b>	<b>63.3</b>	-	-
<b>Hutang dalam negeri</b> <b><i>Domestic debt</i></b>	<b>851,284</b>	<b>60.1</b>	<b>924,784</b>	<b>61.1</b>	-	-
Bil perbendaharaan <i>Treasury bills</i>	15,500	1.1	34,000	2.3	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia <i>Malaysian Government Investment Issues</i>	375,266	26.5	391,266	25.8	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia <i>Malaysian Government Securities</i>	436,418	30.8	475,418	31.4	-	-
Sukuk Perumahan Kerajaan <i>Government Housing Sukuk</i>	24,100	1.7	24,100	1.6	-	-
<b>Pinjaman luar pesisir</b> <b><i>Offshore borrowings</i></b>	<b>28,276</b>	<b>2.0</b>	<b>33,604</b>	<b>2.2</b>	-	-
Pinjaman pasaran <i>Market loans</i>	23,055	1.6	28,703	1.9	-	-
Pinjaman projek <i>Project loans</i>	5,221	0.4	4,901	0.3	-	-

<sup>1</sup> Termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya

<sup>2</sup> Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan

<sup>3</sup> Termasuk pelaburan oleh syarikat awam

<sup>4</sup> Kumpulan wang amanah khusus di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi

<sup>5</sup> (+) menunjukkan pengurangan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset

<sup>6</sup> Pada 2021, data adalah sehingga akhir Jun 2021

<sup>7</sup> Anggaran

<sup>8</sup> Unjuran

<sup>9</sup> Anggaran disemak

<sup>10</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2022

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

<sup>1</sup> Includes the Federal Territory of Kuala Lumpur and Federal Territory of Putrajaya

<sup>2</sup> Includes the Federal Territory of Labuan

<sup>3</sup> Includes investment of public corporations

<sup>4</sup> A specific trust fund established under Temporary Measures for Government Financing (Coronavirus Disease 2019 (COVID-19)) Act 2020 to finance economic stimulus packages and recovery plan

<sup>5</sup> (+) indicates drawdown of assets; (-) indicates accumulation of assets

<sup>6</sup> For 2021, data is at end-June 2021

<sup>7</sup> Estimate

<sup>8</sup> Forecast

<sup>9</sup> Revised estimate

<sup>10</sup> Budget estimate, excluding 2022 Budget measures

Note: Total may not add up due to rounding

# KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>KATA PENGANTAR</b>	iii
<b>PRAKATA</b>	v
<b>BAJET KERAJAAN PERSEKUTUAN 2022</b>	vii
<b>MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN</b>	ix
<b>AKRONIM DAN SINGKATAN</b>	xiii
<b>SEKSYEN 1      PERSPEKTIF KESELURUHAN DASAR FISKAL</b>	
Perspektif Keseluruhan	3
Dasar Fiskal Mengembang Menyokong Pemulihan Ekonomi	3
Sisipan – Kumpulan Wang Amanah Negara	5
Kedudukan Fiskal 2021	12
Tinjauan 2022	13
Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana 2022-2024	14
Rencana – Rangka Kerja Akta Tanggungjawab Fiskal	15
Kesimpulan	21
<b>SEKSYEN 2      HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN</b>	
Perspektif Keseluruhan	25
Hasil 2021	25
Rencana – Strategi Hasil Jangka Sederhana: Ke Arah Pembaharuan Hasil di Malaysia	27
Tinjauan 2022	33
Kesimpulan	34
<b>SEKSYEN 3      PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN</b>	
Perspektif Keseluruhan	39
Prestasi 2021	39
Kumpulan Wang COVID-19	43
Sisipan – Status Terkini Kumpulan Wang COVID-19	45
Tinjauan 2022	48
Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan	50
Kesimpulan	51
<b>SEKSYEN 4      PENGURUSAN HUTANG</b>	
Perspektif Keseluruhan	55
Pembiayaan	55
Rencana – Sukuk Global 2021 oleh Kerajaan Malaysia	58
Hutang Kerajaan Persekutuan	64
Rencana – Analisis Kemampunan Hutang Malaysia 2021	66
Hutang Luar	73
Hutang Sektor Awam	74
Tinjauan 2022	74
Kesimpulan	75
<b>SEKSYEN 5      RISIKO FISKAL DAN LIABILITI</b>	
Perspektif Keseluruhan	81
Pendedahan Hutang dan Liabiliti	81
Jaminan Kerajaan	82
1Malaysia Development Berhad	84
Liabiliti Lain	85
Kesimpulan	85
<b>SEKSYEN 6      SEKTOR AWAM DISATUKAN</b>	
Sektor Awam Disatukan	89
Sisipan – Statistik Kewangan Kerajaan	90
Kerajaan Am	95
Kerajaan Negeri	96
Syarikat Awam Bukan Kewangan	97

**JADUAL**

Jadual 1.1.	Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan	12
Jadual 1.2.	Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF)	14
Jadual 2.1.	Hasil Kerajaan Persekutuan	26
Jadual 3.1.	Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Komponen	41
Jadual 3.2.	Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor	42
Jadual 3.3.	Peruntukan Kumpulan Wang COVID-19	44
Jadual 4.1.	Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	56
Jadual 4.2.	Garis Panduan Perundangan Hutang	64
Jadual 4.3.	Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Instrumen	65
Jadual 4.4.	Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Pemegang	66
Jadual 4.5.	Hutang Luar	73
Jadual 4.6.	Hutang Sektor Awam	74
Jadual 5.1.	Pendedahan Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan	81
Jadual 5.2.	Penerima Utama Jaminan Kerajaan	82
Jadual 5.3.	Komitmen Jaminan	83
Jadual 5.4.	Hutang 1MDB	84
Jadual 6.1.	Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan	89
Jadual 6.2.	Kedudukan Kewangan Kerajaan Am Disatukan	95
Jadual 6.3.	Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan	96
Jadual 6.4.	Kedudukan Kewangan SABK Disatukan	98

**RAJAH**

Rajah 1.1.	Baki Keseluruhan dan Primer Kerajaan Persekutuan	22
Rajah 1.2.	Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Baki Semasa Kerajaan Persekutuan	22
Rajah 1.3.	Baki Keseluruhan MTFF Kerajaan Persekutuan	22
Rajah 1.4.	Kedudukan Fiskal Disemak Semula 2021	22
Rajah 2.1.	Hasil Berkaitan Petroleum dan Bukan Petroleum	35
Rajah 2.2.	Hasil Sebagai Peratusan kepada KDNK	35
Rajah 3.1.	Jumlah Perbelanjaan Mengikut Sektor	52
Rajah 3.2.	Jumlah Perbelanjaan mengikut Kementerian dan Agensi	52
Rajah 3.3.	Perbelanjaan Mengurus mengikut Komponen	52
Rajah 3.4.	Perbelanjaan Mengurus mengikut Sektor	52
Rajah 3.5.	Perbelanjaan Pembangunan mengikut Sektor	52
Rajah 3.6.	Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan	52
Rajah 4.1.	Terbitan Mengikut Tempoh Matang	76
Rajah 4.2.	Nisbah BTC MGS dan MGII	76
Rajah 4.3.	Keluk Kadar Hasil Penanda Aras MGS	76
Rajah 4.4.	Kadar Hasil Indikatif MGS	76
Rajah 4.5.	Komposisi Hutang Kerajaan Persekutuan	76
Rajah 4.6.	Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Pemegang	77
Rajah 4.7.	Pemegangan Hutang dalam Denominasi Ringgit oleh Bukan Pemastautin	77
Rajah 4.8.	Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Baki Tempoh Matang	77
Rajah 4.9.	Bayaran Khidmat Hutang	77
Rajah 4.10.	Profil Kematangan Hutang	77
Rajah 5.1.	Jaminan Pinjaman Terkumpul	86
Rajah 5.2.	Profil Kematangan Jaminan Pinjaman	86
Rajah 5.3.	Jaminan Pinjaman Terkumpul Mengikut Segmen	86
Rajah 5.4.	Obligasi PPP Terkumpul Mengikut Sektor	86
Rajah 6.1.	Aset dan Liabiliti SABK	97

**STATISTIK KEWANGAN AWAM**

207

**MEMORANDUM PERBENDAHARAAN MENGENAI ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2022**

227

## AKRONIM DAN SINGKATAN

1MDB	1Malaysia Development Berhad	GG	jaminan Kerajaan
BCG	budgetary central government	GKP	Geran PRIHATIN PKS
BEPS	Base Erosion and Profit Shifting	GLC	syarikat berkaitan kerajaan
BNM	Bank Negara Malaysia	GoM	Kerajaan Malaysia
BPN	Bantuan Prihatin Nasional	GSSS	Green, Social, Sustainability and Sustainability-linked
BPR	Bantuan Prihatin Rakyat	IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
bps	mata asas	IPSAS	Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa
BSH	Bantuan Sara Hidup	JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
BTC	bidaan kepada terbitan	JKDM	Jabatan Kastam DiRaja Malaysia
CENDANA	Dana Pemasaran dan Promosi Pendigitalan di bawah Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan	KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
CIA	Collection Intelligence Arrangement	KHAZANAH	Khazanah Nasional Berhad
CITA	cukai pendapatan syarikat	KWAN	Kumpulan Wang Amanah Negara
CKHT	cukai keuntungan harta tanah	KWAP	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
COVID-19	Penyakit Koronavirus 2019	KWC-19	Kumpulan Wang COVID-19
CPO	minyak sawit mentah	KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
CPS	sektor awam disatukan	LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
DanaInfra	DanaInfra Nasional Berhad	LPPSA	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
DE	perbelanjaan pembangunan	LRT	transit aliran ringan
DSA	Analisis Kemampuan Hutang	MAA	Persatuan Automotif Malaysia
DSC	bayaran khidmat hutang	MGII	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia
ESG	alam sekitar, sosial dan tadbir urus korporat	MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
e-Tanah	sistem pengurusan tanah secara elektronik	MIDA	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	MITB	Bil Perbendaharaan Islam Malaysia
FPC	Jawatankuasa Dasar Fiskal	MKD	Menteri Kewangan Diperbadankan
FRA	Akta Tanggungjawab Fiskal		
GFSM 2014	Government Finance Statistics Manual 2014		

## AKRONIM DAN SINGKATAN

MOF	Kementerian Kewangan Malaysia	PPN	Pelan Pemulihan Nasional
MPC	Jawatankuasa Dasar Monetari	PPP	kerjasama awam swasta
MRT	transit aliran massa	PPR	Program Perumahan Rakyat
MTB	Bil Perbendaharaan Malaysia	PRIHATIN	Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat
MTFF	Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana	PRIHATIN PKS+	Langkah Tambahan bagi Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN Rakyat
MTRS	Strategi Hasil Jangka Sederhana	PSU	Program Subsidi Upah
MWSB	Malaysia Wakala Sukuk Berhad	REITs	amanah pelaburan hartanah
NCI	Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan	RMKe-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
OE	perbelanjaan mengurus	RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas
OECD	Organisation for Economic Co-operation and Development	SABK	syarikat awam bukan kewangan
OPR	Kadar Dasar Semalaman	SDG	Matlamat Pembangunan Mampan
PBLT	PBLT Sdn. Bhd.	SPK	Sukuk Perumahan Kerajaan
PDRM	Polis Diraja Malaysia	SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
PEMERKASA	Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi	SPV	syarikat bertujuan khas
PEMERKASA+	Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan	SRI	Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab
PEMULIH	Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi	SRR	Keperluan Rizab Berkanun
PENJANA	Pelan Jana Semula Ekonomi Negara	SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
PERMAI	Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia	SST	Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan
PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad	SVDP	Program Pengakuan Khas Sukarela
PFI	inisiatif pembiayaan swasta	SWF	sovereign wealth fund
PICK	Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan	TIV	jumlah pengeluaran industri
PITA	cukai pendapatan petroleum	TRC	Jawatankuasa Pembaharuan Cukai
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan	TVET	pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional
PKS	perusahaan kecil dan sederhana	WGBI	Indeks Bon Kerajaan Dunia
PMKS	perusahaan mikro, kecil dan sederhana	VAT	cukai nilai tambah



## SEKSYEN 1

# Perspektif Keseluruhan Dasar Fiskal

<b>3</b>	<b>PERSPEKTIF KESELURUHAN</b> <hr/>
<b>3</b>	<b>DASAR FISKAL MENGEMBANG MENYOKONG PEMULIHAN EKONOMI</b> Sisipan - Kumpulan Wang Amanah Negara <hr/>
<b>12</b>	<b>KEDUDUKAN FISKAL 2021</b> <hr/>
<b>13</b>	<b>TINJAUAN 2022</b> <hr/>
<b>14</b>	<b>RANGKA KERJA FISKAL JANGKA SEDERHANA 2022-2024</b> Rencana - Rangka Kerja Akta Tanggungjawab Fiskal <hr/>
<b>21</b>	<b>KESIMPULAN</b> <hr/>



## SEKSYEN 1

# Perspektif Keseluruhan Dasar Fiskal

## Perspektif Keseluruhan

Dasar fiskal terus memainkan peranan utama bagi menyokong pemulihan ekonomi dalam situasi pandemik COVID-19 yang berpanjangan. Gelombang ketiga penularan wabak ini memberi cabaran besar kepada kemampuan fiskal Kerajaan terutamanya dalam mengimbangi impak kepada generasi masa hadapan. Susulan peningkatan mendadak kes COVID-19, proklamasi darurat telah diisytiharkan berkuatkuasa pada 11 Januari hingga 1 Ogos 2021 bagi meningkatkan penguatkuasaan, menambah baik langkah pencegahan dan memperketat kawalan sempadan. Kerajaan juga secara proaktif telah meneruskan dasar yang fleksibel dan pragmatik demi melindungi rakyat dan perniagaan serta menyokong ekonomi dalam menghadapi situasi luar biasa ini.

Kerajaan terus menyediakan sokongan fiskal yang besar pada tahun 2021 melalui pakej bantuan dan rangsangan ekonomi tambahan bagi mengurangkan impak buruk pandemik dan langkah kawalan. Empat pakej tersebut yang bernilai RM225 bilion telah diperkenalkan pada tahun ini iaitu Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) dan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Pakej bantuan tersebut melibatkan suntikan fiskal tambahan yang dianggarkan sebanyak RM25 bilion bertujuan meningkatkan perbelanjaan penjagaan kesihatan, memastikan kelangsungan perniagaan dan meringankan beban rakyat. Secara keseluruhan, Kerajaan telah mengumumkan lapan pakej bantuan dan

rangsangan ekonomi berjumlah RM530 bilion dengan sokongan fiskal sebanyak RM80 bilion disediakan di bawah Kumpulan Wang COVID-19 (KWC-19) sejak penularan pandemik pada tahun lalu.

Kerajaan telah melancarkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) pada 24 Februari 2021 memandangkan vaksinasi merupakan faktor utama dalam menangani pandemik. Pelancaran PICK membuktikan komitmen Kerajaan untuk memastikan sekurang-kurangnya 80% penduduk dewasa menerima vaksin sepenuhnya pada akhir Oktober 2021. Seterusnya, Kerajaan telah melancarkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada Jun 2021 yang menetapkan hala tuju untuk keluar daripada pandemik dan mempercepat pemulihan ekonomi. Pelan ini yang telah dibentangkan di Parlimen pada Julai 2021 menyediakan panduan jelas untuk pembukaan semula aktiviti ekonomi dan sosial melalui strategi empat fasa peralihan berdasarkan analisis data. Sebagai kesinambungan dasar, PPN menggabungkan semua langkah kawalan dan bantuan ekonomi kepada satu pendekatan komprehensif dan 'seluruh negara' (whole-of-nation) untuk menyatupadukan rakyat dalam memerangi pandemik.

## Dasar Fiskal Mengembang Menyokong Pemulihan Ekonomi

Pendirian fiskal Kerajaan Persekutuan terus memberi keutamaan untuk memacu negara keluar daripada krisis pandemik. Sokongan fiskal yang ketara dijangka mampu mengawal penularan COVID-19, menyokong aktiviti

ekonomi domestik, menjana pelaburan, merangsang perbelanjaan pengguna dan mewujudkan peluang pekerjaan. Pelaksanaan langkah pemulihan yang lebih bersasar telah memberi kesan positif kepada ekonomi dan dibuktikan melalui pertumbuhan ekonomi yang kukuh sebanyak 7.1% pada separuh pertama tahun ini. Susulan proses peralihan politik yang lancar serta kesinambungan dasar yang jelas, Kerajaan yakin ekonomi akan pulih dan mencatat pertumbuhan positif pada 2021.

Dalam situasi pemulihan ekonomi global yang tidak seimbang dan tidak menentu, operasi fiskal kekal proaktif dan pantas bertindak balas terhadap persekitaran ekonomi dan keutamaan dasar yang dinamik. Usaha untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan perbelanjaan akan disokong oleh langkah perbelanjaan berhemat serta mengoptimalkan persekitaran operasi bersesuaian dengan norma baharu. Selain itu, strategi untuk meningkatkan keapungan hasil akan dilaksanakan dengan lebih tersusun tanpa menjejaskan momentum pemulihan.

Kerajaan telah memanfaatkan pelbagai instrumen fiskal untuk mengimbangi keperluan perbelanjaan dan kemampuan fiskal bagi memacu pemulihan ekonomi dan kesihatan. Langkah ini termasuk penggunaan sebahagian dana Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) bagi memastikan pembiayaan yang mencukupi dan mempercepat pelaksanaan program vaksinasi di bawah PICK. Justeru, kadar vaksinasi di Malaysia merekodkan antara terpentas di dunia seterusnya membolehkan

Kerajaan membuka semula lebih banyak sektor ekonomi untuk menyokong pertumbuhan. Jumlah vaksinasi harian telah mencatatkan peningkatan mendadak kepada sekitar 500,000 dos pada Julai 2021 berbanding 30,000 dos pada awal pelaksanaan program berikutan peningkatan bekalan vaksin. Pada akhir Ogos, Kerajaan telah menempah lebih 87 juta dos vaksin bernilai sekitar RM4.3 bilion bagi memastikan kelancaran pelaksanaan PICK. Malaysia telah mencapai sasaran untuk memvaksin 80% daripada penduduk dewasa pada September 2021.

Selain itu, agenda sosioekonomi dan pembangunan kekal menjadi keutamaan Kerajaan dalam jangka masa sederhana seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12). Justeru, sumber fiskal akan disalurkan bagi melaksanakan program dan projek di bawah RMKe-12 yang akan bertindak sebagai pemangkin dalam mencorak hala tuju ke arah negara yang makmur, inklusif dan mampan. Kerajaan telah mengemukakan usul di Parlimen untuk meningkatkan had statutori hutang dengan mengambil kira keperluan pembiayaan langkah pemulihan dan pelaksanaan RMKe-12 dalam menghadapi situasi luar biasa ini. Bagi memastikan kemampuan fiskal jangka masa sederhana, trajektori konsolidasi fiskal dijangka bergerak secara lebih beransur-ansur berbanding sasaran asal. Trajektori ini mengambil kira keperluan bagi menyediakan sokongan fiskal yang mencukupi untuk pemulihan ekonomi dan agenda pembangunan negara.

## SISIPAN

## Kumpulan Wang Amanah Negara

### Pengenalan

Dana kekayaan berdaulat adalah dana yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk mengurus dan meningkatkan kekayaan sesebuah negara. Sumber dana ini terdiri daripada pelbagai bentuk antaranya hasil daripada sumber asli, lebihan fiskal atau belanjawan serta pindahan langsung daripada kerajaan untuk mencapai matlamat ekonomi dan pembangunan yang khusus. Dana ini secara lazimnya berfungsi sebagai aset penampungan untuk mengekalkan kekayaan daripada sumber tidak boleh baharu sesebuah negara serta boleh digunakan bagi mengurangkan impak kejutan luar jangka seperti kegawatan ekonomi atau bencana alam. Terdapat pelbagai jenis dana kekayaan berdaulat yang ditubuhkan di seluruh dunia berdasarkan sumber dan tujuan dana yang boleh diringkaskan seperti berikut:

**RAJAH 1.** Jenis Dana Kekayaan Berdaulat



Setiap dana kekayaan berdaulat mempunyai strategi pelaburan dan had risiko tertentu untuk mencapai objektif yang ditetapkan serta memastikan kemampuan dana. Sebagai contoh, dana penstabilan pada kebiasaannya dilabur dalam instrumen berkecairan tinggi dan berisiko rendah seperti bon dan sukuk. Walau bagaimanapun, dana kekayaan berdaulat dengan tanggungan jangka masa panjang seperti dana simpanan, dana strategik dan dana persaraan memberi fokus kepada strategi pelaburan jangka masa panjang bagi mencapai pulangan yang stabil dan konsisten serta mengimbangi profil risiko dan pulangan.

Malaysia mempunyai beberapa dana kekayaan berdaulat dengan objektif penubuhan berbeza seperti Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dan Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN). Khazanah telah ditubuhkan sebagai syarikat Menteri

Kewangan Diperbadankan (MKD) yang berperanan melaksanakan pelaburan strategik Kerajaan manakala KWAP ditubuhkan pada 2007 bertujuan membantu Kerajaan membiayai tanggungan liabiliti pencen. Khazanah dan KWAP ditadbir urus oleh lembaga pengarah dengan dibantu oleh pasukan pengurusan yang khusus.

### **Kumpulan Wang Amanah Negara**

KWAN ditubuhkan pada 1988 melalui Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 [Akta 339]. Penubuhan KWAN bertujuan memastikan hasil daripada sumber tidak boleh baharu negara dioptimumkan sebagai sumber hasil yang mampan untuk generasi akan datang.

#### *Tadbir Urus*


Seksyen 4 Akta 339 memperuntukkan penubuhan panel pemegang amanah yang bertindak sebagai jawatankuasa bagi memantau dan mentadbir operasi KWAN. Ahli panel KWAN terdiri daripada seorang Pengerusi, Timbalan Pengerusi (pegawai daripada Kementerian Kewangan), wakil daripada Jabatan Perdana Menteri serta dua ahli yang berpengalaman dalam bidang perniagaan dan kewangan. Panel pemegang amanah bertanggungjawab ke atas keputusan pelaburan, perakaunan dan pelaporan dana kepada Menteri Kewangan manakala Bank Negara Malaysia (BNM) diberi mandat mengurus operasi harian dana KWAN.

Akta ini juga memperuntukkan supaya akaun KWAN diaudit secara tahunan oleh Jabatan Audit Negara dalam tempoh tiga bulan selepas tahun kewangan berakhir. Penyata kewangan KWAN yang telah diaudit berserta laporan tahunan yang mengandungi profil pelaburan dikemukakan kepada Menteri Kewangan sebelum dibentangkan di Parlimen.

#### *Prestasi*


Berdasarkan Seksyen 5 Akta 339, pihak yang wajar membuat sumbangan kepada dana KWAN termasuk Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), kerajaan negeri yang menerima bayaran royalti daripada pengeksploitan petroleum atau sumber asli tidak boleh baharu lain serta pihak yang terlibat dengan penyelidikan dan pembangunan sumber asli. Penubuhan KWAN pada 1988 bermula dengan dana berjumlah RM114 juta dan meningkat kepada RM19.5 bilion pada akhir Disember 2020. Pertumbuhan dana ini dipacu oleh peningkatan sumbangan daripada PETRONAS serta pulangan daripada pelaburan melalui strategi dan kepelbagaian portfolio yang digunakan. Portfolio pelaburan KWAN terdiri daripada ekuiti, bon, amanah pelaburan hartanah (REITs), emas serta deposit. Sehingga 31 Disember 2020, lebih terkumpul dana KWAN adalah berjumlah RM8.2 bilion manakala sumbangan dana berjumlah RM10.4 bilion.

**RAJAH 2. Pertumbuhan dan Pulangan ke atas Aset KWAN**




Sumber: Laporan Tahunan KWAN

**RAJAH 3. Kedudukan Kewangan KWAN, sehingga 31 Disember 2020**



Sumber: Penyata Kewangan KWAN Beraudit, 2020

**RAJAH 4. Ringkasan Portfolio Pelaburan KWAN**

Sumber: Laporan Tahunan KWAN

### Penggunaan Dana

Seksyen 6 Akta 339 membenarkan penggunaan dana KWAN selepas sepuluh tahun daripada tarikh kuat kuasa Akta dengan kelulusan Menteri Kewangan. Seksyen 6(a) memperuntukkan penggunaan dana bagi perbelanjaan pembangunan seperti dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] manakala Seksyen 6(b) membenarkan pemberian pinjaman atau pendahuluan kepada Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri. Sejak ditubuhkan, dana KWAN pernah digunakan untuk membiayai pembangunan Paya Indah Wetlands berjumlah RM42 juta pada 1998. Namun begitu, pinjaman atau pendahuluan tidak pernah diberikan kepada Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, KWAN mempunyai pegangan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) sebagai sebahagian daripada portfolio pelaburan seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 7 Akta 339.

Pada awal 2020, Malaysia telah dilanda pandemik COVID-19 yang memerlukan pelaksanaan pelbagai perintah kawalan pergerakan (PKP) untuk membendung penularan virus tersebut. Bagi mengurangkan impak ekonomi dan membantu rakyat susulan daripada pelaksanaan PKP, beberapa pakej rangsangan dan pelan pemulihan telah diperkenalkan oleh Kerajaan. Apabila vaksin mula dibekalkan pada 2021, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) telah dilancarkan dengan kos awalan dianggarkan berjumlah RM3 bilion seperti diumumkan dalam Belanjawan 2021. Berikutan kekangan ruang fiskal Kerajaan, sejumlah RM5 bilion daripada dana KWAN telah diuntukkan bagi meningkatkan liputan penerimaan vaksin serta mempercepat program vaksinasi seluruh negara. Perbelanjaan di bawah program ini diperuntukkan bagi perolehan vaksin dan kos berkaitan vaksinasi seperti peralatan, logistik, sewaan tempat dan sebagainya.



Penggunaan dana KWAN bagi PICK dibuat setelah mengambil kira faktor berikut:

- a) Malaysia telah dilanda gelombang kedua dan ketiga pandemik COVID-19 yang membawa varian virus dengan kadar kebolehhajangan tinggi. Gelombang tersebut menyebabkan peningkatan mendadak kes jangkitan sehingga memberi kesan ke atas sistem kesihatan negara. Justeru, Kerajaan perlu menyegerakan PICK bagi mencapai sasaran kadar vaksinasi 80% penduduk dewasa menjelang Oktober 2021 iaitu lebih awal daripada sasaran asal pada suku pertama 2022;
- b) Pelanjutan PKP memerlukan pelaksanaan pelbagai pakej rangsangan dan bantuan bagi melindungi kehidupan rakyat (contoh: program Bantuan Prihatin Nasional dan Bakul Makanan) serta kelangsungan perniagaan (contoh: Geran Prihatin PKS dan Program Subsidi Upah). Situasi ini memerlukan Kerajaan untuk mengoptimumkan pembiayaan bagi kestabilan aliran tunai berikutan kutipan hasil yang perlahan seterusnya menghadkan ruang fiskal;
- c) Ruang fiskal juga semakin terhad dengan peningkatan obligasi kewangan yang berpunca daripada liabiliti yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan. Maka, Kerajaan perlu mencari pembiayaan alternatif sedia ada dan tidak melibatkan tambahan bebanan hutang dalam jangka masa pendek dan sederhana; dan
- d) Kerajaan hanya akan menggunakan dana daripada pulangan pelaburan terkumpul dan bukan daripada jumlah sumbangan. Kerajaan tidak berhasrat untuk membebaskan generasi akan datang dengan hutang jika perolehan vaksin perlu dibiayai melalui pinjaman tambahan.

Walaupun Akta 339 memperuntukkan penggunaan dana KWAN bagi perbelanjaan pembangunan termasuk sektor kesihatan (Jadual Pertama, Akta 406) seperti pembinaan hospital dan klinik serta perolehan aset dan peralatan perubatan, namun perolehan vaksin bukan sebahagian daripada senarai perbelanjaan yang dibenarkan. Justeru, Kerajaan perlu meminda Seksyen 6 Akta 339 bagi membolehkan perolehan vaksin dan pindaan berkenaan telah dibuat melalui Ordinan Darurat pada April 2021 dengan memasukkan klausa sementara dalam Akta seperti berikut:

*"Seksyen 6(c)*


*pemerolehan vaksin dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengan vaksin bagi suatu wabak apa-apa penyakit berjangkit sebagaimana yang dinyatakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]."*

Seterusnya pindaan ini dibentangkan di Parlimen pada Oktober 2021 untuk mengekalkan klausa tersebut dalam Akta 339.

### **Kemajuan PICK**

Sumbangan dana KWAN telah merencanakan pelaksanaan program vaksinasi seterusnya menjadikan Malaysia antara negara terpantas dari segi kadar pemberian vaksin COVID-19 harian. Sehingga 30 September 2021, seramai 20 juta individu atau 85.7% populasi dewasa telah divaksin sepenuhnya. Perkembangan ini membolehkan pembukaan sektor ekonomi dilaksanakan secara berperingkat seterusnya mempercepat pemulihan ekonomi negara.

**RAJAH 5. Malaysia: Kadar Vaksinasi, Akhir September 2021**




Sumber: Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF)

### Pengalaman Dana Kekayaan Berdaulat Lain

Seperti Malaysia, negara lain juga menggunakan dana simpanan dan dana penstabilan terutamanya dana berasaskan sumber asli untuk membiayai langkah bantuan dan rangsangan dalam menangani impak pandemik COVID-19 (Rajah 6). Tindakan ini selaras dengan salah satu tujuan penubuhan dana berkenaan iaitu menyediakan sokongan segera fiskal dalam tempoh krisis. Sebagai contoh, Norway Government Pension Fund Global telah menyumbang USD35.7 bilion pada 2020 dan USD30.7 bilion pada 2021 untuk membiayai belanjawan termasuk langkah menangani krisis COVID-19. Singapura pula memperuntukkan USD31.8 bilion daripada rizab untuk membiayai COVID-19 Resilience Package pada 2020 dan USD8.2 bilion pada 2021.

**RAJAH 6. Penggunaan Dana Kekayaan Berdaulat Global 2020**



Sumber: Natural Resource Governance Institute, Ministry of Finance Norway dan Ministry of Finance Singapore

## Kesimpulan

Dana kekayaan berdaulat berperanan penting untuk melindungi kepentingan generasi akan datang. Namun begitu, dana ini telah menjadi sumber kewangan alternatif bagi kebanyakan negara termasuk Malaysia untuk membiayai strategi pemulihan krisis pandemik COVID-19. Memandangkan terdapat kekangan fiskal, Kerajaan telah menggunakan sebahagian dana KWAN untuk menangani pandemik ini. Penggunaan dana KWAN untuk program vaksinasi kebangsaan merupakan komponen penting agenda pemulihan negara demi membolehkan Malaysia keluar daripada krisis, memacu pemulihan ekonomi serta melindungi masa hadapan negara. Kerajaan komited untuk menggantikan semula dana berkenaan apabila ekonomi stabil dan kembali mencapai trajektori pertumbuhan.

## Rujukan

Bauer, A. (2020). *How Have Governments of Resource-Rich Countries Used Their Sovereign Wealth Funds During the Crisis?*. Natural Resource Governance Institute. Dicapai daripada <https://resourcegovernance.org>

Global SWF. (2021). 2021 Annual Report. Dicapai daripada <https://globalswf.com/reports>

Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021). COVID-19 Malaysia: Empat Hari Berturut-Turut, Pemberian Vaksin Lepasi 400,000 dos Sehari. Dicapai daripada <https://covid-19.moh.gov.my>

Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN). (2020). Penyata Kewangan Beraudit sehingga 31 Disember 2020.

Ministry of Finance Norway. (2021). Revised National Budget 2021. Dicapai daripada <https://www.regjeringen.no>

Ministry of Finance Singapore. (2021). Annex F-2: Fiscal Position in FY2021. Dicapai daripada <https://www.mof.gov.sg>

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). (2007). Global Financial Stability Report 2007: *Financial Market Turbulence: Causes, Consequences, and Policies*. Dicapai daripada <https://www.imf.org>

## Kedudukan Fiskal 2021

Kerajaan menerusi Belanjawan 2021 telah mengunjurkan defisit fiskal berbanding KDNK berkurang kepada 5.4% berdasarkan andaian pemulihan ekonomi yang stabil pada separuh kedua 2020 dan berlanjutan hingga 2021. Walau bagaimanapun, kemunculan varian baharu COVID-19 yang lebih merbahaya dan mudah merebak memberi cabaran besar kepada Kerajaan dalam melindungi rakyat, perniagaan dan ekonomi. Justeru, Kerajaan telah melaksanakan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan mengumumkan pakej bantuan dan rangsangan ekonomi tambahan untuk meringankan beban rakyat dan perniagaan.

Pelaksanaan PKP dan pakej bantuan tersebut telah menjejaskan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Pada 2021, hasil dianggarkan menyusut 6.7% daripada anggaran belanjawan kepada RM221 bilion atau 14.6%

kepada KDNK. Penyusutan ini terutamanya disebabkan oleh kutipan hasil cukai yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, pengurangan tersebut akan ditampung oleh hasil tambahan berikutan purata harga minyak mentah dan minyak sawit yang lebih tinggi serta dividen tambahan dan bayaran khas daripada entiti Kerajaan.

Kerajaan telah menyusun semula keutamaan perbelanjaan ke arah menyokong sistem penjagaan kesihatan, meringankan beban rakyat dan memastikan kelangsungan perniagaan dengan mengambil kira keperluan fiskal yang semakin meningkat. Justeru, perbelanjaan telah disemak semula untuk membiayai pakej bantuan dan rangsangan ekonomi tambahan seterusnya meningkatkan keperluan perbelanjaan di bawah KWC-19. Oleh itu, jumlah perbelanjaan dijangka kekal signifikan sebanyak RM320.6 bilion walaupun lebih rendah secara marginal sebanyak 0.6% berbanding anggaran belanjawan pada RM322.5 bilion.

**JADUAL 1.1.** Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan, 2020 – 2022

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN KEPADA KDNK (%)		
	2020	2021 <sup>3</sup>	2022 <sup>4</sup>	2020	2021 <sup>3</sup>	2022 <sup>4</sup>	2020	2021 <sup>3</sup>	2022 <sup>4</sup>
Hasil	225,076	221,023	234,011	-14.9	-1.8	5.9	15.9	14.6	14.3
Perbelanjaan mengurus	224,600	219,600	233,500	-14.7	-2.2	6.3	15.9	14.5	14.3
<b>Baki semasa</b>	<b>476</b>	<b>1,423</b>	<b>511</b>				<b>0.0</b>	<b>0.1</b>	<b>0.0</b>
Perbelanjaan pembangunan kasar	51,360	62,000	75,600	-5.2	20.7	21.9	3.6	4.1	4.6
Tolak: Terimaan balik pinjaman	1,259	800	600	-21.5	-36.5	-25.0	0.1	0.1	0.0
Perbelanjaan pembangunan bersih	50,101	61,200	75,000	-4.7	22.2	22.5	3.5	4.0	4.6
Kumpulan Wang COVID-19 <sup>1</sup>	38,019	39,000	23,000		2.6	-41.0	2.7	2.6	1.4
<b>Baki keseluruhan</b>	<b>-87,644</b>	<b>-98,777</b>	<b>-97,489</b>				<b>-6.2</b>	<b>-6.5</b>	<b>-6.0</b>
<b>Baki primer<sup>2</sup></b>	<b>-53,149</b>	<b>-59,777</b>	<b>-54,389</b>				<b>-3.8</b>	<b>-3.9</b>	<b>-3.3</b>

<sup>1</sup> Kumpulan wang amanah khusus di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi

<sup>2</sup> Tidak termasuk bayaran khidmat hutang

<sup>3</sup> Anggaran disemak

<sup>4</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2022

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Perbelanjaan mengurus (OE) dijangka berkurang sebanyak 7.1% atau RM16.9 bilion kepada RM219.6 bilion terutamanya daripada bekalan dan perkhidmatan serta pemberian kepada badan berkanun yang mempunyai rizab kewangan tinggi. Di samping itu, perbelanjaan pembangunan (DE) dijangka berkurang 10.1% kepada RM62 bilion berbanding anggaran belanjawan sebanyak RM69 bilion. Beberapa projek pembangunan telah disemak dan dijadual semula berikutan pelaksanaan PKP yang telah menjejaskan kemajuan pelaksanaan projek. Walau bagaimanapun, peruntukan KWC-19 dianggar meningkat sebanyak 129.4% atau RM22 bilion kepada RM39 bilion bagi membiayai pakej bantuan dan rangsangan ekonomi tambahan.

Pandemik yang berpanjangan melangkaui jangkaan telah memaksa Kerajaan untuk meningkatkan kapasiti perbelanjaan bagi menyediakan sokongan fiskal tambahan. Justeru, defisit fiskal Kerajaan Persekutuan berbanding KDNK diunjur meningkat kepada 6.5% berikutan suntikan fiskal tambahan dan unjuran KDNK yang lebih rendah. Oleh itu, baki primer yang tidak termasuk bayaran khidmat hutang berbanding KDNK juga dijangka meningkat kepada 3.9%.

## Tinjauan 2022

Memandangkan keadaan ekonomi global masih tidak menentu, terdapat keperluan untuk merencanakan semula aktiviti ekonomi domestik dan sosial bagi mempercepat pemulihan. Program vaksinasi merupakan antara penyumbang utama kepada pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial. Pada 2022, prospek ekonomi dijangka bertambah baik dan kembali kepada trajektori pertumbuhan disokong oleh liputan vaksinasi yang lebih luas serta permintaan domestik dan luar yang stabil. Sebagaimana Kenyataan Pra-Bajet yang julung kali diterbitkan, Bajet 2022 dirangka berdasarkan tiga objektif utama iaitu melindungi dan memulih kehidupan serta mata pencarian, membina semula daya tahan negara dan memangkin pembaharuan. Kerajaan akan

meneruskan dasar belanjawan mengembang bagi menyokong agenda pembangunan nasional seperti yang digariskan dalam RMKe-12.

Pada 2022, kutipan hasil Kerajaan Persekutuan dianggar lebih tinggi pada RM234 bilion atau 14.3% kepada KDNK didorong oleh jangkaan peningkatan hasil cukai kepada RM171.4 bilion dan hasil bukan cukai berjumlah RM62.6 bilion. Selain itu, jumlah perbelanjaan dianggarkan lebih tinggi pada RM332.1 bilion atau 20.3% kepada KDNK disebabkan oleh peningkatan OE kepada RM233.5 bilion dan DE RM75.6 bilion. Baki sebanyak RM23 bilion merupakan peruntukan KWC-19. Peningkatan OE terutamanya disebabkan oleh bekalan dan perkhidmatan, bayaran khidmat hutang serta emolumen. Peruntukan DE akan disalurkan terutamanya bagi melaksanakan program dan projek di bawah RMKe-12 termasuk pembinaan Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru, Sistem Transit Rapid dan Lebuhraya Pan Borneo.

Kerajaan akan memperuntukkan RM23 bilion bagi langkah rangsangan dan pemulihan ekonomi berikutan peningkatan had siling KWC-19. Peruntukan tersebut akan digunakan untuk program dan projek seperti program subsidi upah dan bantuan tunai serta projek berskala kecil. Kumpulan wang ini akan terus beroperasi sehingga akhir 2022 seperti termaktub dalam Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830].

Defisit fiskal berbanding KDNK dijangka berkurang kepada 6% setelah mengambil kira pertumbuhan hasil dan keperluan perbelanjaan. Selain itu, baki primer yang tidak termasuk bayaran khidmat hutang berbanding KDNK dianggarkan pada 3.3%. Kerajaan komited untuk menyediakan sokongan fiskal yang mencukupi bagi merencanakan semula ekonomi domestik dan kembali ke arah potensi pertumbuhan negara. Justeru, langkah konsolidasi fiskal akan diteruskan semula secara berperingkat berdasarkan rangka kerja fiskal jangka sederhana.

## Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana 2022 - 2024

Dalam jangka masa sederhana, strategi fiskal akan berteraskan kepada Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF). Rangka kerja ini berfungsi sebagai panduan perancangan belanjawan dengan menetapkan unjuran makro-fiskal tiga tahun merangkumi kedudukan hasil dan perbelanjaan. Justeru, MTFF penting dalam pengurusan kewangan awam dan operasi bagi menambah baik disiplin fiskal, memastikan keberkesanan dan kecekapan perbelanjaan serta melaksanakan pembaharuan institusi.

Berdasarkan MTFF 2021 - 2023 yang diterbitkan dalam Belanjawan 2021, Kerajaan mengunjurkan defisit fiskal pada purata 4.5% kepada KDNK bagi tempoh tiga tahun. Unjuran tersebut mengambil kira andaian pemulihan ekonomi yang kukuh dengan pertumbuhan KDNK benar antara 4.5% - 5.5%, harga minyak mentah yang stabil (USD45 - USD55 setong) dan pengeluaran minyak mentah sebanyak 580,000 tong sehari. Jumlah hasil diunjur 14.7% kepada KDNK manakala jumlah perbelanjaan dianggarkan 19.3%.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah menyediakan suntikan fiskal tambahan dan meningkatkan had statutori hutang berikutan pandemik COVID-19 yang berpanjangan bagi memastikan perbelanjaan mencukupi untuk pakej rangsangan ekonomi dan langkah pemulihan serta pelaksanaan RMKe-12. Oleh itu, MTFF 2022 - 2024 telah disemak semula dengan konsolidasi fiskal secara lebih beransur-ansur berdasarkan andaian pertumbuhan KDNK nominal pada purata 7.7%, purata harga minyak mentah pada USD67 setong serta purata pengeluaran minyak mentah sebanyak 580,000 tong sehari.

Jumlah hasil dalam jangka masa sederhana dianggar sebanyak RM736.0 bilion atau 13.9% kepada KDNK terutamanya disumbangkan

oleh hasil bukan petroleum yang dianggar sebanyak RM600.7 bilion atau 11.3% kepada KDNK. Hasil berkaitan petroleum diunjur pada RM135.3 bilion atau 2.6% kepada KDNK. Usaha untuk menambah baik asas hasil akan berpandukan Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) yang menggariskan pelaksanaan langkah hasil secara berperingkat, semakan semula perundangan cukai dan pemodenan pentadbiran hasil.

**JADUAL 1.2.** Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF), 2022 - 2024

	2022 - 2024	
	RM BILION	BAHAGIAN KEPADA KDNK (%)
Hasil	736.0	13.9
Bukan Petroleum	600.7	11.3
Berkaitan Petroleum	135.3	2.6
Perbelanjaan mengurus	726.9	13.7
<b>Baki semasa</b>	<b>9.1</b>	<b>0.2</b>
Perbelanjaan pembangunan kasar	250.0	4.7
Tolak: terimaan balik pinjaman	1.8	0.0
Perbelanjaan pembangunan bersih	248.2	4.7
Kumpulan Wang COVID-19 <sup>1</sup>	23.0	0.5
<b>Baki keseluruhan</b>	<b>-262.1</b>	<b>-5.0</b>
<b>Baki Primer</b>	<b>-122.6</b>	<b>-2.3</b>
Asas andaian:		
Purata pertumbuhan KDNK benar (%)	5.5	
Purata pertumbuhan KDNK nominal (%)	7.7	
Purata harga minyak mentah (USD setong)	67	
Purata pengeluaran minyak (tong sehari)	580,000	

<sup>1</sup> Kumpulan wang amanah khusus ditubuhkan di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi

Nota: Anggaran MTFF tidak termasuk langkah belanjawan  
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Jumlah siling perbelanjaan indikatif untuk tempoh 2022 – 2024 termasuk KWC-19 diunjur sebanyak RM999.9 bilion atau 18.9% kepada KDNK. Peruntukan OE dianggar pada RM726.9 bilion atau 13.7% kepada KDNK manakala DE RM250 bilion atau 4.7%. Siling ini memberi panduan kepada kementerian dan agensi untuk merangka perancangan belanjawan seterusnya melancarkan pelaksanaan serta pembiayaan program dan projek.

Trajektori konsolidasi fiskal dalam jangka masa sederhana dijangka bergerak lebih beransur-ansur daripada unjuran asal dengan defisit fiskal keseluruhan pada purata 5% kepada KDNK bagi tempoh MTF 2022 – 2024. Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif pembaharuan untuk memastikan kemampunan fiskal dan meningkatkan kemampuan keberhutangan di samping menyokong pemulihan ekonomi.

## RENCANA

### Rangka Kerja Akta Tanggungjawab Fiskal

#### Pendahuluan

Malaysia telah beralih daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi yang lebih pelbagai melalui beberapa siri pelan pembangunan negara berteraskan pengurusan dasar fiskal dan monetari yang efektif. Krisis pandemik COVID-19 telah meningkatkan kepentingan peranan dasar fiskal dalam menyokong pemulihan ekonomi dan kesihatan serta kekal fleksibel dalam sebarang situasi ekonomi. Pada masa yang sama, Kerajaan perlu mengimbangi antara keperluan segera negara dengan usaha mengekalkan kemampunan kewangan awam dalam jangka masa sederhana dan panjang. Usaha tersebut merangkumi inisiatif untuk menambah baik struktur institusi dan tadbir urus, ketelusan pelaporan dan keberkesanan pengurusan risiko melalui pembaharuan fiskal yang lebih bertanggungjawab dan progresif.

Walaupun pandemik ini telah menjejaskan pelan konsolidasi fiskal, namun Kerajaan kekal komited untuk meneruskan inisiatif pembaharuan fiskal bagi memperkukuh kewangan awam serta menyokong pemulihan ekonomi. Kerajaan sedang menggubal Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) bagi menambah baik tadbir urus, akauntabiliti dan ketelusan pengurusan fiskal. Dalam hal ini, Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC) telah meluluskan rangka kerja FRA pada Mei 2021. Susulan itu, satu kertas konsultasi awam mengenai cadangan rangka kerja ini telah disediakan bagi mendapatkan maklum balas daripada orang ramai.


#### Rangka Kerja Perundangan Semasa

Rangka kerja dasar fiskal sedia ada dikawal selia oleh pelbagai undang-undang dan peraturan. Perlembagaan Persekutuan 1957 merupakan undang-undang tertinggi Persekutuan meliputi tadbir urus kewangan awam terutamanya prosedur belanjawan serta fungsi dan peranan Parlimen dalam meluluskan dan memantau rang undang-undang perbekalan tahunan. Di samping itu, Perlembagaan Persekutuan menjelaskan hubungan antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri terutamanya melalui Senarai Persekutuan, Negeri dan Bersama. Di bawah Perlembagaan Persekutuan, kerajaan negeri kecuali Sabah dan Sarawak hanya boleh meminjam daripada atau dengan kebenaran Kerajaan Persekutuan. Selain itu, kerajaan negeri tidak dibenarkan untuk mengeluarkan jaminan tanpa kelulusan Kerajaan Persekutuan, seterusnya mengehendkan pendedahan risiko hutang dan liabiliti di peringkat Kerajaan Persekutuan.

Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] merupakan perundangan utama yang menjadi rujukan dalam pengurusan dan kawalan kewangan awam. Prosedur dan garis panduan berkaitan pengurusan kewangan dijelaskan melalui Arahan dan Pekeliling Perbendaharaan yang dikemas kini dari semasa ke semasa. Beberapa akta lain pula menyediakan asas perundangan berkaitan pentadbiran, kutipan dan tadbir urus cukai seperti Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806] dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807] serta Akta Kastam 1967 [Akta 235]. Selain itu, perbelanjaan pembangunan yang dikawal selia di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] hanya membenarkan perbelanjaan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta tersebut. Berikutan krisis pandemik COVID-19, Kerajaan telah menubuhkan satu kumpulan wang amanah sementara yang dikenali sebagai Kumpulan Wang COVID-19 bertujuan membiayai semua pakej rangsangan serta langkah menangani pandemik secara menyeluruh. Bagi tadbir urus kewangan entiti berkaitan Kerajaan contohnya Badan Berkanun Persekutuan, selain daripada akta tubuh masing-masing, terdapat tiga perundangan yang perlu dipatuhi iaitu Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240], Akta Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999 [Akta 598] dan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

Terdapat beberapa undang-undang yang mengawal selia hutang dan liabiliti Kerajaan termasuk Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637], Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188], Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403], Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 [Akta 375] dan Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96]. Kerajaan juga telah mengguna pakai beberapa peraturan fiskal

**RAJAH 1. Rangka Kerja Perundangan Fiskal**



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia



bagi meningkatkan disiplin belanjawan seperti peraturan hutang dan peraturan keemasan. Peraturan hutang merujuk kepada had siling hutang statutori iaitu 65% daripada KDNK manakala peraturan keemasan menetapkan pinjaman hanya boleh digunakan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan. Akta dan peraturan berkaitan hutang adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1: Akta dan Peraturan Hutang**

Peraturan	Akta
Siling hutang dalam negeri <sup>1</sup> tidak melebihi 65% daripada KDNK	Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020
Siling MTB tidak melebihi RM10 bilion	Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946
Siling pinjaman luar pesisir tidak melebihi RM35 bilion	Akta Pinjaman Luar Negeri 1963

Nota: <sup>1</sup> Merujuk kepada Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB)  
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC) yang ditubuhkan pada 2013 merupakan sebahagian daripada inisiatif pembaharuan fiskal bagi mengukuhkan kewangan awam dan memastikan kemampuan fiskal dalam jangka masa panjang. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan dianggotai oleh beberapa Menteri Kabinet, Ketua Setiausaha Negara dan agensi pusat utama. Jawatankuasa ini bersidang sekurang-kurangnya dua kali setahun dengan Perbendaharaan Malaysia selaku sekretariat.

### Cadangan Rangka Kerja FRA

Pengubalan FRA bertujuan untuk menyediakan perundangan khusus bagi mengawal selia pengurusan dasar fiskal Kerajaan. Akta ini akan digubal berdasarkan konteks Malaysia bagi menyediakan rangka kerja yang kukuh untuk pengurusan fiskal berhemat. Di samping itu, FRA ini juga mengandungi prinsip pengurusan fiskal yang kukuh dengan memberi penekanan kepada ketelusan dan akauntabiliti seperti mana undang-undang tanggungjawab fiskal terkini di kebanyakan negara.

Selain itu, cadangan rangka kerja FRA memerlukan Kerajaan menerbitkan objektif fiskal utama yang boleh diukur selaras dengan prinsip FRA termasuk memastikan baki belanjawan yang mampan serta pengurusan berhemat hutang dan risiko fiskal. Negara seperti New Zealand dan Australia telah menerapkan prinsip dan objektif fiskal tersebut dalam undang-undang tanggungjawab fiskal. Perundangan di United Kingdom pula memerlukan kerajaan untuk menerbitkan objektif fiskal utama dalam dokumen berasingan yang dikenali sebagai *Charter for Budget Responsibility*. Beberapa undang-undang tanggungjawab fiskal juga mengandungi klausa yang memberi pengecualian sementara kepada kerajaan daripada mematuhi peraturan fiskal terutamanya semasa keadaan luar jangka atau krisis.

Terdapat empat komponen utama dalam pengurusan fiskal iaitu hasil, perbelanjaan, hutang dan risiko fiskal. Komponen ini perlu diurus secara efektif dan berhemat dengan tahap ketelusan dan akauntabiliti yang tinggi ke arah pengukuhan pengurusan fiskal termasuk menguruskan risiko fiskal berkaitan liabiliti luar jangka yang boleh menjejaskan objektif konsolidasi fiskal Kerajaan. Oleh itu, FRA akan mengandungi peruntukan berkaitan komponen utama tersebut iaitu kemampuan dasar hasil, keberkesanan perbelanjaan serta pengurusan berhemat hutang dan risiko fiskal bagi memastikan kemampuan fiskal jangka masa panjang.

Ciri utama lain yang terdapat dalam perundangan fiskal ialah keperluan pelaporan. Cadangan FRA ini akan mewajibkan pelaporan dokumen pra- dan pasca-belanjawan seperti unjuran ekonomi dan fiskal, kenyataan pra-belanjawan, laporan ekonomi dan fiskal separuh tahun, kenyataan risiko fiskal, laporan perbelanjaan cukai, laporan prestasi belanjawan separuh tahun dan laporan kewangan tahunan. Penerbitan dokumen-dokumen ini akan meningkatkan ketelusan pelaporan objektif dan prestasi fiskal. Di samping itu, FRA akan terus mengukuhkan peranan FPC dengan menginstitusikan FPC sebagai sebuah jawatankuasa penasihat tertinggi dalam hal berkaitan fiskal.

**RAJAH 2.** Cadangan Rangka Kerja Akta Tanggungjawab Fiskal



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

## Libat Urus dengan Pihak Berkepentingan

### *Konsultasi Awam*

Satu kertas konsultasi awam telah diterbitkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) bagi mendapatkan input dan maklum balas berkenaan penggubalan FRA sebagai sebahagian daripada agenda pembaharuan fiskal. Kertas konsultasi tersebut mengandungi asas pertimbangan, isu berkaitan pengurusan fiskal serta cadangan rangka kerja FRA. Penerbitan kertas konsultasi ini dimuat naik dalam Laman Web Khas Bajet 2022 MOF mulai 3 hingga 15 September 2021.

Maklum balas positif daripada orang awam mengenai rangka kerja FRA yang dicadangkan dalam kertas konsultasi telah diterima oleh MOF. Secara umumnya, orang awam menyokong usaha Kerajaan untuk meningkatkan tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan fiskal melalui pengenalan FRA. Semua cadangan akan dipertimbangkan sebelum FRA dimuktamadkan. Antara cadangan yang diterima adalah seperti berikut:

- Melaksanakan perakaunan akruan berdasarkan standard perakaunan antarabangsa;
- Memastikan kadar cukai yang stabil dan boleh dijangka;
- Menambah baik pengurusan aset Kerajaan;

- d) Mengkaji semula keahlian FPC dengan melibatkan pakar daripada sektor swasta;
- e) Menubuhkan institusi fiskal bebas;
- f) Mengkaji semula peranan syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan);
- g) Menambah baik pengurusan jaminan Kerajaan;
- h) Mengkaji semula skim pencen daripada berasaskan faedah persaraan kepada caruman;
- i) Meningkatkan perbelanjaan pelaburan awam; dan
- j) Memperluas asas hasil dengan memperkenalkan sumber hasil baharu dan mengurangkan pengecualian cukai.

Di samping itu, MOF akan terus bekerjasama dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi mendapatkan pandangan pakar dan bantuan teknikal dalam penggubalan FRA. Selain itu, sesi libat urus dengan pihak berkepentingan akan terus diadakan bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas dalam merangka FRA. Draf rang undang-undang FRA akan dikemukakan kepada Kabinet untuk kelulusan sebelum dibentangkan di Parlimen.

#### *Maklum Balas Komuniti Tempatan dan Antarabangsa*

Kerajaan telah menerima maklum balas positif daripada pelbagai pihak sejak pengumuman FRA. Maklum balas yang konstruktif akan dipertimbangkan dalam menambah baik kandungan dan proses penggubalan FRA. Antara maklum balas yang diterima daripada organisasi tempatan adalah seperti dalam **Jadual 2**.

#### **JADUAL 2:** *Maklum Balas Organisasi Tempatan*

“Dalam jangka masa panjang, kedudukan kewangan Malaysia dijangka bertambah baik menerusi usaha berterusan bagi meningkatkan hasil melalui pencapaian matlamat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pembaharuan Cukai dan penggubalan Akta Perolehan Kerajaan 2020 serta Akta Tanggungjawab Fiskal 2021. Walaupun perincian akta masih belum jelas pada ketika ini, namun RAM menjangkakan pemantauan fiskal dan pengawalan belanjawan yang lebih baik bagi meningkatkan kemampanan fiskal Malaysia.”

RAM Rating Services Sdn. Bhd., Siaran Media, November 2019

“Akhirnya, diharapkan Kerajaan memandang serius ketelusan fiskal terutamanya hasrat untuk membentangkan Akta Tanggungjawab Fiskal pada 2021.”

IDEAS, Kenyataan Media, November 2020

“Selain itu, dengan pengenalan Akta Tanggungjawab Fiskal, kami percaya pengurusan dasar fiskal akan bertambah kukuh di samping Kerajaan akan terus memperkenalkan langkah berkaitan konsolidasi fiskal.”

Affin Hwang Investment Bank Bhd, Economic Update Malaysia - Tinjauan Ekonomi 2H2020, Jun 2020

Agensi antarabangsa seperti IMF, Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) dan agensi penarafan turut sama berkongsi pandangan. Organisasi tersebut menyambut baik usaha Kerajaan untuk meningkatkan tadbir urus fiskal melalui penggubalan FRA. Inisiatif pembaharuan ini dijangka memberi impak positif ke atas penilaian penarafan kredit terutamanya berkaitan tadbir urus. Antara maklum balas organisasi antarabangsa adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3: Maklum Balas Organisasi Antarabangsa**

“Sebagai persediaan kepada perubahan dalam had hutang dan menambah baik kewangan awam, pihak berkuasa perlu mempercepat penyediaan Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA).”

IMF, Staff Report for the 2021 Article IV Consultation for Malaysia, Februari 2021

“Di samping itu, Kerajaan telah mengumumkan pada 2018 untuk memperkenalkan Akta Tanggungjawab Fiskal menjelang 2021. Hasil, perbelanjaan, baki belanjawan dan hutang akan diuruskan dengan lebih konsisten antara satu sama lain melalui penetapan peraturan dan pelaporan bagi meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti di bawah Akta Tanggungjawab Fiskal tersebut yang turut diguna pakai di negara lain seperti Ireland, New Zealand dan Thailand.”

OECD, OECD Economic Surveys: Malaysia 2021, Ogos 2021

“Kerajaan juga meneruskan usaha penggubalan Akta Tanggungjawab Fiskal untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti fiskal serta menambah baik pengurusan fiskal secara keseluruhan.”

Fitch Ratings, Malaysia Rating Report, Ogos 2021

“Agenda pembaharuan untuk memperkukuh institusi, tadbir urus dan kapasiti pentadbiran kekal penting bagi melengkapkan usaha ini dan perlu diteruskan.”

World Bank, Malaysia Economic Monitor, Jun 2020

## Penutup

Kerajaan komited untuk meneruskan agenda pembaharuan fiskal bagi mengukuhkan kewangan awam setelah ekonomi kembali pulih. Penggubalan FRA menggambarkan komitmen dan strategi Kerajaan ke arah pengurusan fiskal yang lebih baik. Inisiatif pembaharuan ini akan terus meningkatkan kredibiliti dasar fiskal Kerajaan ke arah mencapai kemampuan kewangan awam dan kestabilan makroekonomi dalam jangka masa panjang. Penyediaan rangka kerja FRA yang kukuh akan menambah baik ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan fiskal Kerajaan.

## Rujukan

Fitch Ratings (2021), Malaysia Rating Report. Dicapai daripada <https://www.fitchratings.com>

IMF (2021), Malaysia: 2021 Article IV Consultation-Press Release; Staff Report; and Statement by the Executive Director for Malaysia, IMF Publishing, Washington D.C. Dicapai daripada <https://www.imf.org>

Kementerian Kewangan Malaysia (2019), Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2020. Dicapai daripada <https://www.mof.gov.my>

Kementerian Kewangan Malaysia (2020), Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2021. Dicapai daripada <https://www.mof.gov.my>

Kementerian Kewangan Malaysia (2021), Fiscal Updates 2020. Dicapai daripada <https://www.mof.gov.my>

Lienert, I. (2010). Should Advanced Countries Adopt a Fiscal Responsibility Law?, IMF Working Paper, International Monetary Fund. Dicapai daripada <https://www.imf.org>

Moody's Investor Service (2021), Government of Malaysia – A3 Stable: Update following change in forecasts. Dicapai daripada <https://www.moody.com/research>

OECD (2019), OECD Economic Surveys: Malaysia 2019, OECD Publishing, Paris. Dicapai daripada <https://www.oecd.org>

Schaechter A., Kinda T., Budina N., & Weber A., (2012). Fiscal Rules in Response to the Crisis – Toward the “Next-Generation” Rules. A New Dataset, IMF Working Paper, International Monetary Fund. Dicapai daripada <https://www.imf.org>

World Bank (2020), Malaysia Economic Monitor (June 2020): Surviving the Storm, World Bank, Washington, DC. Dicapai daripada <https://openknowledge.worldbank.org>

## Kesimpulan


Krisis COVID-19 yang berpanjangan telah memaksa Kerajaan untuk terus menyediakan sokongan fiskal tambahan bagi meningkatkan sistem penjagaan kesihatan, melindungi rakyat dan membantu pemulihan ekonomi. Kerajaan yakin pelaksanaan PPN dan PICK akan membolehkan pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial secara selamat dan sistematik seterusnya merancak momentum pertumbuhan. Selain itu, RMKe-12 akan menyediakan rangka kerja dasar yang holistik bagi pembaharuan struktur dan menetapkan hala tuju jangka masa sederhana bagi pelaburan dalam pembangunan infrastruktur awam dan modal insan serta merapatkan jurang pembangunan antara wilayah dan antara kumpulan pendapatan.

Kerajaan telah menerbitkan Kenyataan Pra-Bajet buat julung kali dan siri kertas konsultasi awam berkaitan perundangan fiskal, pembaharuan cukai, sistem bantuan sosial dan perolehan Kerajaan sebagai antara inisiatif untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti fiskal serta menggalakkan


penglibatan awam. Maklum balas positif dan membina daripada pelbagai pihak berkepentingan telah diterima susulan penerbitan tersebut. Inisiatif ini mengukuhkan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan tadbir urus belanjawan dan pengurusan kewangan awam.

Pengukuhan pengurusan kewangan awam dan pemulihan semula ruang fiskal dengan kadar segera penting bagi membolehkan penyediaan suntikan fiskal ke arah menyokong pertumbuhan ekonomi. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, peningkatan sementara had statutori hutang akan disusuli dengan usaha meningkatkan hasil bagi mengurangkan beban fiskal. Langkah ini akan membantu menyediakan ruang fiskal mencukupi bagi melaksanakan langkah kitaran balas dalam menangani keadaan tidak dijangka pada masa hadapan. Justeru, inisiatif pembaharuan institusi seperti Akta Tanggungjawab Fiskal, MTRS dan Semakan Semula Perbelanjaan Awam akan dilaksanakan demi meningkatkan tadbir urus dan kemampuan fiskal dalam jangka masa sederhana.


**RAJAH 1.1. Baki Keseluruhan dan Primer Kerajaan Persekutuan**



**RAJAH 1.2. Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Baki Semasa Kerajaan Persekutuan**




**RAJAH 1.3. Baki Keseluruhan MTFF Kerajaan Persekutuan**



Nota: 2021: Anggaran disemak  
 2022: Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2022  
 Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

**RAJAH 1.4. Kedudukan Fiskal Disemak Semula 2021**



<sup>1</sup> Mengambil kira semakan semula KDNK nominal yang lebih rendah

## SEKSYEN 2

# Hasil Kerajaan Persekutuan

### **25 PERSPEKTIF KESELURUHAN**

---

### **25 HASIL 2021**

Rencana - Strategi Hasil Jangka Sederhana:  
Ke Arah Pembaharuan Hasil di Malaysia

---

### **33 TINJAUAN 2022**

---

### **34 KESIMPULAN**

---





## SEKSYEN 2

# Hasil Kerajaan Persekutuan

## Perspektif Keseluruhan

Pandemik COVID-19 yang berlarutan telah menyebabkan penguatkuasaan semula langkah kawalan yang memberikan impak kepada ekonomi, operasi perniagaan dan interaksi sosial. Keadaan ini menyebabkan penyediaan sokongan fiskal antaranya melalui insentif dan pelepasan cukai untuk mengurangkan impak pandemik. Sehubungan itu, prestasi hasil tahun ini diunjur lebih rendah berbanding sasaran, seterusnya mengehadkan ruang fiskal dan usaha untuk memulihkan ekonomi.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan usaha mempercepat program vaksinasi di seluruh negara dijangka dapat merangsang pemulihan dan meningkatkan hasil dengan pembukaan kembali ekonomi secara berperingkat. Harga komoditi yang tinggi berserta inisiatif meningkatkan hasil yang dilaksanakan pada tahun semasa juga telah membantu menjana kutipan hasil yang lebih baik.

Kenyataan Pra-Bajet yang pertama dan empat Kertas Konsultasi Awam telah diterbitkan sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan keterangkuman dan ketelusan penyediaan bajet tahunan. Kertas konsultasi tersebut termasuk Kajian Semula Insentif Cukai diterbitkan untuk mendapatkan pandangan mengenai cadangan kajian semula rangka kerja insentif cukai secara keseluruhan. Inisiatif ini menandakan pendekatan baharu Kerajaan untuk melibatkan komuniti perniagaan dan orang ramai bagi memperkukuh pentadbiran dan pematuhan cukai secara keseluruhan.

## Hasil 2021

Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat kutipan lebih rendah pada 2021 iaitu RM221 bilion (14.6% kepada KDNK) berbanding RM225.1 bilion (15.9% kepada KDNK) pada

2020. Pengurangan jumlah hasil sebanyak 1.8% terutamanya disebabkan oleh kejatuhan hasil bukan cukai berikutan pendapatan pelaburan yang lebih rendah. Sebaliknya, hasil cukai yang merupakan 73.2% daripada jumlah hasil (10.7% kepada KDNK) dianggar meningkat 4.8% kepada RM161.8 bilion (2020: RM154.4 bilion) manakala hasil bukan cukai diunjur mencatat RM59.2 bilion (3.9% kepada KDNK) mewakili 26.8% daripada jumlah hasil.

**Cukai langsung** diunjur meningkat 6.7% kepada RM120 bilion terutamanya disumbangkan oleh kutipan cukai pendapatan syarikat (CITA) yang lebih tinggi iaitu RM60.6 bilion. Prestasi lebih baik tersebut berikutan kesan asas yang rendah disokong oleh beberapa faktor seperti pembayaran ansuran cukai yang lebih tinggi daripada syarikat pada 2021 susulan penangguhan bayaran cukai pada 2020. Kenaikan kutipan CITA juga disumbangkan oleh peningkatan prestasi sektor perkhidmatan dan pembuatan serta kutipan hasil lebih tinggi daripada entiti yang membuat keuntungan dan tidak terjejas dengan pandemik terutamanya industri perbankan, farmaseutikal dan minyak sawit. Walau bagaimanapun, cukai pendapatan individu dianggar berkurang 6.6% kepada RM36.4 bilion disebabkan oleh pengurangan bilangan pembayar cukai individu yang dikenakan cukai berikutan kadar pengangguran yang tinggi pada 4.5%. Di samping itu, cukai pendapatan petroleum (PITA) dianggar lebih rendah pada RM11.5 bilion (2020: RM12.8 bilion) disebabkan oleh syarikat petroleum menanggung kos cari gali yang lebih tinggi walaupun harga minyak mentah meningkat pada 2021. Sebaliknya, kutipan cukai langsung lain terutamanya daripada duti setem dan cukai keuntungan harta tanah (CKHT) dianggar meningkat kepada RM8.2 bilion (2020: RM7.6 bilion) disokong oleh transaksi pasaran harta tanah yang lebih tinggi berikutan kenaikan nilai dan jumlah penjualan hartanah daripada semua segmen pasaran dan harga.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Dicapai daripada <https://napic.jpph.gov.my/portal>

**JADUAL 2.1.** Hasil Kerajaan Persekutuan  
2020 – 2022

KOMPONEN	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2020	2021 <sup>1</sup>	2022 <sup>2</sup>	2020	2021 <sup>1</sup>	2022 <sup>2</sup>	2020	2021 <sup>1</sup>	2022 <sup>2</sup>
<b>Hasil cukai</b>	<b>154,398</b>	<b>161,830</b>	<b>171,374</b>	<b>-14.5</b>	<b>4.8</b>	<b>5.9</b>	<b>68.6</b>	<b>73.2</b>	<b>73.2</b>
Cukai langsung	112,511	120,048	127,334	-16.5	6.7	6.1	50.0	54.3	54.4
<i>antaranya:</i>									
CITA	50,065	60,588	65,499	-21.5	21.0	8.1	22.2	27.4	28.0
Individu	38,953	36,400	37,510	0.7	-6.6	3.0	17.3	16.5	16.0
PITA	12,772	11,500	12,400	-38.5	-10.0	7.8	5.7	5.2	5.3
Cukai tidak langsung	41,887	41,782	44,040	-8.6	-0.3	5.4	18.6	18.9	18.8
<i>antaranya:</i>									
SST	26,773	26,528	27,560	-3.2	-0.9	3.9	11.9	12.0	11.8
Duti eksais	9,855	9,760	10,200	-6.2	-1.0	4.5	4.4	4.4	4.3
Duti import	2,346	2,330	2,500	-14.2	-0.7	7.3	1.0	1.1	1.1
Duti eksport	746	1,406	1,610	-33.7	88.5	14.5	0.3	0.6	0.7
<b>Hasil bukan cukai</b>	<b>70,678</b>	<b>59,193</b>	<b>62,637</b>	<b>-15.7</b>	<b>-16.2</b>	<b>5.8</b>	<b>31.4</b>	<b>26.8</b>	<b>26.8</b>
<i>antaranya:</i>									
Lesen dan permit	10,932	10,252	10,958	-24.6	-6.2	6.9	4.9	4.6	4.7
Pendapatan pelaburan	46,067	35,989	39,457	-23.3	-21.9	9.6	20.5	16.3	16.9
<b>Jumlah hasil</b>	<b>225,076</b>	<b>221,023</b>	<b>234,011</b>	<b>-14.9</b>	<b>-1.8</b>	<b>5.9</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>% kepada KDNK</b>	<b>15.9</b>	<b>14.6</b>	<b>14.3</b>						

<sup>1</sup> Anggaran disemak<sup>2</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2022

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kutipan **cukai tidak langsung** dianggar berkurang secara marginal sebanyak 0.3% kepada RM41.8 bilion (2020: RM41.9 bilion) terutamanya disebabkan oleh kutipan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) serta duti eksais yang lebih rendah. Kutipan SST dijangka mencatat RM26.5 bilion iaitu pengurangan sebanyak 0.9% disebabkan oleh pengecualian cukai jualan kenderaan penumpang yang dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021 dan impak langkah kawalan pandemik terhadap pengguna dan perniagaan. Kutipan duti eksais juga diunjur berkurang kepada RM9.8 bilion disebabkan jumlah pengeluaran kenderaan bermotor lebih rendah berikutan penutupan kilang di setiap rantai nilai sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pengurangan pengeluaran kenderaan

bermotor ini selaras dengan jangkaan jumlah pengeluaran industri (TIV) kenderaan bermotor yang lebih rendah sebanyak 12.3% kepada sekitar 500,000 unit pada tahun ini.<sup>2</sup>

Walau bagaimanapun, kutipan cukai tidak langsung yang lebih rendah akan ditampung sebahagiannya dengan peningkatan kutipan levi keuntungan luar biasa dan duti eksport minyak sawit mentah (CPO). Levi keuntungan luar biasa meningkat RM0.9 bilion pada 2021 (2020: RM0.2 bilion) disumbangkan oleh harga CPO yang lebih tinggi sekitar RM4,000 setan iaitu melebihi nilai ambang RM2,500 setan di Semenanjung Malaysia dan RM3,000 setan di Sabah dan Sarawak. Levi keuntungan luar biasa dikutip daripada pengeluar minyak sawit berdasarkan pengeluaran tandan buah segar.

<sup>2</sup> Persatuan Automotif Malaysia. Kajian Pasaran Separuh Pertama 2021. Dicapai daripada <http://www.maa.org.my/news.html>

Sebaliknya, duti eksport dikutip daripada pengeksport berdasarkan harga pasaran bulanan CPO yang telah diwartakan. Manakala bagi petroleum mentah, kadar duti eksport sebanyak 10% dikenakan ke atas keuntungan petroleum mentah yang dieksport. Dalam hal ini, jumlah kutipan duti eksport untuk 2021 dianggarkan sebanyak RM1.4 bilion di mana RM0.7 bilion adalah daripada CPO dan RM0.6 bilion daripada petroleum mentah.

**Hasil bukan cukai** dianggarkan lebih rendah pada RM59.2 bilion (2020: RM70.7 bilion), sebahagian besarnya disebabkan oleh pendapatan pelaburan yang lebih rendah terutamanya dividen daripada PETRONAS berjumlah RM25 bilion (2020: RM34 bilion). Walau bagaimanapun, Kerajaan menerima dividen yang lebih tinggi daripada Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah RM4 bilion (2020: RM3.5 bilion) dan dijangka menerima RM2 bilion daripada Khazanah Nasional Berhad (2020: RM1 bilion). Tambahan pula, Kerajaan telah menerima bayaran khas sebanyak RM5 bilion daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) untuk membiayai

sebahagian bayaran persaraan tahun semasa. Terimaan daripada lesen dan permit dijangka berkurang kepada RM10.3 bilion (2020: RM10.9 bilion) disebabkan oleh hasil royalti petroleum yang lebih rendah. Kutipan lesen kenderaan bermotor dijangka stabil sekitar RM2.8 bilion setelah mengambil kira pengecualian yang diberikan oleh Kerajaan dalam memperbaharui lesen. Kutipan levi pekerja asing juga dianggarkan kekal sekitar RM1.7 bilion.

**Hasil berkaitan petroleum** diunjur lebih rendah pada 19.2% daripada jumlah hasil keseluruhan pada 2021 (2020: 24.9%). Walaupun peratusan ini lebih rendah, namun jumlah RM42.5 bilion ini lebih tinggi berbanding anggaran Bajet iaitu RM37.8 bilion disumbangkan oleh dividen PETRONAS yang lebih tinggi selaras dengan peningkatan harga minyak mentah dunia. **Hasil bukan petroleum** pula dijangka meningkat 5.6% kepada RM178.5 bilion (2020: RM169 bilion) disokong oleh kutipan hasil cukai yang lebih baik yang mencerminkan pemulihan ekonomi pada 2021 berbanding tahun sebelumnya.

## RENCANA

### Strategi Hasil Jangka Sederhana: Ke Arah Pembaharuan Hasil di Malaysia

#### Pengenalan

Pengurusan kewangan awam melibatkan mobilisasi sumber fiskal yang cekap bagi memastikan agenda pembangunan negara dicapai. Justeru, penjanaan hasil yang stabil sangat penting bagi membiayai keperluan perbelanjaan terutamanya dalam memenuhi objektif sosioekonomi negara. Kerajaan telah memulakan inisiatif pembaharuan fiskal antaranya untuk meningkatkan asas hasil melalui penubuhan Jawatankuasa Pembaharuan Cukai (TRC) pada 2018. Jawatankuasa ini berperanan mengkaji sistem percukaian semasa, mencadangkan langkah cukai baharu untuk menangani jurang cukai dan mengambil kira ekonomi tidak formal dalam jaringan cukai. Bagi meneruskan dasar ini, Kerajaan sedang menggubal rangka kerja hasil iaitu Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) yang akan memodenkan sistem dan pentadbiran cukai Malaysia melalui penggunaan dan penyesuaian amalan terbaik antarabangsa.

Rangka kerja MTRS merupakan pendekatan komprehensif dalam melaksanakan strategi pembaharuan cukai yang berkesan untuk meningkatkan hasil dan menambah baik sistem cukai dalam tempoh jangka masa sederhana yang diterajui oleh Kerajaan dan melibatkan setiap

peringkat kerajaan. Secara umum, MTRS merangkumi empat aspek utama iaitu memperincikan definisi hasil dan matlamat lain, memperbaharui sistem percukaian, memastikan komitmen politik yang berkekalan dan menyelaras pembangunan keupayaan dalam pelaksanaan MTRS. Rangka kerja ini menyediakan pelan pembaharuan sistem cukai bertahap tinggi bertujuan mewujudkan sistem moden dan mantap yang adil dan saksama serta menyediakan perkhidmatan pentadbiran hasil yang cekap. Walau bagaimanapun, kejayaan pelaksanaan MTRS memerlukan sokongan padu daripada pihak berkepentingan dalam masyarakat.

**RAJAH 1.** *Komponen Utama Strategi Hasil Jangka Sederhana*



Sumber: The Platform for Collaboration on Tax

### Keperluan kepada MTRS

Pengenalan MTRS tepat pada masanya bagi menangani isu semasa berkaitan hasil Kerajaan Persekutuan terutamanya asas cukai yang kecil, insentif cukai yang tidak berkesan, pengelakan dan pelarian cukai serta sektor tidak formal yang belum dimanfaatkan. Peratusan jumlah hasil kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berkurang daripada 21.4% pada 2012 kepada 15.9% pada 2020 yang secara relatifnya rendah berbanding dengan negara berpenarafan setara. Di samping itu, kebergantungan tinggi terhadap cukai langsung yang kini merangkumi separuh daripada jumlah hasil telah menyebabkan kutipan hasil mudah terkesan dengan sebarang perubahan terhadap pertumbuhan ekonomi dan kitaran perniagaan. Oleh itu, kutipan hasil negara yang efektif dan mampan sangat penting bagi memastikan jumlah perbelanjaan dapat dibiayai secukupnya.

Pelaksanaan MTRS memerlukan pelan pembaharuan sistem percukaian yang menyeluruh merangkumi rangka kerja penetapan dasar yang jelas, penambahbaikan agensi hasil dan pengukuhan rangka kerja perundangan. Pelarasan terhadap penetapan dasar akan melibatkan diagnosis terperinci berkaitan impak ekonomi dan sosial daripada pembaharuan cukai dan pelan dasar cukai merentas tahun. Diagnosis ini akan membolehkan dasar yang digubal mudah dijangka dan jelas seterusnya dapat meningkatkan keyakinan pelabur. Tambahan pula, penggunaan rangka

kerja yang berkualiti akan mengelakkan pembentukan insentif yang tidak wajar, ruang pertikaian yang luas terhadap kuasa perundangan dan perancangan cukai yang agresif. Justeru, pelaksanaan MTRS membolehkan Malaysia mendapat manfaat bukan sahaja melalui peningkatan potensi kutipan hasil, tetapi yang lebih penting, sistem percukaian yang lebih telus dan bertanggungjawab.

### Rangka Kerja MTRS di Malaysia

Pelaksanaan MTRS di Malaysia adalah berdasarkan objektif berikut:

- a) Memastikan penjana hasil yang mampan dalam jangka masa sederhana selaras dengan pertumbuhan KDNK;
- b) Memastikan pematuhan yang lebih baik melalui pentadbiran cukai yang efektif dan cekap; dan
- c) Mengukuhkan rangka kerja perundangan bagi menambah baik penggubalan dasar dan sistem percukaian.

Pembangunan MTRS pada peringkat awal akan memberi fokus kepada sistem percukaian yang berpaksikan tiga teras utama seperti berikut:

#### a) Dasar Cukai

Faktor utama dalam mempengaruhi hala tuju dasar cukai ialah persekitaran makroekonomi dan perniagaan, keupayaan pembayar cukai dan keberkesanan agensi hasil. Penggubalan dasar cukai akan turut mengambil kira analisa impak sosioekonomi dan sumber penjana hasil, serta pelan merentas tahun yang menyediakan beberapa pilihan dasar cukai. Pelan ini akan dikaji secara berkala dan dikemas kini berdasarkan objektif dan keutamaan dasar pembangunan negara.

Langkah untuk memperkenalkan cukai baharu atau menambah baik sistem sedia ada perlu berdasarkan konsep cekap, adil, mudah, fleksibel, telus dan berkesan.<sup>1</sup> Pada masa ini, Kerajaan sedang mempertimbangkan pilihan yang ada untuk mengurangkan kebergantungan kepada cukai langsung dan memperluas asas hasil dengan beralih kepada cukai kepenggunaan. Cukai ini boleh ditambah baik dengan mengkaji semula skop percukaian dan kadar bagi Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) sedia ada. Sebagai alternatif, Kerajaan boleh memilih asas cukai kepenggunaan yang lebih stabil seperti cukai nilai tambah (VAT). Pelaksanaan VAT akan dapat mengurangkan impak berganda disebabkan oleh SST, mengawal kos menjalankan perniagaan serta meningkatkan pematuhan dan ketelusan cukai. Rangka kerja MTRS juga memberi peluang kepada Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum dan memperkenalkan inisiatif hasil yang menyokong agenda pembangunan mampan. Tambahan pula, Kerajaan akan meningkatkan usaha menambah baik insentif cukai untuk pelaburan dan meneroka sumber hasil cukai baharu seperti cukai ke atas keuntungan modal dan ekonomi digital.

<sup>1</sup> Berdasarkan kriteria IMF bagi percukaian baik, unjuran dan analisa hasil

## b) Pentadbiran Cukai

Pembaharuan pentadbiran cukai perlu difokuskan untuk mencapai pematuhan yang lebih tinggi, mengurangkan pengelakan dan pelarian cukai dengan kos minimum kepada pembayar cukai dan pihak berkuasa serta menguruskan insentif cukai bagi mengoptimumkan pelaburan swasta. Kerjasama pelbagai agensi untuk menyelaraskan perkongsian data mula diperkenalkan di bawah *Collection Intelligence Arrangement* (CIA) yang melibatkan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Kerjasama ini ditingkatkan lagi dengan penubuhan pasukan petugas yang terdiri daripada beberapa agensi penguat kuasa termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Di samping itu, pengendalian Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) telah ditambah baik dengan dipengerusikan bersama oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Kementerian Kewangan. Langkah ini dapat mengurangkan birokrasi, mempercepat kelulusan pelaburan dan memastikan keberkesanan pentadbiran insentif cukai.

Usaha ke arah meningkatkan keberkesanan agensi hasil serta memastikan kepatuhan pembayar cukai yang lebih tinggi akan diteruskan bagi melaksanakan pentadbiran cukai yang lebih baik. Oleh itu, sumber akan diperuntukkan untuk meningkatkan kapasiti, menambah baik infrastruktur teknologi maklumat dan melabur dalam analitik data raya bagi memodenkan agensi kutipan hasil yang berkaitan. Dalam hal berkaitan, negara maju seperti Kanada hanya mempunyai agensi hasil tunggal untuk mengutip dan mentadbir hasil negara. Pendekatan ini telah membantu usaha mengintegrasikan data, mengurus sumber dan melaksanakan penguatkuasaan dengan lebih baik.

## c) Rangka Kerja Perundangan Cukai

Rangka kerja perundangan cukai akan sentiasa dikaji semula dan ditambah baik bagi memastikan peruntukan dalam undang-undang cukai dan garis panduan mengenai proses dan prosedur dipermudah, konsisten dan sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa. Contohnya, sebagai respon terhadap persekitaran ekonomi digital yang baharu, Kerajaan memperluas skop cukai perkhidmatan merangkumi kandungan digital yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan bukan pemastautin. Kerajaan juga sedang mempertimbangkan beberapa langkah untuk memperkukuh rangka kerja tadbir urus cukai. Langkah ini termasuk semakan semula perundangan percukaian berkaitan insurans dan takaful serta industri perbankan. Di samping itu, Kerajaan juga akan menyediakan garis panduan atau ketetapan umum bagi menjelaskan lagi undang-undang untuk industri khusus, contohnya Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

Pada peringkat antarabangsa, Malaysia telah menyertai Pelan Tindakan *Base Erosion and Profit Shifting* (BEPS) di bawah inisiatif cukai global Organization for Economic Co-operation and Development (OECD) untuk menangani isu pengelakan cukai rentas sempadan. Pelan tindakan ini merangkumi cadangan berkaitan cukai ke atas ekonomi digital melalui *Pillar One* dan *Pillar Two* bagi memastikan Malaysia mendapat hak untuk mengenakan cukai ke atas aktiviti ekonomi digital. *Pillar One* menekankan penentuan hak cukai negara berdasarkan *nexus* yang ditetapkan oleh BEPS. Sementara itu, *Pillar Two* akan memperkenalkan kadar cukai efektif yang minimum di peringkat global bagi memastikan elemen cukai tidak menjadi faktor utama dalam menarik pelaburan langsung asing seterusnya menangani perancangan cukai yang agresif oleh syarikat multinasional.

**RAJAH 2.** Rangka Kerja Strategi Hasil Jangka Sederhana di Malaysia

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

### Perkembangan Semasa

Pada 2020, Kementerian Kewangan (MOF) telah mendapat bantuan teknikal daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi merangka MTRS untuk Malaysia. Di samping itu, Jawatankuasa Pemandu dan Teknikal MTRS ditubuhkan dengan penyertaan wakil daripada MOF, Unit Perancang Ekonomi, Bank Negara Malaysia, JKDM dan LHDN. Jawatankuasa ini diberi mandat untuk merancang, mentadbir dan memantau usaha bagi memastikan kejayaan pelaksanaan MTRS.

Pada masa ini, Jawatankuasa Teknikal sedang merangka strategi dan langkah MTRS yang akan dilaksanakan secara berperingkat. Sesi libat urus dengan pihak berkepentingan, pemain industri dan badan profesional akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pemandu. Maklum balas daripada sesi tersebut akan menjadi input yang memberi nilai tambah kepada laporan akhir MTRS. Laporan ini akan mengandungi langkah cukai baharu dan cadangan penambahbaikan pentadbiran cukai yang disokong oleh rangka kerja undang-undang yang diperkukuh. Laporan akhir MTRS dijadualkan untuk diperaku oleh Kerajaan pada 2022.

### Cabaran dan Hala Tuju

Kerajaan mengutamakan langkah pemulihan ekonomi dengan menyediakan bantuan kepada perniagaan dan meringankan beban rakyat dalam mendepani krisis pandemik yang mencabar. Sehubungan itu, penggubalan MTRS diperlukan untuk memenuhi keperluan mendesak negara di samping mewujudkan ruang fiskal yang mencukupi pascakrisis. Persetujuan bersama di pelbagai peringkat pihak berkepentingan juga penting untuk menguruskan jangkaan dan pematuhan yang memerlukan penglibatan berterusan oleh Kerajaan. Usaha membina pengetahuan dan keupayaan teknikal juga perlu dilaksanakan bagi merangka dan melaksanakan MTRS secara teratur dan sistematik.

Inisiatif di bawah MTRS dijangka melengkapinya inisiatif Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) dan dapat meningkatkan ketelusan sistem percukaian di Malaysia. Di samping itu, MTRS akan diselaraskan dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas, RMKe-12 (2021 – 2025) terutamanya untuk memastikan penjana hasil yang mencukupi bagi membiayai keperluan perbelanjaan di bawah Rancangan ini. Rangka kerja MTRS juga akan mempertimbang dapatan kajian terdahulu seperti cadangan daripada TRC. Melangkah ke hadapan, Malaysia akan memperluas skop MTRS ke atas hasil bukan cukai pada fasa pelaksanaan berikutnya untuk meluaskan lagi asas hasil negara.

### Kesimpulan

Secara keseluruhan, Malaysia perlu melaksanakan pembaharuan sistem percukaian yang berani dan berkesan di samping menggubal dasar secara menyeluruh dan inklusif melalui pelaksanaan MTRS bagi memastikan penjana hasil yang mampan. Inisiatif pembaharuan cukai yang berjaya akan membina semula ruang fiskal, meningkatkan daya tahan ekonomi dan akhirnya mengembalikan negara ke landasan konsolidasi fiskal. Pembaharuan ini juga akan memberi fleksibiliti kepada Kerajaan untuk melaksanakan langkah kitaran balas bagi menyokong pemulihan ekonomi pascakrisis dan pada masa yang sama memastikan kemampanan fiskal dalam tempoh jangka masa panjang.

### Rujukan

- Betts, S., De Mets, P., Ossa, R. L., & Rojas, E. (2021). *Postcrisis Revenue Generation for Tax Administrations, IMF COVID-19 Special Series*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/SPROLLS/covid19-special-notes#fiscal>.
- Custers, A., Dom, R., Holzman, B., & Junquera-Varela, R. F. (2020). *How Governments Can Use the Coronavirus Pandemic to Build Better Tax Systems*. Dicapai daripada <https://blogs.worldbank.org/governance/how-governments-can-use-coronavirus-pandemic-build-better-tax-systems>
- Gaspar, V., & Toro, J. (2019). *Medium-term Revenue Strategy (MTRS) – Taxation and Development*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/News/Articles/2019/10/28/sp102919-mediumterm-revenue-strategy>
- Hoel, A. (2020). *Innovations in Tax Compliance*. Dicapai daripada <https://www.worldbank.org/en/topic/macroeconomics/brief/innovations-in-tax-compliance>
- Tabung Kewangan Antarabangsa, Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu & Kumpulan Bank Dunia. (2016). *Enhancing the Effectiveness of External Support in Building Tax Capacity in Developing Countries*. In *Policy Papers* (Vol. 2016, Issue 41). Dicapai daripada <https://doi.org/10.5089/9781498345439.007>
- Tabung Kewangan Antarabangsa, Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu & Kumpulan Bank Dunia. (2020). *PCT Progress Report 2020*. In *Platform for Collaboration on Tax*.
- OECD/WBG/CIAT/IDB. (2021). *VAT Digital Toolkit for Latin America and the Caribbean*. OECD, Paris. Dicapai daripada <https://www.oecd.org/tax/consumption/vat-digital-toolkit-for-latin-america-and-the-caribbean.htm>



Organisation for Economic Co-operation and Development. (2021). *Revenue Mobilisation Through Tax Transparency: Lessons from Uganda's transformative journey*.

Papua New Guinea Department of Treasury. (2017). *Papua New Guinea Medium Term Revenue Strategy 2018-2022*.

Platform for Collaboration on Tax. (2017). *Concept Note on the Medium-Term Revenue Strategy (MTRS)* (p. 7). Dicapai daripada [https://www.tax-platform.org/sites/pct/files/publications/MTRS Concept Note - Feb 6 2017.pdf](https://www.tax-platform.org/sites/pct/files/publications/MTRS_Concept_Note_-_Feb_6_2017.pdf)

Platform for Collaboration on Tax. (2020). *Medium-Term Revenue Strategy (MTRS)*. Dicapai daripada <https://www.tax-platform.org/medium-term-revenue-strategy>

Trabandt, M., Nozaki, M., Fund, M., Cagas, M. A., Qin, D., Quising, P., Bank, D., Reduction, D., Kalb, A., Moessinger, M. D., Monteforte, L., Jaramillo, L., Fund, I. M., Economic, G., Affairs, F., Commission, E., Fund, I. M., Ratings, C., Poplawski-ribeiro, M., ... Senhadji, A. (2018). *Implementing a Medium-Term Revenue Strategy*. 4(1), 108-139.

## Tinjauan 2022

Pendapatan Kerajaan Persekutuan diunjur meningkat 5.9% kepada RM234 bilion selaras dengan prospek ekonomi yang lebih baik.

**Hasil cukai** kekal sebagai penyumbang utama jumlah hasil iaitu merangkumi 73.2% daripada hasil keseluruhan dan dijangka meningkat kepada RM171.4 bilion. Walau bagaimanapun, hasil cukai sebagai peratusan kepada KDNK dijangka berkurang kepada 10.5% menggambarkan keapungan cukai yang lebih rendah semasa tempoh pemulihan ekonomi.

Kutipan **cukai langsung** dijangka meningkat 6.1% kepada RM127.3 bilion yang merangkumi 74.3% daripada jumlah hasil cukai disokong oleh prospek pendapatan korporat yang lebih baik berikutan peningkatan pelaksanaan program vaksinasi dan jangkaan pemulihan ekonomi. Oleh itu, CITA dijangka kekal sebagai penyumbang terbesar peningkatan cukai langsung berjumlah RM65.5 bilion pada 2022. Cukai pendapatan individu pula dijangka meningkat 3% kepada RM37.5 bilion selaras dengan jangkaan pemulihan pasaran

pekerjaan. Pada masa yang sama, PITA dijangka mencatat kutipan lebih tinggi iaitu RM12.4 bilion. Tambahan pula, pendapatan daripada komponen cukai langsung yang lain iaitu duti setem dan CKHT diunjur lebih tinggi kepada RM6.6 bilion dan RM1.8 bilion berdasarkan jangkaan peningkatan nilai dan jumlah transaksi daripada segmen hartanah.

**Cukai tidak langsung** diunjur meningkat 5.4% kepada RM44 bilion terutamanya disumbangkan oleh kutipan SST yang merangkumi 62.5% daripada jumlah cukai tidak langsung. Kutipan SST dijangka merekodkan RM27.6 bilion atau 1.7% kepada KDNK disokong oleh peningkatan sentimen pengguna dan perniagaan. Daripada jumlah ini, cukai jualan diunjur mencatat RM14.6 bilion manakala kutipan cukai perkhidmatan pula RM13 bilion berdasarkan unjuran TIV kenderaan bermotor yang lebih tinggi serta prospek sektor telekomunikasi dan insurans yang lebih baik. Kutipan duti eksais juga diunjur meningkat kepada RM10.2 bilion selaras dengan jangkaan peningkatan pengeluaran kenderaan bermotor sebanyak 21% pada 2022.<sup>3</sup>

<sup>3</sup> Persatuan Automotif Malaysia. Kajian Pasaran Separuh Pertama 2021. Dicapai daripada <http://www.maa.org.my/news.html>

Pengembangan perbelanjaan fiskal bagi merencanakan pertumbuhan perlu disokong oleh kutipan hasil yang lebih baik. Oleh itu, Kerajaan akan terus meningkatkan pengauditan dan pematuhan cukai untuk memastikan cukai dikutip mengikut ketetapan. Inisiatif ini akan dilengkapi dengan penambahbaikan pentadbiran hasil seperti mempermudah prosedur cukai dan mengurangkan birokrasi, bagi menambah baik ketentuan dan kejelasan dasar hasil seterusnya akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kutipan hasil. Di samping itu, dalam usaha meletakkan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelabur, rangka kerja insentif cukai akan dipertingkatkan secara berterusan untuk mengelak ketidakseimbangan peruntukan sumber supaya selaras dengan amalan terbaik antarabangsa.

**Hasil bukan cukai** dianggar meningkat 5.8% kepada RM62.6 bilion terutamanya disumbangkan oleh pendapatan pelaburan yang lebih tinggi. Dividen PETRONAS diunjur sebanyak RM25 bilion manakala BNM pada RM5 bilion. Di samping itu, Kerajaan akan menerima bayaran khas daripada KWAP sebanyak RM5 bilion untuk membiayai sebahagian bayaran persaraan. Kutipan lesen dan permit juga dijangka meningkat kepada RM10.9 bilion disumbangkan oleh terimaan royalti petroleum yang lebih tinggi iaitu RM4 bilion. Kutipan daripada komponen utama lain di bawah lesen dan permit iaitu kenderaan bermotor dan levi pekerja asing dianggar stabil pada RM3 bilion dan RM1.9 bilion.

**Hasil berkaitan petroleum** pada 2022 dijangka mencatat RM43.9 bilion atau 18.8% daripada jumlah hasil dengan dividen

PETRONAS menyumbang lebih daripada separuh jumlah hasil berkaitan petroleum.


**Hasil bukan petroleum** juga diunjur meningkat 6.5% kepada RM190.1 bilion mencerminkan kepelbagaian sumber berikutan prospek ekonomi yang lebih baik. Kerajaan akan terus memastikan penjanaan hasil bukan petroleum yang mampan untuk melaksanakan komitmen perbelanjaan terutamanya untuk memenuhi keperluan rakyat.

## Kesimpulan


---

Sebagai pentadbir hasil yang bertanggungjawab, Kerajaan komited dalam meningkatkan kecekapan kutipan melalui perkembangan teknologi dan inovasi. Inisiatif ini akan menambah baik penyampaian perkhidmatan dan mempermudah prosedur seterusnya meningkatkan pematuhan cukai. Sebagai komitmen dalam menyokong inisiatif pembaharuan fiskal, pelaksanaan rangka kerja Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) akan memperkemas dasar cukai, menambah baik pentadbiran cukai dan memperkukuh rangka kerja perundangan cukai. Di samping itu, Kerajaan akan terus menilai ekosistem hasil secara menyeluruh melalui penglibatan komuniti perniagaan untuk membangunkan dasar hasil yang baik selaras dengan amalan terbaik antarabangsa. Usaha tersebut akan memastikan janaan hasil berterusan yang amat penting dalam usaha membina ruang fiskal yang mampan dan kemampuan keberhutangan di samping menyediakan langkah kitaran balas demi mengurangkan impak krisis.

**RAJAH 2.1.** Hasil Berkaitan Petroleum dan Bukan Petroleum (% daripada jumlah hasil)



**RAJAH 2.2.** Hasil Sebagai Peratusan kepada KDNK



<sup>1</sup>Anggaran disemak

<sup>2</sup>Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2022

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia



## SEKSYEN 3

# Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

**39 PERSPEKTIF KESELURUHAN**

---

**39 PRESTASI 2021**

---

**43 KUMPULAN WANG  
COVID-19**

Sisipan - Status Terkini Kumpulan Wang  
COVID-19

---

**48 TINJAUAN 2022**

---

**50 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT  
PERSEKUTUAN**

---

**51 KESIMPULAN**

---



## SEKSYEN 3

# Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

## Perspektif Keseluruhan

Peningkatan semula kes COVID-19 telah memaksa Kerajaan melaksanakan semula perintah kawalan pergerakan (PKP) yang memberi impak kepada hampir semua sektor ekonomi dan mengehendkan aktiviti sosial. Beberapa pakej bantuan dan rangsangan ekonomi telah diperkenalkan bagi menyediakan bantuan segera kepada rakyat dan perniagaan. Pakej tersebut mengambil pendekatan yang bersasar dalam memastikan langkah yang diperkenalkan berupaya mengurangkan impak pandemik dengan berkesan.

Sokongan fiskal tambahan bertujuan terutamanya untuk mengukuhkan sistem kesihatan awam dan menyediakan bantuan tunai kepada isi rumah dan perniagaan. Sokongan ini telah meningkatkan perbelanjaan khususnya bagi komitmen di bawah Kumpulan Wang COVID-19 (KWC-19). Pertambahan perbelanjaan tersebut diimbangi oleh langkah penyusunan semula perbelanjaan yang teliti. Kerajaan juga terus menguruskan sumber fiskal dengan meningkatkan kecekapan perbelanjaan, mengurangkan ketirisan dan mengoptimumkan perbelanjaan mengurus dalam norma baharu. Inisiatif ini dilaksanakan dengan pemantauan rapi dan pelaporan secara mingguan selaras dengan prinsip akauntabiliti dan ketelusan.

Secara umum, peningkatan komitmen perbelanjaan dalam tempoh pandemik adalah disebabkan oleh keutamaan Kerajaan untuk menyediakan sokongan yang sewajarnya kepada ekonomi. Pelaksanaan Pelan Pemulihan Nasional (PPN) dan kelancaran pelaksanaan program vaksinasi akan memudahkan pembukaan semula perniagaan seterusnya membantu ekonomi kembali kepada trajektori

potensi pertumbuhan. Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12) akan turut memangkin proses pemulihan dan memacu negara ke arah mencapai kemakmuran, inklusiviti dan kemampuan dalam jangka masa sederhana. Pada masa yang sama, prinsip akauntabiliti dan tadbir urus yang baik akan terus ditingkatkan seiring dengan amalan terbaik global seperti yang dinyatakan dalam Kenyataan Pra-Bajet yang pertama dan Kertas Konsultasi Awam bagi penyediaan Bajet 2022. Di samping itu, Kerajaan akan melaksanakan semakan perbelanjaan secara berkala untuk memastikan perbelanjaan yang cekap dan berkesan seterusnya menyokong konsolidasi fiskal dalam jangka masa sederhana.

## Prestasi 2021

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada 2021 dianggarkan berjumlah RM322.5 bilion. Pada tahun ini, sebanyak empat pakej bantuan dan rangsangan ekonomi telah diumumkan iaitu Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) dan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) berjumlah RM225 bilion dengan suntikan fiskal sebanyak RM25 bilion. Secara umum, pakej tersebut adalah dalam bentuk bantuan tunai kepada rakyat dan perniagaan terutamanya bagi yang terkesan akibat PKP yang berpanjangan berikutan pandemik. Selain itu, langkah rangsangan tambahan dan pembendungan pandemik telah memberi tekanan kepada unjuran hasil yang lebih rendah berbanding anggaran Belanjawan. Situasi ini memerlukan penyusunan semula

perbelanjaan terutamanya perbelanjaan mengurus yang harus dibiayai sepenuhnya daripada hasil selaras dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan 2021 telah disemak semula lebih rendah kepada RM320.6 bilion. Walau bagaimanapun, jumlah berkenaan lebih tinggi berbanding jumlah perbelanjaan pada tahun sebelumnya (2020: RM314 bilion).

Penyusunan semula ini melibatkan pengurangan bersih dalam perbelanjaan sebanyak RM1.9 bilion yang dijana melalui penjimatan perbelanjaan berjumlah RM23.9 bilion. Penjimatan ini disalurkan semula untuk membiayai tambahan suntikan langsung fiskal yang dianggarkan sebanyak RM22 bilion di bawah KWC-19. Penjimatan perbelanjaan berkenaan dijana daripada penjadualan semula program dan projek tertentu, penangguhan program tidak kritikal, semakan semula peruntukan langkah belanjawan serta jangkaan pengurangan perbelanjaan disebabkan oleh penundaan projek semasa tempoh PKP.

Berdasarkan jumlah peruntukan yang disemak semula, perbelanjaan mengurus (OE) dianggarkan berjumlah RM219.6 bilion (14.5% kepada KDNK), perbelanjaan pembangunan (DE) berjumlah RM62 bilion (4.1% kepada KDNK) manakala baki RM39 bilion (2.6% kepada KDNK) adalah untuk KWC-19. Sektor sosial kekal sebagai penerima terbesar dengan jumlah peruntukan sebanyak RM128.5 bilion (40.1% daripada jumlah keseluruhan) diikuti oleh sektor ekonomi (RM66.9 bilion; 20.9%), keselamatan (RM31.5 bilion; 9.8%) dan pentadbiran am (RM16.7 bilion; 5.2%). Perbelanjaan tanggungan dan bayaran pindahan antara lain terdiri daripada bayaran khidmat hutang, bayaran persaraan dan pindahan kepada kerajaan negeri merangkumi 24% daripada perbelanjaan keseluruhan.

Peruntukan **OE** 2021 disemak lebih rendah sebanyak 7.1% kepada RM219.6 bilion berbanding peruntukan asal sebanyak RM236.5 bilion. Semakan yang lebih rendah

ini terutamanya disebabkan oleh penjimatan geran dan pindahan serta bekalan dan perkhidmatan. Peruntukan geran dan pindahan yang lebih rendah disebabkan oleh potongan geran kepada badan berkanun yang mempunyai rizab tinggi. Begitu juga dengan unjuran bekalan dan perkhidmatan lebih rendah berikutan pengkelasan semula item berkaitan pembangunan kepada DE dan penjimatan daripada penangguhan peruntukan item yang tidak kritikal.

Peruntukan OE disemak semula kepada RM219.6 bilion iaitu lebih rendah sebanyak 2.2% berbanding RM224.6 bilion pada 2020. Peruntukan yang lebih rendah terutamanya disebabkan oleh pengurangan peruntukan bekalan dan perkhidmatan kepada RM23.3 bilion (2020: RM29.3 bilion) khususnya untuk pembaikan dan penyelenggaraan, perkhidmatan profesional serta bekalan pejabat. Selain itu, perbelanjaan untuk subsidi dan bantuan sosial berkurang kepada RM16.7 bilion (2020: RM19.8 bilion) terutamanya disebabkan oleh program bantuan tunai yang dibiayai melalui KWC-19. Walau bagaimanapun, pengurangan tersebut dijangka diimbangi oleh perbelanjaan subsidi bahan api yang lebih tinggi. Tambahan pula, emolumen dianggarkan meningkat kepada RM84.5 bilion (2020: RM83 bilion) manakala bayaran persaraan sebanyak RM27.6 bilion (2020: RM27.5 bilion) terutamanya disebabkan oleh kenaikan gaji dan pencen tahunan. Bayaran khidmat hutang juga dianggarkan meningkat sebanyak 13.1% kepada RM39 bilion (2020: RM34.5 bilion) berikutan keperluan pembiayaan yang lebih tinggi untuk perbelanjaan berkaitan DE dan COVID-19 manakala geran dan pindahan kepada kerajaan negeri dan badan berkanun dianggarkan meningkat sebanyak 16.6% kepada RM20.9 bilion (2020: RM18 bilion).

Tahun 2021 merupakan tahun pertama RMKe-12. Sejumlah RM400 bilion diperuntukkan untuk **DE** di bawah RMKe-12 iaitu peningkatan ketara sebanyak 61% berbanding perbelanjaan sebenar Rancangan Malaysia Kesebelas sebanyak RM248.5 bilion. Peruntukan tersebut



**JADUAL 3.1.** *Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Komponen 2020 – 2022*

KOMPONEN	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2020	2021 <sup>1</sup>	2022 <sup>2</sup>	2020	2021 <sup>1</sup>	2022 <sup>2</sup>	2020	2021 <sup>1</sup>	2022 <sup>2</sup>
Emolumen	82,996	84,529	86,510	3.1	1.8	2.3	36.9	38.5	37.0
Bayaran persaraan	27,533	27,581	28,067	6.3	0.2	1.8	12.3	12.6	12.0
Bayaran khidmat hutang	34,495	39,000	43,100	4.7	13.1	10.5	15.4	17.8	18.5
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	7,669	7,745	7,927	1.3	1.0	2.3	3.4	3.5	3.4
Perkhidmatan dan bekalan	29,323	23,265	30,367	-6.9	-20.7	30.5	13.0	10.6	13.0
Subsidi dan bantuan sosial	19,769	16,701	17,352	-17.3	-15.5	3.9	8.8	7.6	7.4
Pembelian aset	631	415	533	-18.1	-34.2	28.4	0.3	0.2	0.2
Bayaran balik dan hapus kira	654	511	375	-26.8	-21.9	-26.6	0.3	0.2	0.2
Pemberian kepada badan berkanun	10,291	13,190	14,066	-25.3	28.2	6.6	4.6	6.0	6.0
Lain-lain	11,239	6,663	5,203	-75.3	-40.7	-21.9	5.0	3.0	2.3
<b>Jumlah</b>	<b>224,600</b>	<b>219,600</b>	<b>233,500</b>	<b>-14.7</b>	<b>-2.2</b>	<b>6.3</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Bahagian kepada KDNK (%)</b>	<b>15.9</b>	<b>14.5</b>	<b>14.3</b>						

<sup>1</sup> Anggaran disemak

<sup>2</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2022

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

akan disalurkan untuk membiayai projek serta program baharu dan sedia ada yang dirancang di bawah sektor ekonomi, sosial, keselamatan dan pentadbiran am. Projek dan program ini diselaraskan dengan tiga tema utama RMKe-12 iaitu menjana semula ekonomi; memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti; dan melonjakkan kemampanan. Tema tersebut seiring dengan aspirasi jangka masa panjang negara dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda Pembangunan Mampan 2030.

Namun begitu, peruntukan DE disemak lebih rendah kepada RM62 bilion berbanding anggaran asal RM69 bilion berikutan penyusunan semula perbelanjaan. Semakan lebih rendah ini juga sejajar dengan penilaian semula dan penangguhan beberapa projek. Walau bagaimanapun, DE yang lebih rendah diimbangi oleh pengelasan semula beberapa item berkaitan pembangunan daripada OE. Sejumlah RM60.8 bilion adalah peruntukan langsung sementara baki RM1.2 bilion merupakan pinjaman kepada kerajaan negeri dan entiti berkaitan Kerajaan.

Oleh kerana Kerajaan terus memberi tumpuan kepada sektor ekonomi, peruntukan sektor ini kekal sebagai penerima terbesar merangkumi 54.5%, diikuti oleh sektor sosial (28%), keselamatan (11.8%) dan pentadbiran am (5.7%). Perbelanjaan untuk sektor ekonomi dianggarkan berjumlah RM33.8 bilion terutamanya untuk meningkatkan infrastruktur pengangkutan awam dan jaringan komunikasi, membangunkan utiliti awam, merancang aktiviti perdagangan dan perindustrian serta memacu pertanian. Subsektor pengangkutan diperuntukkan sebanyak RM13 bilion dengan sebahagian besarnya untuk membiayai projek utama yang sedang berjalan seperti projek Laluan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru dan Lebuh raya Pan Borneo serta menambah baik jalan persekutuan di seluruh negara. Subsektor tenaga dan kemudahan awam diperuntukkan sebanyak RM3 bilion manakala perdagangan dan industri sebanyak RM2.4 bilion. Beberapa projek dan program utama di bawah subsektor ini termasuk kerja menaik taraf dan pembinaan loji rawatan kumbahan, menyediakan dan menambah baik bekalan elektrik dan air, meningkatkan kemahiran

keusahawanan untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta mendorong dan meningkatkan penggunaan teknologi dalam kalangan perniagaan. Subsektor pengangkutan, tenaga dan kemudahan awam serta perdagangan dan industri merangkumi 29.6% daripada jumlah DE.

Perbelanjaan untuk sektor sosial pada 2021 dijangka meningkat sebanyak 25.5% kepada RM17.3 bilion (2020: RM13.8 bilion) dengan pendidikan dan latihan, serta kesihatan kekal sebagai subsektor utama. Subsektor pendidikan dan latihan memperoleh peruntukan terbesar sebanyak RM8.1 bilion iaitu 20.5% lebih tinggi berbanding RM6.7 bilion pada 2020 terutamanya untuk peningkatan program

pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET); penambahbaikan dan pengubahsuaian sekolah, kuarters guru dan institusi pengajian tinggi; dan pembinaan tambahan hospital pengajar. Sejumlah RM4.4 bilion atau 7.1% DE diperuntukkan untuk subsektor kesihatan bagi meningkatkan ketersediaan dan kemudahan penjagaan subsidi kesihatan terutamanya di kawasan luar bandar dan pinggir bandar. Selain itu, perbelanjaan tersebut turut meliputi penambahbaikan dan penyelenggaraan hospital dan klinik serta pembelian kenderaan dan peralatan. Antara projek pembinaan di bawah subsektor ini termasuk hospital di Tanjung Karang, Selangor dan Pendang, Kedah serta menaik taraf Hospital Seberang Jaya di Pulau Pinang. Sementara itu, subsektor

**JADUAL 3.2.** Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor 2020 - 2022

SEKTOR	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2020	2021 <sup>1</sup>	2022 <sup>2</sup>	2020	2021 <sup>1</sup>	2022 <sup>2</sup>	2020	2021 <sup>1</sup>	2022 <sup>2</sup>
<b>Ekonomi</b>	<b>28,712</b>	<b>33,767</b>	<b>40,205</b>	<b>-8.3</b>	<b>17.6</b>	<b>19.1</b>	<b>55.9</b>	<b>54.5</b>	<b>53.2</b>
<i>antaranya:</i>									
Pengangkutan	12,779	13,014	15,509	-7.1	1.8	19.2	24.9	21.0	20.5
Perdagangan dan perindustrian	2,576	2,365	2,087	-15.7	-8.2	-11.8	5.0	3.8	2.8
Tenaga dan kemudahan awam	2,315	2,976	3,167	-16.1	28.6	6.4	4.5	4.8	4.2
Pertanian	2,003	2,815	2,860	-13.4	40.5	1.6	3.9	4.5	3.8
Alam sekitar	1,324	1,537	2,059	-23.2	16.1	34.0	2.6	2.5	2.7
<b>Sosial</b>	<b>13,827</b>	<b>17,347</b>	<b>22,671</b>	<b>-4.5</b>	<b>25.5</b>	<b>30.7</b>	<b>27.0</b>	<b>28.0</b>	<b>30.0</b>
<i>antaranya:</i>									
Pendidikan dan latihan	6,737	8,118	11,955	-11.7	20.5	47.3	13.1	13.1	15.8
Kesihatan	3,983	4,397	4,457	118.0	10.4	1.4	7.8	7.1	5.9
Perumahan	1,015	1,582	1,771	-52.3	55.9	11.9	2.0	2.6	2.3
<b>Keselamatan</b>	<b>5,785</b>	<b>7,317</b>	<b>8,970</b>	<b>3.0</b>	<b>26.5</b>	<b>22.6</b>	<b>11.2</b>	<b>11.8</b>	<b>11.9</b>
<b>Pentadbiran am</b>	<b>3,036</b>	<b>3,569</b>	<b>3,754</b>	<b>9.4</b>	<b>17.6</b>	<b>5.2</b>	<b>5.9</b>	<b>5.7</b>	<b>4.9</b>
<b>Jumlah</b>	<b>51,360</b>	<b>62,000</b>	<b>75,600</b>	<b>-5.2</b>	<b>20.7</b>	<b>21.9</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Bahagian kepada KDNK (%)</b>	<b>3.6</b>	<b>4.1</b>	<b>4.6</b>						

<sup>1</sup> Anggaran disemak

<sup>2</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2022

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

perumahan menerima RM1.6 bilion pada tahun ini meningkat sebanyak 55.9% daripada perbelanjaan sebenar RM1 bilion pada 2020. Perbelanjaan untuk subsektor ini tertumpu kepada Program Perumahan Rakyat (PPR) serta menaik taraf dan menyelenggara kuarters penjawat awam.

Sejumlah RM7.3 bilion atau peningkatan sebanyak 26.5% daripada tahun sebelumnya telah diperuntukkan untuk sektor keselamatan (2020: RM5.8 bilion). Sebahagian besar peruntukan adalah untuk projek dan program yang bertujuan untuk memperkukuhkan pertahanan dan keselamatan dalam negara. Projek dan program ini termasuk menaik taraf peralatan ketenteraan dan keselamatan serta menyelenggara dan menaik taraf sistem rangkaian keselamatan bersepadu. Peruntukan untuk sektor pentadbiran am juga meningkat sebanyak 17.6% kepada RM3.6 bilion (2020: RM3 bilion). Perbelanjaan untuk sektor ini sebahagian besarnya disalurkan untuk meningkatkan penyampaian dan produktiviti dengan memberi fokus kepada pemerkasaan pendigitalan dalam sektor awam. Selain itu, peruntukan ini juga adalah untuk menambah baik dan menyelenggara bangunan, infrastruktur dan fasiliti kerajaan.

## Kumpulan Wang COVID-19

Inisiatif Kerajaan dalam memerangi pandemik terus dibiayai menerusi KWC-19. Pelaksanaan beberapa pakej bantuan dan rangsangan ekonomi telah meningkatkan peruntukan

KWC-19. Siling KWC-19 yang pada awalnya dihadkan kepada RM45 bilion pada 2020 telah ditingkatkan kepada RM110 bilion untuk menampung tambahan perbelanjaan di bawah pakej bantuan dan rangsangan ekonomi baharu.

Selaras dengan peningkatan siling perbelanjaan, peruntukan KWC-19 pada 2021 telah disemak lebih tinggi kepada RM39 bilion daripada anggaran awal RM17 bilion iaitu 2.6% lebih tinggi berbanding perbelanjaan sebenar pada 2020. Peningkatan ini terutamanya bagi menampung keperluan yang lebih besar untuk program seperti Bantuan Prihatin Rakyat (RM16.8 bilion); Program Subsidi Upah (PSU) 2.0 (RM9.7 bilion); Geran PRIHATIN PKS (RM3.4 bilion); perbelanjaan berkaitan COVID-19 (RM2.9 bilion); sokongan bantuan sosial kepada kumpulan mudah terjejas (RM2 bilion); dan projek berskala kecil (RM1.3 bilion) merangkumi 92.7% daripada jumlah peruntukan KWC-19 2021.

Sejumlah RM23 bilion (1.4% kepada KDNK) akan diperuntukkan untuk KWC-19 pada 2022. Sebahagian besar peruntukan yang disediakan adalah untuk program yang dibawa ke hadapan daripada 2021 iaitu bantuan tunai, sokongan bantuan sosial untuk golongan mudah terjejas dan PSU. Peruntukan KWC-19 akan berakhir pada 2022 berikutan tabung ini merupakan kumpulan wang sementara dengan jangka masa selama tiga tahun. Oleh itu, jumlah keperluan KWC-19 dianggarkan mencecah sekitar RM100 bilion di bawah had siling RM110 bilion yang diluluskan. Baki selebihnya akan digunakan sebagai ruang kontigensi sekiranya diperlukan.

**JADUAL 3.3.** Peruntukan Kumpulan Wang COVID-19

PROGRAM	RM JUTA	
	2021 <sup>1</sup>	2022 <sup>2</sup>
Program subsidi upah, insentif pengekalan pekerjaan dan pengambilan pekerja dan bantuan latihan	9,670	3,000
Bantuan Prihatin Nasional	16,801	8,000
Projek berskala kecil	1,311	2,000
Program kemahiran dan peningkatan kemahiran	360	1,000
Pembiayaan PKS PENJANA	-	2,000
Geran PRIHATIN PKS	3,435	-
Pinjaman mikro kredit di bawah Bank Simpanan Nasional dan TEKUN Nasional	520	1,000
Peruntukan bagi perbelanjaan berkaitan COVID-19	2,940	2,000
Dana jaminan makanan	313	-
Elaun khas COVID-19 bagi barisan hadapan	-	-
Dana PENJANA Nasional	290	-
ePenjana	151	-
Diskaun bil elektrik	502	-
Tambahan RM100 bagi Bantuan Sara Hidup (BSH)	-	-
Bantuan khas untuk pelajar institusi pengajian tinggi	-	-
Pembiayaan Mudah Bumiputera	200	-
Subsidi pengangkutan awam MY30	200	-
Bantuan khas untuk pemandu teksi, pemandu bas sekolah, pemandu bas pelancong, pemandu pelancong, pengayuh beca dan pemandu <i>e-hailing</i>	123	-
Sokongan bantuan sosial untuk golongan mudah terjejas	1,980	3,540
Geran automasi pintar	90	460
Pinjaman mudah di bawah MyCreative Venture	-	-
Perlindungan sosial dan latihan bagi pekerja ekonomi <i>gig</i>	-	-
Kempen e-Dagang bagi PKS dan perusahaan mikro	10	-
"Shop Malaysia Online" bagi perbelanjaan dalam talian	40	-
Sokongan penjagaan kesihatan PEKA B40	-	-
Geran bagi pusat jagaan kanak-kanak dan tadika	29	-
Dana kandungan digital	-	-
Bantuan untuk pertubuhan bukan kerajaan	10	-
Pendigitalan penyampaian perkhidmatan kerajaan	15	-
Dana pemasaran dan promosi pendigitalan di bawah Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan (CENDANA)	10	-
Pusat Sehati PKS MyAssist	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>39,000</b>	<b>23,000</b>

<sup>1</sup> Anggaran disemak<sup>2</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2022

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

## SISIPAN

## Status Terkini Kumpulan Wang COVID-19

### Pengenalan

Kumpulan Wang COVID-19<sup>1</sup> telah ditubuhkan pada September 2020 bagi membiayai pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi untuk menangani krisis COVID-19. Penubuhan kumpulan wang amanah khusus ini sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa, disokong oleh kerangka undang-undang yang kukuh, pengaturan kawalan yang mantap serta standard ketelusan dan pelaporan yang baik. Sejumlah RM38 bilion telah dibelanjakan pada 2020 untuk membiayai program yang disenaraikan dalam Jadual Akta 830. Perbelanjaan ini direkodkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, diaudit oleh Jabatan Audit Negara Malaysia dan dibentangkan di Parlimen.

### Status Kemajuan Semasa

Pada Disember 2020, Parlimen telah meluluskan pindaan Akta 830 untuk meningkatkan siling Kumpulan Wang COVID-19 daripada RM45 bilion kepada RM65 bilion untuk membiayai langkah tambahan rangsangan ekonomi. Tambahan sebanyak RM20 bilion tersebut diperuntukkan bagi Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), Program Subsidi Upah (PSU), Geran PRIHATIN PKS (GKP) dan perbelanjaan lain berkaitan COVID-19. Pandemik COVID-19 terus memberi kesan kepada rakyat dan perniagaan pada 2021. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengumumkan empat pakej bantuan tambahan iaitu PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA+ dan PEMULIH berjumlah RM225 bilion dengan suntikan fiskal bernilai RM25 billion. Setelah beberapa penyusunan semula peruntukan dalam Kumpulan Wang COVID-19, keperluan Kumpulan Wang tersebut dianggarkan melebihi siling RM65 bilion. Dalam hal ini, Kerajaan telah membentangkan pindaan kedua Akta 830 di Parlimen untuk meningkatkan siling perbelanjaan sehingga RM110 bilion dengan mengambil kira keperluan Bajet 2022. Program yang memerlukan peruntukan tambahan adalah BPR, PSU, GKP, projek berskala kecil, pinjaman mikro kredit di bawah Bank Simpanan Nasional dan TEKUN Nasional, perbelanjaan lain berkaitan COVID-19 dan sokongan bantuan sosial untuk golongan mudah terjejas.

### Prestasi Perbelanjaan

Sehingga akhir Ogos 2021, sebanyak RM58.9 bilion telah dibelanjakan di bawah Kumpulan Wang COVID-19. Sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk program pemberian tunai berjumlah RM25 bilion yang merangkumi 42.4% daripada jumlah perbelanjaan. Di bawah program tersebut, sebanyak RM18.6 bilion dibelanjakan pada 2020 dan Januari 2021 untuk Bantuan Prihatin Nasional (BPN) manakala RM6.4 bilion diagihkan di bawah BPR menerusi beberapa fasa. Program BPR telah memberi manfaat kepada hampir 10.6 juta penerima berpendapatan RM8,000 ke bawah yang mewakili hampir satu pertiga penduduk manakala lebih daripada 8.5 juta penerima berpendapatan RM5,000 ke bawah mendapat manfaat daripada BPR.

<sup>1</sup> Kumpulan Wang ini telah ditubuhkan di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830]

**JADUAL 1: Siling Kumpulan Wang COVID-19 dan Prestasi Perbelanjaan Mengikut Program (RM juta)**

	Program	Siling		Perbelanjaan (Sehingga akhir Ogos 2021)
		Pindaan Pertama	Pindaan Kedua	
1	Program subsidi upah, insentif pengekalan pekerjaan dan pengambilan pekerja dan bantuan latihan	18,300	31,000	17,280
2	Bantuan Prihatin Nasional	25,200	41,000	25,008
3	Projek berskala kecil	4,000	6,000	3,692
4	Program kemahiran dan peningkatan kemahiran	2,000	2,000	483
5	Pembiayaan PKS PENJANA	2,000	2,000	-
6	Geran PRIHATIN PKS	2,400	6,000	4,986
7	Pinjaman mikro kredit di bawah Bank Simpanan Nasional dan TEKUN Nasional	1,000	2,000	635
8	Peruntukan bagi perbelanjaan berkaitan COVID-19	5,000	9,000	2,623
9	Dana jaminan makanan	1,000	1,000	486
10	Elaun khas COVID-19 bagi barisan hadapan	600	600	-
11	Dana PENJANA Nasional	600	600	310
12	ePenjana	520	520	650
13	Diskaun bil elektrik	500	500	604
14	Tambahan RM100 bagi Bantuan Sara Hidup (BSH)	300	300	-
15	Bantuan khas untuk pelajar institusi pengajian tinggi	300	300	225
16	Pembiayaan Mudah Bumiputera	200	200	200
17	Subsidi pengangkutan awam MY30	200	200	198
18	Bantuan khas untuk pemandu teksi, pemandu bas sekolah, pemandu bas pelancong, pemandu pelancong, pengayuh beca dan pemandu <i>e-hailing</i>	160	160	152
19	Sokongan bantuan sosial untuk golongan mudah terjejas	110	6,010	994
20	Geran automasi pintar	100	100	71
21	Pinjaman mudah di bawah MyCreative Venture	100	100	30
22	Perlindungan sosial dan latihan bagi pekerja ekonomi <i>gig</i>	75	75	25
23	Kempen e-Dagang bagi PKS dan perusahaan mikro	70	70	30
24	"Shop Malaysia Online" bagi perbelanjaan dalam talian	70	70	56
25	Sokongan penjagaan kesihatan PEKA B40	50	50	50
26	Geran bagi pusat jagaan kanak-kanak dan tadika	50	50	33
27	Dana kandungan digital	35	35	-
28	Bantuan untuk pertubuhan bukan kerajaan	25	25	11
29	Pendigitalan penyampaian perkhidmatan kerajaan	20	20	14
30	Dana pemasaran dan promosi pendigitalan di bawah Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan (CENDANA)	10	10	2
31	Pusat Sehenti PKS MyAssist	5	5	5
<b>JUMLAH</b>		<b>65,000</b>	<b>110,000</b>	<b>58,853</b>

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Selain itu, program PSU diperkenalkan dalam pakej rangsangan ekonomi PRIHATIN pada Mac 2020 bagi membantu majikan yang terkesan akibat pandemik COVID-19 untuk mengekalkan pekerja dan kelangsungan operasi syarikat. Sebanyak RM17.3 bilion atau 29.4% daripada jumlah perbelanjaan telah diagihkan kepada lebih daripada 350,000 majikan dan sekitar 2.9 juta pekerja. Kerajaan juga telah membelanjakan hampir RM5 bilion bagi GKP sejak pertama kali diperkenalkan di bawah pakej Langkah Tambahan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN PKS+) pada April 2020. Sebanyak 0.9 juta usahawan PKS mikro telah menerima manfaat daripada program ini untuk meringankan beban kewangan dan aliran tunai perniagaan mereka.

Perbelanjaan untuk projek berskala kecil pula berjumlah RM3.7 bilion atau 6.3% daripada jumlah perbelanjaan. Projek yang dikenal pasti di bawah program ini dijangka dapat memanfaatkan masyarakat setempat dan menjana kesan limpahan kepada ekonomi. Projek tersebut termasuk kerja pembaikan infrastruktur asas, kemudahan awam dan jalan serta menaik taraf sekolah daif, perumahan awam dan hospital pengajar yang terlibat dengan COVID-19.

Di bawah program perbelanjaan berkaitan COVID-19, sebanyak RM2.6 bilion telah dibelanjakan untuk perkhidmatan kesihatan berkaitan COVID-19 serta pembelian perkakasan dan peralatan perubatan untuk meningkatkan keupayaan fasiliti kesihatan dan wad ICU. Selain itu, perbelanjaan bagi bantuan sosial untuk menyokong dan menambah baik ekonomi golongan mudah terjejas berjumlah RM1 bilion dengan inisiatif perbelanjaan seperti pemberian secara *one-off* kepada ibu tunggal dan orang kelainan upaya, Program Jaringan Prihatin, Bantuan Makanan Asas dan Program Klinik Bergerak. Baki peruntukan diagihkan untuk program lain seperti ePenjana, Dana Jaminan Makanan dan diskaun bil elektrik.

### Kesimpulan

Krisis pandemik telah menyebabkan Kerajaan meningkatkan sokongan fiskal ke atas ekonomi terutamanya sektor kesihatan. Usaha ini direalisasikan melalui penggubalan Akta Kumpulan Wang COVID-19 yang membenarkan pinjaman tambahan untuk membiayai pakej rangsangan menerusi Kumpulan Wang COVID-19. Pada masa yang sama, ketelusan dan tadbir urus yang baik akan terus didukung melalui pembentangan laporan tahunan bagi terimaan dan perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 ini di Parlimen seiring dengan amalan terbaik antarabangsa. Melalui pelaksanaan langkah-langkah rangsangan beserta pengurusan Kumpulan Wang COVID-19 yang efektif, Kerajaan yakin objektif untuk memacu negara keluar daripada krisis ini dapat dicapai seterusnya mengekalkan kemampuan fiskal jangka masa sederhana.

### Rujukan

Jabatan Perdana Menteri Malaysia (2021). *Teks Ucapan Pengumuman Khas Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI)*. Dicapai daripada <https://www.pmo.gov.my>

Jabatan Perdana Menteri Malaysia (2021). *Teks Ucapan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA)*. Dicapai daripada <https://www.pmo.gov.my>

Jabatan Perdana Menteri Malaysia (2021). *Teks Ucapan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+)*. Dicapai daripada <https://www.pmo.gov.my>

Jabatan Perdana Menteri Malaysia (2021). *Teks Ucapan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)*. Dicapai daripada <https://www.pmo.gov.my>

Kementerian Kewangan Malaysia (2021). *Infografik PERMAI*. Dicapai daripada <http://belanjawan2021.treasury.gov.my>

Kementerian Kewangan Malaysia (2021). *Infografik PEMERKASA 2021*. Dicapai daripada <http://belanjawan2021.treasury.gov.my>

Kementerian Kewangan Malaysia (2021). *Infografik PEMERKASA+ 2021*. Dicapai daripada <http://belanjawan2021.treasury.gov.my>

Kementerian Kewangan Malaysia (2021). *Infografik PEMULIH*. Dicapai daripada <http://belanjawan2021.treasury.gov.my>

Kementerian Kewangan Malaysia (2021). *Siri Laporan LAKSANA*. Dicapai daripada <https://www.mof.gov.my>

Malaysia (2020). *Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830]*.

Malaysia (2020). *Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2020*.

## Tinjauan 2022

Momentum pemulihan dijangka berterusan pada 2022 sejajar dengan kemajuan program vaksinasi yang lancar dan disokong oleh pelaksanaan PPN. Selain itu, RMKe-12 yang baru diumumkan akan menjadi pemangkin untuk merancakkan semula ekonomi, mempromosi pelaburan, melonjakkan pendigitalan dan memperkukuh perkhidmatan awam. Bajet 2022 dirumuskan dengan tiga objektif utama: untuk mengekal dan memacu aktiviti ekonomi, membangun semula ketahanan ekonomi dan menjadi pemangkin agenda reformasi berikutan keperluan untuk memastikan pemulihan kekal kukuh. Oleh itu, Kerajaan akan terus melaksanakan dasar fiskal mengembang untuk membawa negara kembali kepada trajektori potensi pertumbuhan.

Sejumlah RM332.1 bilion (20.3% kepada KDNK) akan diperuntukkan dalam Bajet 2022. Daripada jumlah ini, RM233.5 bilion (70.3%) akan disalurkan kepada OE, RM75.6 bilion (22.8%) untuk DE dan baki RM23 bilion untuk KWC-19. Dari segi peruntukan sektoral, RM133.2 bilion (40.1%) daripada jumlah keseluruhan Bajet 2022 akan diperuntukkan untuk program dan

projek di bawah sektor sosial diikuti oleh sektor ekonomi (20.3%), keselamatan (10.3%) dan pentadbiran am (4.8%). Baki berjumlah RM81.3 bilion (24.5%) akan diperuntukkan untuk perbelanjaan tanggungan dan bayaran pindahan.

Peruntukan **OE** pada 2022 dianggarkan berjumlah RM233.5 bilion atau 14.3% kepada KDNK. Jumlah ini adalah 6.3% lebih tinggi berbanding peruntukan 2021 yang disemak semula iaitu RM219.6 bilion. Emolumen, bayaran khidmat hutang dan bayaran persaraan kekal sebagai tiga penerima tertinggi merangkumi 67.5% daripada jumlah OE atau 9.6% kepada KDNK.

Emolumen penjawat awam merupakan penerima terbesar OE pada 2022. Komponen ini mewakili sekitar satu pertiga daripada jumlah OE dan dianggarkan meningkat kepada RM86.5 bilion. Kenaikan ini sebahagiannya untuk menampung kenaikan gaji tahunan. Bayaran persaraan pula dianggarkan meningkat kepada RM28.1 bilion (12% daripada jumlah OE) berikutan kenaikan pencen tahunan serta peningkatan jumlah pesara dan penerima manfaat yang dianggarkan berjumlah hampir 628,300. Sejumlah 73.7% bayaran persaraan



terdiri daripada pembayaran pencen bulanan untuk pesara dan penerima manfaat manakala sebahagian besar bakinya adalah bayaran ganjaran dan pemberian wang tunai sebagai gantian cuti rehat terkumpul yang tidak digunakan.

Sebanyak RM43.1 bilion akan diperuntukkan untuk bayaran khidmat hutang pada 2022. Daripada jumlah tersebut, 98.2% diperuntukkan untuk pembayaran kupon atas hutang dalam negara sementara bakinya untuk pinjaman luar pesisir. Nisbah bayaran khidmat hutang kepada OE dianggarkan lebih tinggi pada 18.5% sejajar dengan penggunaan instrumen hutang bagi membiayai dasar fiskal mengembang.

Peruntukan bagi bekalan dan perkhidmatan yang mewakili 13% daripada OE, meningkat sebanyak 30.5% kepada RM30.4 bilion. Peningkatan ini disebabkan oleh perbelanjaan lebih tinggi bagi bekalan perubatan serta perkhidmatan profesional. Kementerian yang akan menerima peruntukan tertinggi adalah Kementerian Kesihatan (33.1%), Kementerian Dalam Negeri (12.5%) dan Kementerian Pendidikan (11.2%). Sebahagian besar perbelanjaan bagi menampung perolehan bekalan perubatan serta pembaikan dan penyelenggaraan kemudahan sekolah. Subsidi dan bantuan sosial akan diberikan peruntukan yang lebih tinggi iaitu RM17.4 bilion (2021: RM16.7 bilion) berikutan peningkatan dalam pemberian bantuan sosial. Kerajaan akan terus menambah baik dasar dan mekanisme semasa ke arah bantuan bersasar secara berperingkat dalam memastikan pengagihan yang lebih saksama.

Sejumlah RM14.1 bilion akan diperuntukkan sebagai geran kepada badan berkanun terutamanya bagi perbelanjaan operasi seperti emolument serta bekalan dan perkhidmatan. Geran kepada institusi pengajian tinggi awam terdiri daripada universiti awam dan hospital pengajar merangkumi 64.5% daripada keseluruhan peruntukan. Seterusnya, sejumlah RM7.9 bilion diperuntukkan untuk pemberian dan pindahan kepada kerajaan negeri. Daripada jumlah ini, RM5.9 bilion merupakan pindahan yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Memasuki tahun kedua RMKe-12, peruntukan **DE** pada 2022 akan terus diagihkan kepada projek dan program dengan kesan pengganda yang tinggi untuk merancakkan semula pertumbuhan ekonomi, mewujudkan persekitaran pelaburan yang kondusif dan memelihara kesejahteraan rakyat. Oleh itu, sebanyak RM75.6 bilion akan diperuntukkan untuk DE (2021: RM62 bilion). Daripada jumlah itu, RM66.9 bilion diperuntukkan untuk 5,575 projek yang sedang dilaksanakan sementara RM8.7 bilion untuk 1,180 projek baharu. Sektor ekonomi kekal sebagai penerima terbesar iaitu 53.2% daripada DE diikuti oleh sektor sosial (30%), keselamatan (11.9%) dan pentadbiran am (4.9%).

Sejumlah RM40.2 bilion akan disediakan untuk sektor ekonomi bagi meningkatkan keupayaan ekonomi dan memperkukuh daya saing negara. Tumpuan terus diberi kepada projek berkaitan pengangkutan, perdagangan dan industri serta subsektor tenaga dan kemudahan awam. Subsektor pengangkutan akan diperuntukkan sebanyak RM15.5 bilion untuk pembinaan, pembaikan dan penyelenggaraan infrastruktur utama seperti lebuh raya, jalan raya, landasan kereta api, jambatan, pelabuhan dan lapangan terbang. Peruntukan ini termasuk untuk projek sedia ada seperti Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru, Sistem Transit Rapid, Lebuhraya Pan Borneo serta menaik taraf Pelabuhan Kuantan, Pahang dan Lapangan Terbang Sandakan, Sabah. Antara projek baharu yang akan dilaksanakan adalah menaik taraf Jalan Marabhai Spur di Tuaran, Sabah, penggantian jambatan di Sik dan Baling, Kedah dan kajian laluan alternatif Jalan Seremban-Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Penerima lain di bawah sektor ekonomi adalah subsektor perdagangan dan industri dengan peruntukan RM2.1 bilion. Antara program di bawah subsektor ini adalah untuk memperkukuhkan kemampuan keusahawanan termasuk PMKS selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030. Di samping itu, tumpuan akan diberi untuk menyokong pertumbuhan industri dengan menyediakan geran atau pinjaman untuk aktiviti termasuk penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan produk. Program terlibat

termasuk Program Pembiayaan Usahawan PUNB, Dana untuk Pelaburan Strategik Tempatan, Dana untuk Projek Berimpak Tinggi, Pinjaman Penyelidikan dan Pembangunan untuk Aeroangkasa dan Bidang Elektrik dan Elektronik, Skim Pembiayaan Perniagaan Khas untuk Wanita (DanaNITA) dan Industri4WRD.

Sejumlah RM3.2 bilion akan diperuntukkan kepada subsektor tenaga dan kemudahan awam untuk memberi akses yang lebih meluas kepada rakyat terutamanya bekalan elektrik dan air, akses telekomunikasi dan perkhidmatan pembentungan. Subsektor pertanian pula akan diberi peruntukan sebanyak RM2.9 bilion terutamanya untuk program pembangunan peneroka dan pekebun kecil, penanaman semula kelapa sawit dan getah, sistem pengairan padi serta peternakan ayam, itik dan lembu yang dijangka dapat meningkatkan industri agro. Di samping itu, subsektor alam sekitar akan diberikan sejumlah RM2.1 bilion terutamanya untuk projek pemulihan sungai dan mitigasi banjir seperti pembinaan lembangan sungai bersepadu, penyelenggaraan kolam takungan banjir, menaik taraf empangan dan penstabilan tebing sungai.

Sektor sosial merupakan penerima DE kedua terbesar akan diperuntukkan dengan RM22.7 bilion. Peruntukan ini meningkat sebanyak 30.7% berbanding RM17.3 bilion yang disediakan pada 2021. Subsektor pendidikan dan latihan kekal sebagai penerima peruntukan terbesar di bawah sektor ini berjumlah RM12 bilion, terutamanya untuk TVET, geran penyelidikan dan pembinaan serta peluasan institusi pendidikan. Subsektor kesihatan akan diperuntukkan RM4.5 bilion untuk memastikan ketersediaan dan akses sistem kesihatan yang komprehensif. Selain itu, peruntukan juga akan digunakan untuk pembelian kenderaan dan peralatan perkhidmatan perubatan. Antara projek baharu ialah pembinaan Hospital Kapar, Selangor dan menaik taraf kemudahan hemodialisis hospital Kementerian Kesihatan Malaysia di Kedah, Pulau Pinang dan Perak, serta bilik autopsi Jabatan Forensik Hospital Sultan Ismail, Johor.

Kerajaan terus komited untuk menyediakan rumah mampu milik yang mencukupi dan berkualiti kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Oleh itu, RM1.8 bilion akan diperuntukkan di bawah subsektor perumahan dengan sebahagian besarnya disalurkan kepada pembinaan rumah PPR dan menaik taraf kuarters penjawat awam. Projek lain di bawah subsektor ini termasuk program Rumah Mesra Rakyat dan pembangunan komuniti sifar sisa dalam kalangan PPR terpilih seperti di Sri Kemuning di Temerloh, Pahang dan Seri Sena di Kangar, Perlis.

Sektor keselamatan akan diperuntukkan RM9 bilion untuk disalurkan kepada subsektor pertahanan (60.4%) dan keselamatan dalam negeri (39.6%). Peruntukan ini melibatkan penambahbaikan sistem dan perkhidmatan rangkaian serta naik taraf aset ketenteraan dan peralatan keselamatan. Selain itu, peruntukan akan disediakan untuk projek infrastruktur seperti kuarters anggota keselamatan, kemudahan kesihatan dan menaik taraf penjara.

Sejumlah RM3.8 bilion akan diperuntukkan untuk sektor pentadbiran awam bagi memperkukuh sektor awam di bawah RMKe-12. Beberapa projek utama termasuk meningkatkan pendigitalan dalam sektor awam seperti 1GOVNET, MYGOVUC, Sistem Rekod Transkripsi Mahkamah atau e-Kehakiman serta memperluas perkhidmatan pusat data sektor awam. Di samping itu, peruntukan turut disediakan untuk penyelenggaraan bangunan, aset dan kemudahan kerajaan seperti kuarters, mahkamah dan institusi latihan.

## Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan

Jumlah Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan<sup>1</sup> sehingga 31 Disember 2020 ialah RM43.1 bilion atau 2.6% kepada KDNK. Daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan melalui Kumpulan Wang Pembangunan, lebih daripada separuh adalah pinjaman kepada syarikat berjumlah

<sup>1</sup> Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan merupakan sebahagian daripada aset kewangan Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada kemudahan pinjaman kepada kerajaan negeri, kerajaan tempatan, badan berkanun, syarikat, koperasi dan pelbagai organisasi.

RM24.9 bilion, diikuti kerajaan negeri sebanyak RM13 bilion (30.1%) dan badan berkanun sebanyak RM4.9 bilion (11.4%). Selain itu, pinjaman turut diberikan kepada kerajaan tempatan berjumlah RM143 juta (0.3%), organisasi lain sebanyak RM200 juta (0.5%) dan koperasi sebanyak RM6.8 juta (0.02%).

Pengeluaran pinjaman melalui DE pada 2021 dianggarkan berjumlah RM1.2 bilion atau 1.9% daripada jumlah keseluruhan DE. Daripada jumlah tersebut, kerajaan negeri dan syarikat kekal sebagai penerima terbesar merangkumi 91.2% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan diikuti oleh badan berkanun (7.8%) dan lain-lain (1%). Pinjaman tersebut diberikan bagi memudahkan pelaksanaan projek pelaburan jangka masa panjang seperti infrastruktur jalan raya, bekalan air dan pembedungan.

Kerajaan dianggarkan menerima pembayaran balik pinjaman berjumlah RM0.8 bilion pada 2021. Sekitar 41% daripada jumlah pembayaran dijangka diterima daripada kerajaan negeri dengan Sabah dan Sarawak terus menjadi penyumbang utama. Pembayaran balik daripada syarikat pula diunjurkan sekitar RM0.4 bilion. Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Pengurusan Aset Air Berhad dan Yayasan Tekun Nasional merupakan tiga penyumbang teratas dengan jumlah pembayaran berjumlah RM285.5 juta. Selain itu, jumlah pembayaran balik daripada badan berkanun dianggarkan berjumlah RM59.2 juta dan kerajaan tempatan sebanyak RM5.1 juta. Pembayaran daripada organisasi lain seperti kelab dan persatuan pula dianggarkan berjumlah RM35.8 juta.

Kerajaan Persekutuan dianggar menyediakan pinjaman berjumlah hampir RM2 bilion melalui DE kepada kerajaan negeri, syarikat, badan berkanun dan organisasi lain pada 2022. Kerajaan negeri menjadi penerima pinjaman tertinggi sebanyak RM1 bilion diikuti oleh syarikat (RM0.8 bilion), badan berkanun (RM123 juta) dan organisasi lain


(RM10.9 juta). Pinjaman kepada syarikat akan digunakan terutamanya untuk membiayai program dan projek berkaitan bekalan air dan elektrik, pemulihan tanah untuk estet getah, penanaman semula kelapa sawit dan pembinaan lebuh raya. Pinjaman kepada kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan badan berkanun pula akan digunakan terutamanya untuk menaik taraf dan menyelenggara infrastruktur bekalan air dan pembedungan, pembinaan empangan dan membiayai projek pembangunan tanaman.

Bayaran balik pinjaman pada 2022 dianggarkan berjumlah RM0.6 bilion. Hampir separuh daripada jumlah pembayaran balik dijangka diterima daripada kerajaan negeri dengan Sabah, Sarawak dan Selangor sebagai penyumbang terbesar. Pembayaran balik pinjaman daripada syarikat dijangka bernilai RM0.2 bilion manakala baki adalah daripada badan berkanun (RM58.6 juta), kerajaan tempatan (RM4.2 juta) dan organisasi lain (RM11.7 juta).


## Kesimpulan

Kerajaan akan terus memainkan peranan dalam mengurangkan impak pandemik COVID-19 kepada rakyat, perniagaan dan ekonomi. Keutamaan segera Kerajaan adalah menyediakan sokongan sewajarnya bagi pelaksanaan PPN, mempercepat pertumbuhan ekonomi dan membawa negara keluar daripada krisis ekonomi dan kesihatan. Sebarang penjajaran semula suntikan fiskal akan bergantung kepada tahap pemulihan untuk memastikan ekonomi kembali kepada trajektori pertumbuhan. Walau bagaimanapun, inisiatif untuk meningkatkan perbelanjaan yang efektif dan efisien akan diteruskan. Pada masa yang sama, Kerajaan kekal komited untuk mendukung ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan awam seperti yang dizahirkan dalam penerbitan Kenyataan Pra-Bajet pertama dan Kertas Konsultasi Awam.


**RAJAH 3.1.** Jumlah Perbelanjaan Mengikut Sektor




**RAJAH 3.2.** Jumlah Perbelanjaan Mengikut Kementerian dan Agensi




**RAJAH 3.3.** Perbelanjaan Mengurus Mengikut Komponen




**RAJAH 3.4.** Perbelanjaan Mengurus Mengikut Sektor



**RAJAH 3.5.** Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Sektor



**RAJAH 3.6.** Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Mengikut Penghutang, Akhir 2020



<sup>1</sup>Anggaran disemak  
<sup>2</sup>Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2022  
 Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

## SEKSYEN 4

# Pengurusan Hutang

### **55 PERSPEKTIF KESELURUHAN**

---

### **55 PEMBIAYAAN**

Rencana - Sukuk Global 2021 oleh Kerajaan  
Malaysia

---

### **64 HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN**

Rencana - Analisis Kemampanan Hutang  
Malaysia 2021

---

### **73 HUTANG LUAR**

---

### **74 HUTANG SEKTOR AWAM**

---

### **74 TINJAUAN 2022**

---

### **75 KESIMPULAN**

---



## SEKSYEN 4

# Pengurusan Hutang

## Perspektif Keseluruhan

Hutang kerajaan di seluruh dunia merekodkan paras tertinggi dalam sejarah iaitu hampir 100% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dunia pada 2020 dan dijangka kekal tinggi pada 2021 dan 2022. Namun, ekonomi global kini semakin pulih meskipun pada kadar lebih perlahan daripada jangkaan berikutan ketidaktentuan akibat peningkatan semula kes COVID-19 dengan kemunculan varian baharu. Kerajaan di seluruh dunia telah meneruskan sokongan fiskal bagi mempercepat pemulihan ekonomi dengan suntikan fiskal dianggarkan berjumlah USD16.9 trilion.<sup>1</sup> Sehubungan itu, penawaran kertas hutang kerajaan dalam pasaran diunjur kekal tinggi untuk memenuhi keperluan pinjaman kerajaan bagi membiayai langkah rangsangan. Walau bagaimanapun, kelonggaran dasar monetari bagi menangani ketidaktentuan pasaran kewangan, situasi ekonomi global dan tekanan inflasi telah mewujudkan persekitaran kadar faedah rendah seterusnya memberi manfaat kepada kerajaan dengan kos pembiayaan lebih rendah.

Selaras dengan trend global, Kerajaan telah melancarkan empat pakej bantuan dan rangsangan. Di samping itu, pelaksanaan semula langkah pengawalan ketat sejak Mei 2021 berikutan peningkatan kes COVID-19 telah menyebabkan semakin semula pertumbuhan ekonomi kepada lebih perlahan dan dijangka memberi impak kepada defisit fiskal. Oleh itu, Dewan Rakyat telah meluluskan peningkatan had statutori hutang daripada 60% kepada 65% kepada KDNK di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830] bagi menyediakan fleksibiliti fiskal dan membolehkan pakej rangsangan dilaksanakan dengan berkesan. Selain itu, kelancaran pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang merupakan sebahagian daripada komponen penting di bawah Pelan Pemulihan Nasional (PPN) akan

mempercepat pembukaan semula kegiatan ekonomi dan sosial serta menjadi pemangkin kepada proses pemulihan.

## Pembiayaan

Kerajaan telah mengumumkan empat siri pakej bantuan dan rangsangan tambahan pada 2021 iaitu Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) dan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) berjumlah RM225 bilion dengan suntikan fiskal sebanyak RM25 bilion. Pakej ini bertujuan menyediakan bantuan kepada rakyat dan perniagaan untuk mengurangkan impak krisis pandemik COVID-19 yang diburukkan lagi dengan kemunculan varian baharu yang lebih mudah merebak dan menyebabkan lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Justeru, Kerajaan telah mengkaji semula keperluan pembiayaan tahun ini dengan mengambil kira peningkatan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dan pengurangan kutipan hasil. Sehubungan itu, sasaran awal defisit fiskal iaitu 5.4% kepada KDNK telah disemak semula kepada 6.5% bagi menampung keperluan pembiayaan tambahan susulan pengumuman pakej tersebut.

**Jumlah pinjaman kasar** Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat RM210.8 bilion atau 13.9% kepada KDNK dengan RM110.4 bilion daripada jumlah tersebut digunakan untuk membiayai semula hutang yang matang manakala RM98.8 bilion untuk membiayai defisit. Pembiayaan semula hutang yang matang merangkumi Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) sebanyak RM38.7 bilion, Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) RM29 bilion, bil perbendaharaan RM33 bilion, Sukuk Perumahan Kerajaan (SPK) RM6 bilion dan pinjaman luar pesisir RM3.7 bilion.

<sup>1</sup> IMF October 2021 Fiscal Monitor.

**Pinjaman kasar dalam negeri** dianggap berjumlah RM205.5 bilion atau 97.5% daripada jumlah pinjaman kasar. Kecairan yang mencukupi dalam pasaran domestik membolehkan Kerajaan membiayai keperluan pinjaman tambahan merentasi pelbagai tempoh matang. Terbitan MGS dijangka kekal tinggi sebanyak RM83 bilion atau 39.4% daripada jumlah pinjaman kasar manakala MGII pada RM77 bilion atau 36.5%. Di samping itu, terbitan bil perbendaharaan dianggap lebih tinggi sebanyak RM45.5 bilion atau 21.6% daripada jumlah pinjaman kasar bagi memenuhi keperluan aliran tunai jangka pendek.

**JADUAL 4.1.** *Pembiayaan Kerajaan Persekutuan 2020 – 2021*

	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2020	2021 <sup>2</sup>	2020	2021 <sup>2</sup>
<b>Pinjaman kasar</b>	<b>181,067</b>	<b>210,777</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Dalam negeri</b>	<b>181,067</b>	<b>205,500</b>	<b>100.0</b>	<b>97.5</b>
MGS	73,000	83,000	40.3	39.4
MGII	76,466	77,000	42.2	36.5
Bil perbendaharaan	31,601	45,500	17.5	21.6
<b>Luar pesisir</b>	<b>-</b>	<b>5,277</b>	<b>-</b>	<b>2.5</b>
Pinjaman pasaran	-	5,277	-	2.5
Pinjaman projek	-	-	-	-
<b>Bayaran balik</b>	<b>94,477</b>	<b>110,376</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
Dalam negeri	94,146	106,700	99.6	96.7
Luar pesisir	331	3,676	0.4	3.3
<b>Pinjaman bersih</b>	<b>86,590</b>	<b>100,401</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
Dalam negeri	86,921	98,800	-	-
Luar pesisir	-331	1,601	-	-
<b>Perubahan aset<sup>1</sup></b>	<b>1,054</b>	<b>-1,624</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>Jumlah pembiayaan defisit</b>	<b>87,644</b>	<b>98,777</b>	<b>-</b>	<b>-</b>

<sup>1</sup> (+) menunjukkan pengurangan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset

<sup>2</sup> Anggaran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Profil terbitan kertas hutang telah diselaraskan dengan peningkatan terbitan instrumen berjangka pendek dan sederhana. Komposisi kertas hutang jangka pendek (bertempoh matang kurang dari setahun) dan jangka sederhana (3 hingga 7 tahun) dijangka lebih

tinggi pada 58.2% daripada jumlah pinjaman kasar dalam negeri manakala kertas hutang berjangka panjang (10 tahun ke atas) lebih rendah pada 41.8%. Secara umum, terbitan kertas hutang berjangka pendek yang lebih banyak akan merendahkan kos keseluruhan pembiayaan dan purata tempoh matang namun meningkatkan risiko pembiayaan semula.

Sebahagian besar operasi pembiayaan Kerajaan dilaksanakan melalui lelongan awam merangkumi 84.7% daripada jumlah pinjaman dalam negeri. Kaedah ini dilaksanakan berdasarkan kemampuan pasaran untuk menerima pertambahan tawaran kertas hutang. Pada 2021, Kerajaan meningkatkan pembukaan semula kertas hutang penanda aras iaitu sebanyak 94.6% daripada 37 terbitan berbanding 88% daripada 34 terbitan pada 2020 untuk memastikan keseimbangan pengagihan penawaran kertas hutang sepanjang tahun. Jumlah pembukaan semula yang lebih tinggi akan menyebabkan saiz terbitan terkumpul yang lebih besar dan memudahkan aktiviti pengesanan indeks oleh pelabur dalam pasaran hutang domestik sekali gus meningkatkan lagi kecairan perdagangan pasaran sekunder. Justeru, Kerajaan telah mengambil pendekatan proaktif melalui komunikasi secara efektif dengan pasaran terutamanya berkenaan keperluan pembiayaan tambahan dan perubahan strategi pembiayaan. Kerajaan Persekutuan kekal komited untuk mencapai objektif pengurusan hutang iaitu meminimumkan kos pembiayaan di samping mengekalkan profil kematangan hutang yang seimbang.

Kerajaan menerima bidaan berjumlah RM186 bilion untuk terbitan pasaran sebanyak RM87 bilion bagi tempoh lapan bulan pertama 2021 mencerminkan permintaan yang stabil terhadap kertas hutang Kerajaan. Nisbah bidaan kepada terbitan (BTC) sebanyak 2.14 kali menunjukkan kemampuan Kerajaan mengurus keperluan peningkatan pinjaman yang mendadak tanpa menjejaskan fungsi pasaran bon domestik walaupun berada dalam persekitaran ekonomi mencabar. Walau bagaimanapun, nisbah BTC tersebut lebih rendah berbanding tempoh yang sama iaitu 2.27 kali pada 2020. Nisbah BTC bagi permintaan kertas hutang berjangka pendek dan sederhana juga lebih rendah iaitu 1.89 kali berbanding kertas hutang berjangka panjang pada 2.42 kali dipengaruhi oleh keutamaan pelabur dan trend pasaran terutama apabila permintaan pelabur terhadap kertas hutang berjangka pendek telah terjejas berikutan jangkakan normalisasi kadar faedah AS pada Jun 2021. Selain itu, pelabur institusi seperti syarikat



insurans dan dana persaraan masih cenderung memilih kertas hutang berjangka panjang yang bersesuaian dengan profil kematangan liabiliti mereka.

Beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk memastikan pasaran kewangan domestik kekal terurus. Sehingga akhir September 2021, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) terus mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 1.75%. Di samping itu, BNM melanjutkan fleksibiliti sementara kepada institusi perbankan yang melanggan MGS dan MGII bagi memenuhi pematuhan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) sehingga akhir Disember 2022 untuk memastikan kecairan yang mencukupi dalam menyokong aktiviti perantaraan kewangan. Nisbah SRR kekal pada 2.00% dan langkah ini telah menambah kecairan sekitar RM46 bilion dalam sistem perbankan. Inisiatif berterusan oleh BNM untuk menambah baik pasaran bon domestik Kerajaan telah berjaya mengeluarkan Malaysia daripada FTSE Russell Watch List dan dikekalkan dalam Indeks Bon Kerajaan Dunia.

Walaupun terdapat peningkatan dalam penawaran kertas hutang kerajaan, namun kos pinjaman kekal rendah disokong persekitaran kadar faedah yang rendah berikutan dasar monetari yang akomodatif. Walau bagaimanapun, keputusan Pilihanraya AS 2020 telah mempengaruhi kedinamikan kadar hasil US Treasury (UST) yang meningkat seiring dengan perkembangan ekonomi AS selepas kelonggaran sekatan pergerakan dan kadar vaksinasi yang lebih cepat berbanding sasaran. Kenaikan kadar hasil UST juga telah mempengaruhi prestasi kadar hasil MGS dengan kadar kupon penanda aras MGS 3-tahun berada pada 2.34%, 5-tahun pada 2.68% dan 10-tahun pada 3.20% sehingga akhir Ogos 2021. Namun begitu, strategi Kerajaan untuk membuka semula kertas hutang yang mempunyai kadar kupon rendah telah menghasilkan penurunan ketara dalam purata wajaran kos pinjaman Kerajaan daripada 4.18% pada 2017 kepada 3.70% pada akhir Ogos 2021.

Pasaran bon domestik merekodkan aliran masuk asing bersih berterusan selama 14 bulan sejak April 2020. Walau bagaimanapun, trend ini berubah mulai Julai 2021 disebabkan oleh pemegang asing dalam sekuriti jangka pendek yang lebih rendah terutamanya Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB). Trend ini

berlaku susulan jangkakan normalisasi kadar faedah AS serta faktor risiko domestik yang meningkat akibat kes harian COVID-19 yang tinggi, pelanjutan PKP dan ketidaktentuan politik. Walaupun berdepan persekitaran mencabar, namun aliran masuk asing bersih dalam lapan bulan pertama 2021 mencatatkan RM28.4 bilion dengan permintaan asing untuk MGS mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM14.4 bilion. Aliran dana yang positif juga menunjukkan keyakinan pelabur terhadap usaha berterusan Kerajaan untuk memulihkan ekonomi dengan mempercepat kadar vaksinasi melalui PICK yang merupakan komponen penting PPN.

Malaysia kekal sebagai peneraju pasaran sukuk global dengan pegangan sebanyak 40.9% daripada jumlah sukuk global terkumpul pada akhir Jun 2021.<sup>2</sup> Terbitan MGII dijangka mencatat 36.5% daripada jumlah pinjaman kasar manakala MITB pada 14.2%. Sejak awal 2021, spread antara kadar hasil bon dan sukuk Kerajaan bertempoh matang 3- dan 5-tahun semakin mengecil dan kadar hasil MGII berkurang lebih cepat berbanding kadar hasil MGS. Sehingga akhir Ogos 2021, kadar hasil MGII 5-tahun adalah 4 mata asas lebih rendah berbanding kadar hasil MGS bertempoh matang yang sama. Di samping itu, permintaan pelabur lebih tertumpu kepada MGII yang merekodkan nisbah BTC sebanyak 2.34 kali berbanding MGS pada 1.96 kali. Lebihan langganan ini mencerminkan permintaan kukuh terhadap kertas hutang Kerajaan patuh Syariah disokong oleh persekitaran pasaran domestik yang menggalakkan.

**Pinjaman kasar luar pesisir** sehingga akhir Ogos 2021 berjumlah RM5.3 bilion disumbangkan oleh terbitan sukuk dua tranche berjumlah USD1.3 bilion pada 28 April 2021. Terbitan sukuk bertempoh matang 10-tahun dan 30-tahun ini amat dinantikan oleh pelabur berikutan kejayaan Malaysia dalam penerbitan produk patuh Syariah yang inovatif. Tranche bertempoh matang 10-tahun merupakan terbitan Sukuk Lestari berdenominasi dolar AS berdaulat yang pertama di dunia dengan kadar kupon ditetapkan pada 2.070% manakala tranche 30-tahun pada 3.075%. Struktur sukuk ini unik kerana aset sandaran sukuk adalah 100% bukan fizikal iaitu baucar perjalanan sistem pengangkutan awam yang bersih sejajar dengan konsep kelestarian. Terbitan ini terus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju hab kewangan Islam terkemuka dalam pasaran global.

<sup>2</sup> RAM Sukuk Snapshot 2Q2021.


## RENCANA

## Sukuk Global 2021 oleh Kerajaan Malaysia

### Pengenalan

Krisis COVID-19 yang berpanjangan serta langkah tindak balas fiskal oleh kebanyakan negara telah mengakibatkan peningkatan ketara terhadap keperluan pinjaman oleh kerajaan. Sejak pandemik ini bermula pada Januari 2020, sejumlah USD16.9 trilion suntikan fiskal telah diumumkan oleh kerajaan bagi pelan pemulihan ekonomi. Peningkatan fokus terhadap usaha membendung pandemik COVID-19 telah mendorong penggubal dasar dan pelabur meneroka strategi pembiayaan berbeza seperti yang boleh dilihat dalam trend terkini melalui inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Korporat (ESG). Di samping itu, Agenda Pembangunan Mampan 2030 (Agenda 2030) yang diperkenalkan pada 25 September 2015 telah menetapkan rangka kerja global baharu pembiayaan pembangunan mampan melalui penyelarasan dasar dan aliran dana dengan memberi keutamaan kepada aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Dalam hal ini, terbitan bon Green, Social, Sustainability and Sustainability-linked (GSSS) global pada separuh pertama 2021 meningkat kepada USD574 bilion melebihi jumlah keseluruhan terbitan 2020 (Rajah 1).

**RAJAH 1. Terbitan Bon GSSS Global**



<sup>1</sup> Akhir Jun 2021  
Sumber: Bloomberg

Penglibatan Malaysia dalam pembiayaan mampan bermula pada 2014 dengan pelancaran Rangka Kerja Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Rangka Kerja SRI telah membuka laluan kepada penjajaran konsep pembiayaan dan pelaburan mampan berdasarkan nilai dan prinsip kewangan Islam. Selain itu, Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) telah mula disesuaikan dan diterapkan dalam konteks rangka kerja perancangan pembangunan negara sejak Kerajaan menerima pakai Agenda 2030 sejajar dengan teras strategi utama Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020. Kerajaan juga telah mengumumkan langkah untuk menyokong pelan pembangunan ekosistem kewangan mampan semasa pembentangan Belanjawan 2021 bagi memacu pelaksanaan pelan tersebut.


### Terbitan Sukuk Global 2021 oleh Malaysia

Selepas kejayaan beberapa siri terbitan sukuk berdenominasi dolar AS sejak 2002, Kerajaan sekali lagi memasuki pasaran antarabangsa dengan terbitan sukuk dua tranche berjumlah USD1.3 bilion pada 28 April 2021. Tranche pertama iaitu sukuk bertempoh matang 10-tahun berjumlah USD800 juta melakar pencapaian baharu sebagai sukuk kelestarian berdaulat berdenominasi dolar AS pertama di dunia yang menggambarkan komitmen terkini Kerajaan terhadap usaha pembangunan mampan. Pada masa yang sama, Kerajaan turut menerbitkan sukuk dengan tranche 30-tahun berjumlah USD500 juta. Transaksi ini juga menjadi penanda aras sebagai sukuk global dolar AS Kerajaan Malaysia dengan kadar keuntungan yang terendah.

### Struktur dan Aliran Transaksi Sukuk

Struktur sukuk ini berlandaskan prinsip Syariah Wakalah. Aset sandaran sukuk ini unik kerana 100% aset bukan fizikal dan selaras dengan tranche kelestarian iaitu baucar yang mewakili hak perjalanan rangkaian pengangkutan awam Transit Aliran Ringan (LRT), Transit Aliran Massa (MRT) dan KL Monorail. Pengangkutan awam tersebut merupakan mod pengangkutan bersih serta selaras dengan Matlamat SDG 9 iaitu Industri, Inovasi dan Infrastruktur dan Matlamat SDG 11 iaitu Bandar dan Komuniti yang Mampan. Oleh itu, transaksi ini merupakan terbitan berdaulat pertama dengan aset sandaran dan struktur sukuk yang lestari, iaitu satu pencapaian baharu yang menyerlahkan Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam dan memperkukuh kedudukan negara sebagai pasaran sukuk terbesar dunia. Struktur sukuk dan aliran transaksi adalah seperti pada Rajah 2.

**RAJAH 2. Struktur Sukuk dan Aliran Transaksi**



Langkah	Penerangan
1	Sijil Amanah dikeluarkan oleh Malaysia Wakala Sukuk Berhad (MWSB) iaitu sebuah syarikat bertujuan khas (SPV) kepada pemegang sijil sebagai pertukaran untuk terimaan sukuk.
2	Kerajaan dilantik sebagai ejen pemegang sijil (Wakil) yang juga berfungsi sebagai ejen Penerbit dalam menyediakan perkhidmatan tertentu berkaitan dengan aset sukuk Wakalah yang tertakluk pada terma dan syarat dalam Perjanjian Wakalah.
3	a) Pada tarikh terbitan, SPV sebagai Pemegang Amanah menggunakan 100% terimaan terbitan untuk membeli baucar yang mewakili hak perjalanan menggunakan rangkaian pengangkutan awam (Baucar <sup>1</sup> ) b) Sebagai balasan, Kerajaan membekalkan Baucar kepada MWSB yang bertindak sebagai Pemegang Amanah bagi pihak pemegang sijil.
4	Pemegang Amanah akan mengagihkan pulangan daripada penjualan Baucar kepada pemegang sijil secara berkala pada setiap tarikh pengagihan.
5	a) Pada tarikh matang atau penebusan, Kerajaan sebagai Pembeli (Obligor) akan membeli aset sukuk Wakalah dari Pemegang Amanah pada harga pelaksanaan semasa tarikh matang Sijil Amanah yang dijadualkan. b) Terimaan daripada harga pelaksanaan akan digunakan untuk menebus sukuk dari pemegang sijil. dan c)

<sup>1</sup> Kerajaan mempunyai hak mutlak untuk menggantikan Baucar dengan baucar baharu dan/atau aset penggantian dengan syarat aset tersebut merupakan aset fizikal patuh Syariah seperti yang diluluskan oleh Penasihat Syariah pada masa penggantian

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Di samping itu, transaksi ini melibatkan dokumen perundangan berasaskan undang-undang Malaysia dan Inggeris. Perjanjian utama yang mengikat transaksi adalah seperti pada Rajah 3.

**RAJAH 3. Perjanjian Transaksi Utama**



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

### *Rangka Kerja Sukuk SDG Kerajaan Malaysia*

Memandangkan pelan pembangunan negara sentiasa mengutamakan agenda ekonomi, sosial dan alam sekitar, penggubalan Rangka Kerja Sukuk SDG Kerajaan Malaysia<sup>1</sup> ini adalah selaras dengan rancangan pembangunan lima tahun yang dibiayai menerusi peruntukan pembangunan. Langkah penjajaran SDG dilaksanakan melalui pemetaan peruntukan perbelanjaan yang melibatkan penyelarasan antara pelan tindakan, inisiatif dan outcome rancangan pembangunan negara terhadap matlamat, sasaran dan indikator SDG.

Sukuk Lestari diterbitkan berdasarkan kepada Rangka Kerja SDG yang baru diperkenalkan. Rangka Kerja ini berdasarkan empat teras utama iaitu penggunaan terimaan; penilaian dan pemilihan projek; pengurusan terimaan terbitan; dan pelaporan (Rajah 4). Rangka Kerja ini juga menggariskan senarai Perbelanjaan Sosial dan Hijau Dibenarkan menggunakan terimaan sukuk (Rajah 5).

<sup>1</sup> Maklumat lanjut mengenai Rangka Kerja Sukuk SDG oleh Kerajaan Malaysia dan Pandangan Pihak Kedua boleh diakses di [www.mof.gov.my/ms/ekonomi/kelestarian](http://www.mof.gov.my/ms/ekonomi/kelestarian)

RAJAH 4. Teras Utama Rangka Kerja



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

RAJAH 5. Perbelanjaan Sosial dan Hijau Dibenarkan



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Rangka Kerja ini menerima penilaian Pandangan Pihak Kedua daripada Sustainalytics yang menyatakan bahawa Rangka Kerja tersebut mempunyai kredibiliti dan berimpak tinggi serta selari dengan rancangan pembangunan semasa negara. Sustainalytics juga berpandangan bahawa terbitan terbitan dijangka membantu peralihan negara kepada ekonomi berkarbon rendah dan memberi impak sosial yang positif di Malaysia. Rangka Kerja ini juga diiktiraf sejajar dengan empat komponen teras yang terdapat dalam Green Bond Principles 2018, ASEAN Sustainability Bond Standards 2018 dan Social Bond Principles 2020.

Kerajaan akan mengemas kini Rangka Kerja ini secara berkala dengan mengambil kira perkembangan terkini dalam rancangan pembangunan negara akan datang, khususnya berkaitan tambahan matlamat SDG yang boleh dicapai dan projek pembangunan yang memenuhi piawaian antarabangsa.


*Transaksi Sukuk*

Program bertemu pelabur dari Asia, Timur Tengah, Eropah dan AS telah diadakan secara maya selama dua hari. Terbitan ini telah menerima sambutan yang amat menggalakkan dan menarik minat lebih daripada 220 pelabur antarabangsa dan tempatan. Situasi ini mencerminkan keyakinan pelabur terhadap kekukuhan asas ekonomi Malaysia walaupun berada dalam persekitaran ekonomi mencabar berikutan pandemik COVID-19. Permintaan tinggi ini juga memberikan kadar hasil dan spread terendah bagi terbitan sukuk dolar AS oleh Malaysia dengan tranche 10-tahun ditetapkan pada kadar keuntungan 2.070% dan tranche 30-tahun pada 3.075%.

*Agihan dan Profil Pelabur*

Memandangkan minat yang ditunjukkan semasa program bertemu pelabur amat memberangsangkan, terbitan sukuk ini telah menerima 6.4 kali lebih langganan. Pengagihan sukuk ini dibuat secara menyeluruh iaitu 90% daripada terbitan tranche Sukuk Lestari 10-tahun diagihkan kepada pelabur

**RAJAH 6. Profil Pelabur**



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

di Asia, Timur Tengah dan Eropah khususnya dari Singapura, Hong Kong, Emiriah Arab Bersatu dan UK. Dari segi profil pelabur, pengurus dana dan syarikat insurans merupakan pelabur terbesar (67%) diikuti oleh bank (18%) serta bank pusat dan kerajaan (14%).

Sementara itu, 46% daripada terbitan sukuk 30-tahun diagihkan kepada pelabur di Asia, diikuti oleh Eropah, Timur Tengah dan Afrika (33%) serta AS (21%). Pengurus dana dan syarikat insurans juga mendominasi langganan tranche 30-tahun (83%) diikuti oleh bank pusat dan kerajaan (10%) serta bank (4%), seperti di Rajah 6.

### Kesimpulan

Selepas kejayaan terbitan sukuk global pada 2016, Malaysia kembali ke pasaran dengan terbitan sukuk berdenominasi dolar AS yang keenam oleh Kerajaan. Walaupun berhadapan dengan impak ekonomi global akibat pandemik COVID-19, profil kredit Kerajaan yang berdaya tahan berjaya mencapai kadar hasil dan spread kepada US Treasury yang terendah. Terbitan Sukuk Lestari berdenominasi dolar AS berdaulat yang pertama di dunia menggambarkan komitmen tinggi Kerajaan dalam membangunkan sistem kewangan berkesan demi menyokong agenda pembangunan mampan negara. Sukuk ini juga telah memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju hab kewangan Islam antarabangsa di pasaran global.

### Rujukan

- Environmental Finance. (2021). *Sustainable Bonds Insight 2021*. Dicapai daripada <https://www.environmental-finance.com/assets/files/research/sustainable-bonds-insight-2021.pdf>
- Islamic Corporation for the Development of the Private Sector (2021). *Islamic Finance Development Report 2020*. Dicapai daripada [https://icd-ps.org/uploads/files/ICDRefinitiv%20IFDI%20Report%2020201607502893\\_2100.pdf](https://icd-ps.org/uploads/files/ICDRefinitiv%20IFDI%20Report%2020201607502893_2100.pdf)
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2021). *Second-Party Opinion: Rangka Kerja Sukuk SDG oleh Kerajaan Malaysia*.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2021). *Rangka Kerja Sukuk SDG oleh Kerajaan Malaysia*.
- Navina Balasingam. (2021). *Advancing Sustainable Finance in Malaysia – the Year in Review*. Dicapai daripada <https://www.bixmalaysia.com/Learning-Center/Articles-Tutorials/Advancing-Sustainable-Finance-in-Malaysia-%E2%80%93-the-Year>
- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. (2015). *Addis Ababa Action Agenda*. Dicapai daripada [https://www.un.org/esa/ffd/wp-content/uploads/2015/08/AAAA\\_Outcome.pdf](https://www.un.org/esa/ffd/wp-content/uploads/2015/08/AAAA_Outcome.pdf)
- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. (2015). *United Nations Summit on Sustainable Development*. Dicapai daripada <https://sustainabledevelopment.un.org/rio20>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2019). *Sustainable and Responsible Investment Sukuk Framework: An Overview*
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2021). *World Economic Outlook Update July 2021. Fault Lines Widen In The Global Recovery*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2021/07/27/worldeconomic-outlook-update-july-2021>

## Hutang Kerajaan Persekutuan

Pengurusan dan terbitan hutang Kerajaan Persekutuan ditadbir urus di bawah beberapa perundangan berdasarkan jenis instrumen. Sekuriti konvensional domestik iaitu MGS dan MTB diterbitkan di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] dan Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188] manakala Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275] mengawal selia terbitan instrumen hutang patuh Syariah iaitu MGII dan MITB. Selain itu, Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403] mengawal selia terbitan pinjaman luar pesisir. Perundangan ini turut mengurus penggunaan terimaan dan menetapkan had hutang terkumpul bagi setiap instrumen.

Pada akhir Jun 2021, jumlah keseluruhan hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM958.4 bilion atau 63.3% kepada KDNK. Dari segi had hutang statutori, hutang dalam negeri terkumpul yang meliputi MGS, MGII dan MITB adalah sebanyak 58.8% kepada KDNK iaitu tidak melebihi had 65% seperti diperuntukkan di bawah Akta 830. Di samping itu, MTB telah mencecah had RM10 bilion seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 188. Pinjaman luar pesisir berjumlah RM33.6 bilion masih berada di bawah jumlah yang dibenarkan iaitu RM35 bilion berdasarkan Akta 403.

Sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan berdenominasi mata wang ringgit mewakili 96.5% daripada jumlah keseluruhan manakala 3.5% dalam mata wang asing. Hutang dalam negeri berjumlah RM924.8 bilion merangkumi MGS (51.4%) dan MGII (42.3%) dengan tempoh matang antara 3 hingga 30 tahun. Sementara itu, bil perbendaharaan iaitu MTB (RM10 bilion) dan MITB (RM24 bilion) merupakan instrumen jangka pendek dengan tempoh matang 3-, 6-, 9- atau 12-bulan berjumlah RM34 bilion. Di samping itu, baki terkumpul SPK yang diterbitkan oleh Kerajaan sebelum penubuhan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) berkurang kepada RM24.1 bilion dan akan ditebus sepenuhnya pada 2024.

Pinjaman luar pesisir terdiri daripada pinjaman pasaran dan projek yang kebanyakannya berdenominasi dolar AS (63%) dan yen (36.5%) meningkat kepada RM33.6 bilion pada akhir Jun 2021 berikutan penerbitan sukuk global dolar AS. Pinjaman pasaran terdiri daripada sukuk global dan bon Samurai berjumlah RM28.7 bilion manakala pinjaman projek sebanyak RM4.9 bilion adalah bagi membiayai program dan projek sedia ada khususnya universiti, loji pembetulan dan infrastruktur penyaluran air melalui perjanjian bilateral dan multilateral.

**JADUAL 4.2.** *Garis Panduan Perundangan Hutang*

AKTA	HAD STATUTORI	AKHIR JUN 2021
<b>Akta Pinjaman (Tempatan) 1959</b>  <b>Akta Pendanaan Kerajaan 1983</b>  <b>Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020</b>	MGS, MGII dan MITB terkumpul tidak melebihi 65% kepada KDNK	<b>58.8% kepada KDNK (RM890.7 bilion)</b>
<b>Akta Pinjaman Luar Negeri 1963</b>	Pinjaman luar pesisir tidak melebihi RM35 bilion	<b>RM33.6 bilion</b>
<b>Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946</b>	MTB tidak melebihi RM10 bilion	<b>RM10 bilion</b>

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia



**JADUAL 4.3. Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Instrumen**  
2020 – 2021

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN KEPADA KDNK (%)	
	2020	2021 <sup>2</sup>	2020	2021 <sup>2</sup>	2020	2021 <sup>2</sup>
<b>Hutang dalam negeri</b>	<b>851,284</b>	<b>924,784</b>	<b>96.8</b>	<b>96.5</b>	<b>60.1</b>	<b>61.1</b>
MGS	436,418	475,418	49.6	49.6	30.8	31.4
MGII <sup>1</sup>	375,266	391,266	42.7	40.8	26.5	25.8
SPK	24,100	24,100	2.7	2.5	1.7	1.6
Bil perbendaharaan	15,500	34,000	1.8	3.6	1.1	2.3
<b>Pinjaman luar pesisir</b>	<b>28,276</b>	<b>33,604</b>	<b>3.2</b>	<b>3.5</b>	<b>2.0</b>	<b>2.2</b>
Pinjaman pasaran	23,055	28,703	2.6	3.0	1.6	1.9
Pinjaman projek	5,221	4,901	0.6	0.5	0.4	0.3
<b>Jumlah</b>	<b>879,560</b>	<b>958,388</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>62.1</b>	<b>63.3</b>
<i>Item memorandum:</i> Pemegangan hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	208,190	233,826	24.5	25.3	14.7	15.4

<sup>1</sup> Termasuk Sukuk Prihatin<sup>2</sup> Akhir Jun 2021

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Nisbah bayaran khidmat hutang (DSC) kepada hasil dianggarkan meningkat kepada 17.6% pada 2021 (2020: 15.3%) berikutan jangkaan penurunan kutipan hasil memandangkan kebanyakan sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP. Kos pembiayaan bagi instrumen hutang dalam negeri dijangka mencecah RM38.1 bilion manakala RM0.9 bilion bagi pinjaman mata wang asing. Kadar faedah purata berlawanan ke atas hutang domestik terkumpul dianggarkan lebih rendah pada 3.957% (2020: 4.032%) mencerminkan persekitaran kadar faedah yang rendah meskipun pembukaan semula kertas hutang dalam tahun semasa yang lebih tinggi.

Dari aspek profil kematangan hutang, purata wajaran tempoh matang berkurang kepada 8.1 tahun pada akhir Jun 2021 (2020: 8.6 tahun). Sumbangan kertas berjangka panjang dan sederhana dengan baki tempoh matang 6 tahun ke atas berkurang kepada 52.1% daripada jumlah terkumpul (2020: 56.6%) manakala bahagian sekuriti dengan baki tempoh matang 5 tahun dan ke bawah meningkat kepada 47.9% (2020: 43.4%). Trend ini sejajar dengan strategi pengurusan hutang oleh Kerajaan untuk mengimbangi antara permintaan pasaran dengan keperluan segera pembiayaan.

Bahagian pemegangan pemastautin kepada jumlah hutang berkurang sedikit kepada 72.6% sehingga akhir Jun 2021. Pemegangan pemastautin berjumlah RM696.1 bilion meliputi pelabur institusi kukuh dan berjangka panjang seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (24.1%), syarikat insurans (4.6%) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (2.9%). Pemegang pemastautin lain termasuk institusi perbankan (33.6%), institusi kewangan pembangunan (1.9%) dan lain-lain (5.5%).

Pemegangan bukan pemastautin kekal stabil pada RM262.3 bilion iaitu 27.4% daripada jumlah hutang. Institusi jangka panjang seperti dana persaraan, syarikat insurans serta bank pusat, supranasional dan kerajaan memegang bahagian terbesar sebanyak 13.6% manakala pengurus dana menyumbang 9.4%. Baki pegangan disumbangkan oleh institusi perbankan dengan pemegangan (3.6%) dan lain-lain (0.8%). Selain itu, pelaburan bukan pemastautin dalam MGS terus kukuh pada 40.4% daripada jumlah MGS yang diterbitkan (2020: 40.6%) mencerminkan keyakinan dan minat pelabur kepada bon Kerajaan.

**JADUAL 4.4.** *Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Pemegang*  
2020 – 2021

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN KEPADA KDNK (%)	
	2020	2021 <sup>3</sup>	2020	2021 <sup>3</sup>	2020	2021 <sup>3</sup>
<b>Pemastautin</b>	<b>647,697</b>	<b>696,067</b>	<b>73.6</b>	<b>72.6</b>	<b>45.7</b>	<b>46.0</b>
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	219,828	230,894	25.0	24.1	15.5	15.3
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	25,027	27,598	2.8	2.9	1.8	1.8
Syarikat insurans	40,987	44,057	4.7	4.6	2.9	2.9
Institusi perbankan	288,475	322,499	32.8	33.6	20.3	21.3
Institusi kewangan pembangunan	16,670	17,817	1.9	1.9	1.2	1.2
Lain-lain <sup>1</sup>	56,710	53,202	6.4	5.5	4.0	3.5
<b>Bukan pemastautin</b>	<b>231,863</b>	<b>262,321</b>	<b>26.4</b>	<b>27.4</b>	<b>16.4</b>	<b>17.3</b>
Pengurus dana	77,553	90,237	8.8	9.4	5.5	6.0
Bank pusat, supranasional dan kerajaan	70,877	81,654	8.1	8.5	5.0	5.4
Institusi perbankan	32,684	33,993	3.7	3.6	2.3	2.2
Dana persaraan	35,913	41,106	4.1	4.3	2.5	2.7
Syarikat insurans	7,712	7,646	0.9	0.8	0.6	0.5
Lain-lain <sup>2</sup>	7,124	7,685	0.8	0.8	0.5	0.5
<b>Jumlah</b>	<b>879,560</b>	<b>958,388</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>62.1</b>	<b>63.3</b>

<sup>1</sup> Termasuk institusi kewangan bukan bank, badan berkanun, syarikat penamaan dan amanah, syarikat kerjasama, sekuriti yang disimpan oleh pelabur institusi dalam bank pusat dan butiran yang tidak dapat diklasifikasikan

<sup>2</sup> Termasuk syarikat penamaan/pemegang amanah, individu, syarikat bukan kewangan, institusi bilateral dan multilateral serta sektor yang tidak dapat dikenal pasti

<sup>3</sup> Akhir Jun 2021

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

## RENCANA

### Analisis Kemampanan Hutang Malaysia 2021

#### Pengenalan

Pandemik COVID-19 telah mengakibatkan ekonomi global terjejas teruk dan menyebabkan negara melaksanakan langkah pengembangan fiskal terutamanya untuk menyokong isi rumah, perniagaan dan perkhidmatan kesihatan. Kebanyakan negara meningkatkan pinjaman berikutan ruang fiskal yang terhad untuk membiayai perbelanjaan tambahan demi kelangsungan hidup rakyat serta kesinambungan perniagaan dan ekonomi. Oleh itu, penilaian terhadap kemampanan hutang kerajaan adalah penting bagi memastikan ketahanan fiskal jangka masa sederhana dan panjang dalam menangani kesan kejutan luaran ekonomi.


Kemampuan hutang negara ditakrifkan sebagai situasi apabila sesebuah kerajaan dijangka berupaya menguruskan bayaran hutang sedia ada dan akan datang tanpa bantuan kewangan luar biasa atau berdepan kegagalan membayar balik hutang. Secara amnya, rangka kerja Analisis Kemampuan Hutang (DSA) yang dibangunkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bertujuan:

- Menilai situasi hutang sedia ada, profil kematangan hutang, sama ada kadar kupon tetap atau terapung, sama ada hutang diindeks dan pemegang kertas hutang;
- Mengenal pasti lebih awal kelemahan struktur hutang atau rangka kerja dasar agar langkah penstrukturan semula dapat dilaksanakan sebelum berlaku kesulitan pembayaran; dan
- Mengkaji impak pelaksanaan dasar penstabilan hutang alternatif sekiranya kesulitan pembayaran berlaku atau dijangka berlaku.

Menerusi rangka kerja ini, tanda aras keberhutangan sesebuah negara berkembang pesat diukur berdasarkan nisbah hutang kepada KDNK pada 70% dan nisbah keperluan pembiayaan kasar kepada KDNK pada 15%.

Pada dekad yang lalu, dua faktor utama yang menyumbang kepada penjana hutang ialah defisit primer dan kadar faedah benar manakala pertumbuhan KDNK benar menyebabkan defisit fiskal lebih rendah, seterusnya mengurangkan nisbah hutang. Oleh itu, terdapat korelasi negatif antara nisbah hutang kepada KDNK dan pertumbuhan ekonomi. Kedudukan ini berbeza pada 2020 berikutan pandemik COVID-19 yang menyebabkan kemerosotan KDNK seterusnya menjejaskan langkah konsolidasi fiskal. Rajah 1 menunjukkan faktor makro-fiskal iaitu defisit primer, pertumbuhan KDNK benar dan kadar faedah benar menyumbang kepada peningkatan ketara nisbah hutang kepada KDNK pada 2020.

**RAJAH 1. Aliran Penjana Hutang**



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan IMF

### Analisis Senario

Berdasarkan senario unjuran dasar, keperluan pembiayaan kasar dianggarkan kepada 13.8% kepada KDNK pada 2021 dan dijangka berkurang kepada 7.1% pada 2026. Seterusnya, nisbah keseluruhan hutang kepada KDNK<sup>1</sup> diunjurkan pada sekitar 65% bagi 2021 dan dijangka stabil sekitar 64% pada

<sup>1</sup> Untuk tujuan analisis DSA ini, hutang hanya merujuk pada hutang Kerajaan Persekutuan

2026. Unjuran ini masih di bawah tanda aras DSA bagi hutang iaitu pada 70% kepada KDNK dan keperluan pinjaman kasar iaitu 15%. Senario ini adalah berdasarkan andaian makro-fiskal seperti berikut:

PEMBOLEH UBAH MAKRO-FISKAL	PURATA (2021-2026)
Pertumbuhan KDNK Benar (% setahun)	5.1%
Inflasi (% setahun)	2.1%
Baki Primer (% KDNK)	-2.1%
Kadar Faedah Efektif (%)	4.3%

Selain senario unjuran dasar, DSA juga mensimulasikan senario alternatif untuk mengunjurkan nisbah hutang dan keperluan pembiayaan kasar berdasarkan andaian berikut:

i. Senario Baki Primer Tidak Berubah


Senario ini mengandaikan baki primer fiskal akan kekal tanpa pelaksanaan langkah konsolidasi fiskal dalam jangka masa sederhana. Berdasarkan andaian ini, tahap hutang dijangka mencecah 74.4% kepada KDNK menjelang 2026, melebihi tanda aras DSA iaitu 70%. Keperluan pembiayaan kasar juga akan meningkat kepada 13.8% kepada KDNK bagi 2021 dan dijangka berkurang kepada 10.6% pada 2026.

ii. Senario Trend Terdahulu

Senario ini mengandaikan trend terdahulu pemboleh ubah makro-fiskal akan kekal dalam tempoh unjuran. Nisbah hutang kepada KDNK diunjur akan sedikit melebihi tanda aras DSA pada 2026 iaitu 70.7% manakala keperluan pembiayaan kasar dijangka berkurang kepada sekitar 9% kepada KDNK pada 2026. Situasi ini menunjukkan Kerajaan mungkin memerlukan tempoh masa yang lebih panjang untuk mengurangkan nisbah hutang kepada KDNK sekiranya langkah konsolidasi fiskal yang sama seperti sebelum ini dilaksanakan.

Semua senario ditunjukkan secara grafik seperti Rajah 2.

**RAJAH 2. Senario Unjuran Dasar dan Alternatif**



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan IMF

## Analisis Sensitiviti

Ujian tekanan dijalankan untuk mensimulasikan kesan kejutan makro-fiskal ke atas tahap kemampuan hutang Malaysia. Di samping itu, ujian tekanan tambahan dijalankan dengan mensimulasikan kombinasi semua kejutan makro-fiskal dan juga kejutan liabiliti luar jangka. Hasil analisis sensitiviti ini menunjukkan tahap keberhutangan Kerajaan dalam pelbagai situasi kejutan seterusnya memberi panduan dalam merangka langkah mitigasi sebelum sebarang kejutan berlaku.

### i. Senario Kejutan terhadap Baki Primer

Berdasarkan andaian defisit primer lebih tinggi iaitu pada paras 3.6% dan 2.7% kepada KDNK bagi 2022 dan 2023, nisbah hutang kepada KDNK dijangka melonjak kepada 66.7% pada 2023 dan berkurang secara beransur-ansur kepada 65.6% menjelang 2026. Keperluan pembiayaan kasar akan berkurang kepada 7.4% menjelang 2026. Indikator tersebut masih tidak melebihi tanda aras DSA.

### ii. Senario Kejutan terhadap Pertumbuhan KDNK Benar

Berdasarkan andaian pertumbuhan KDNK benar lebih perlahan kepada 2.5% dan 1.9% pada 2022 dan 2023, paras hutang dijangka mencecah paras tertinggi iaitu 73.6% kepada KDNK pada 2023 dan kekal tinggi pada paras 71.1% pada 2026, melebihi tanda aras DSA pada 70%. Keperluan pembiayaan kasar akan mencecah 13.6% kepada KDNK pada 2022 dan berkurang secara beransur-ansur kepada 7.8% menjelang 2026.

### iii. Senario Kejutan terhadap Kadar Faedah Benar

Berdasarkan andaian kenaikan kadar faedah efektif pada purata 110 mata asas setiap tahun dari 2023 hingga 2026, nisbah hutang kepada KDNK akan melebihi tanda aras DSA pada 2025 iaitu 70.2%. Keperluan pembiayaan kasar juga diunjurkan lebih tinggi berbanding dengan senario kejutan lain pada 2024 hingga 2026 iaitu antara 9% dan 11% kepada KDNK.

### iv. Senario Kejutan terhadap Kadar Tukaran Mata Wang

Berdasarkan andaian kadar tukaran meningkat 30% berbanding andaian unjuran dasar pada 2022, nisbah hutang dijangka mencatat purata 61.7% kepada KDNK sepanjang tahun unjuran. Keperluan pembiayaan kasar akan terus berkurang daripada 11.8% kepada KDNK pada 2022 kepada 6.8% menjelang 2026. Senario ini memberi kesan paling minimum terhadap parameter hutang berbanding senario kejutan yang lain kerana komposisi kecil instrumen berdenominasi mata wang asing.


### v. Senario Kombinasi Semua Kejutan

Berdasarkan andaian kesemua kejutan makro-fiskal ini berlaku serentak pada 2022, paras hutang dijangka meningkat kepada 75.3% kepada KDNK pada 2023 dan melonjak kepada 81.5% menjelang 2026 iaitu jauh melebihi tanda aras DSA. Keperluan pembiayaan kasar dijangka kekal tinggi pada sekitar 12% kepada KDNK sepanjang tempoh unjuran.

vi. Senario Kejutan Liabiliti Luar Jangka


Berdasarkan andaian Kerajaan Persekutuan perlu menyediakan peruntukan tambahan sekitar 13% kepada KDNK pada 2022 untuk menanggung liabiliti luar jangka, nisbah hutang akan terus meningkat kepada 82.6% dengan keperluan pembiayaan kasar juga meningkat kepada 26.9% pada tahun yang sama. Paras hutang akan kekal tinggi sepanjang tempoh unjuran jauh melebihi tanda aras DSA dan merupakan senario terburuk berbanding semua senario kejutan.

RAJAH 3. Ujian Tekanan Makro-Fiskal



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan IMF

RAJAH 4. Ujian Tekanan Tambahan



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan IMF

Penilaian Risiko

Heat map menunjukkan isyarat kesan kejutan luaran kepada petunjuk hutang di bawah senario unjuran dasar dan senario kejutan. Pemetaan ini juga merangkumi hasil analisa DSA terhadap kedudukan hutang dan keperluan pembiayaan kasar serta penilaian risiko ke atas profil hutang. Had penilaian risiko untuk setiap indikator adalah seperti berikut:

RAJAH 5. Heat Map


Paras hutang	Kejutannya Pertumbuhan KDNK Benar	Kejutannya Baki Primer	Kejutannya Kadar Faedah Benar	Kejutannya Kadar Tukaran Benar	Kejutannya Liabiliti Luar Jangka
Keperluan pembiayaan kasar	Kejutannya Pertumbuhan KDNK Benar	Kejutannya Baki Primer	Kejutannya Kadar Faedah Benar	Kejutannya Kadar Tukaran Benar	Kejutannya Liabiliti Luar Jangka
Profil hutang	Persepsi Pasaran	Keperluan Pembiayaan Luar	Pertumbuhan Tahunan Hutang jangka Pendek	Pegangan Bukan Pemastautin	Hutang dalam Mata Wang Asing

HEAT MAP	PARAS HUTANG	KEPERLUAN PEMBIAYAAN KASAR	PROFIL HUTANG
Risiko Rendah	Sekiranya paras hutang tidak melebihi 70% kepada KDNK di bawah senario unjuran dasar atau kejutan tertentu	Sekiranya keperluan pembiayaan kasar tidak melebihi 15% kepada KDNK di bawah senario unjuran dasar atau kejutan tertentu	Sekiranya nilai parameter bagi negara kurang daripada tanda aras penilaian risiko rendah
Risiko Sederhana	Sekiranya paras hutang melebihi 70% kepada KDNK di bawah senario kejutan tertentu tetapi tidak pada unjuran dasar	Sekiranya keperluan pembiayaan kasar melebihi 15% kepada KDNK di bawah senario kejutan tertentu tetapi tidak pada unjuran dasar	Sekiranya nilai parameter bagi negara berada di antara tanda aras penilaian risiko rendah dan atas
Risiko Tinggi	Sekiranya paras hutang melebihi 70% kepada KDNK di bawah unjuran dasar	Sekiranya keperluan pembiayaan kasar melebihi 15% kepada KDNK di bawah unjuran dasar	Sekiranya nilai parameter bagi negara melebihi tanda aras penilaian risiko atas

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan IMF

Seperti yang digambarkan dalam *heat map*, kejutan baki primer dan kadar tukaran benar memberi pendedahan risiko yang rendah kepada hutang dan keperluan pembiayaan kasar Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, kejutan pertumbuhan KDNK benar dan kadar faedah benar mengakibatkan pendedahan risiko sederhana kepada paras hutang manakala kejutan liabiliti luar jangka menunjukkan risiko sederhana kepada paras hutang dan keperluan pembiayaan kasar. Dari aspek sensitiviti profil hutang, penilaian risiko dibuat berdasarkan tanda aras had rendah dan tinggi untuk setiap parameter profil hutang seperti pada Rajah 6.

RAJAH 6. Pendedahan Profil Hutang



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan IMF

Berdasarkan penilaian, perubahan tahunan dalam hutang jangka pendek menunjukkan risiko tinggi berikutan peningkatan jumlah hutang jangka pendek pada 2020 berbanding purata terdahulu. Keperluan pembiayaan luar juga mendedahkan profil hutang Malaysia kepada risiko yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, ketersediaan aset luar yang mencukupi dapat digunakan untuk menangani risiko tersebut.

Dari segi persepsi pasaran, Malaysia dinilai sebagai berisiko rendah kerana purata spread antara bon jangka panjang Malaysia dan AS adalah lebih rendah berbanding tanda aras bawah bagi kategori spread bon. Penilaian ini menunjukkan pelabur kekal yakin terhadap instrumen hutang Malaysia. Instrumen hutang berdenominasi mata wang asing juga menunjukkan pendedahan risiko rendah memandangkan komposisi hutang berdenominasi mata wang asing yang minimum iaitu sekitar 3% kepada KDNK. Walaupun indikator pegangan hutang oleh bukan pemastautin menunjukkan risiko sederhana, namun risiko ini diimbangi kekukuhan dan kecairan dalam pasaran hutang domestik.

Secara keseluruhannya, simulasi DSA menunjukkan peningkatan sensitiviti hutang Kerajaan jika berlaku sebarang kejutan seterusnya mengehadkan ruang fiskal dan kemampuan untuk membuat pinjaman tambahan bagi melaksanakan langkah kitaran balas. Selain itu, peningkatan paras hutang akan menyebabkan bayaran khidmat hutang yang tinggi seterusnya mengekang keupayaan Kerajaan untuk menyediakan peruntukan bagi perbelanjaan lain. Dalam hal ini, Kerajaan kekal komited terhadap pendirian konsolidasi fiskal dalam jangka sederhana seperti yang digariskan di bawah RMKe-12 dengan defisit disasarkan berkurang kepada 3.5% kepada KDNK menjelang 2025.

### Kesimpulan

Penilaian DSA ini mengambil kira impak krisis COVID-19 kepada parameter makro-fiskal bagi 2020. Hasil simulasi menunjukkan peningkatan pendedahan risiko terhadap tahap keberhutangan Kerajaan dalam jangka masa sederhana sekiranya berlaku kejutan luaran. Walau bagaimanapun, keutamaan semasa Kerajaan adalah untuk kembali kepada trajektori potensi pertumbuhan dan pada masa yang sama membolehkan rakyat dan perniagaan mengadaptasi norma baharu serta membuat pelaburan demi pertumbuhan masa hadapan untuk mewujudkan peluang pekerjaan baharu. Penyediaan sokongan fiskal yang berterusan dalam jangka masa sederhana dijangka akan memperlambatkan langkah konsolidasi fiskal seterusnya menyebabkan pengurangan secara sederhana nisbah hutang kepada KDNK seperti ditunjukkan dalam senario unjuran dasar. Walau bagaimanapun, pembaharuan fiskal yang telah dirancang berteraskan pengenalan Akta Tanggungjawab Fiskal, penerapan Strategi Hasil Jangka Sederhana serta langkah penilaian perbelanjaan akan dapat mempercepat langkah konsolidasi fiskal pasca krisis. Inisiatif ini akan mewujudkan ruang fiskal yang mencukupi demi memastikan kemampunan fiskal dan hutang negara dalam jangka masa sederhana dan panjang.

### Rujukan

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). (2013). *Staff Guidance Note for Public Debt Sustainability Analysis in Market-Access Countries*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/external/np/pp/eng/2013/050913.pdf>

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). (2017). *Debt Sustainability Analysis: Introduction*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/external/pubs/ft/dsa>

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). (2019). *Article IV Staff Report*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/CR/Issues/2019/03/08/Malaysia-2019-Article-IV-Consultation-Press-Release-Staff-Report-and-Statement>

Kementerian Kewangan. (2019). *Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2021: Analisis Kemampunan Hutang Malaysia (pp:122-128)*. Kuala Lumpur. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.



Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). (2020). *Finance & Development September 2020. Back to Basics: What is Debt Sustainability?*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/external/pubs/ft/fandd/2020/09/pdf/what-is-debt-sustainability-basics.pdf>

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). (2021). *Article IV Staff Report*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/CR/Issues/2021/03/08/Malaysia-2021-Article-IV-Consultation-Press-Release-Staff-Report-and-Statement>

## Hutang Luar

Hutang luar merangkumi pinjaman luar pesisir negara, pemegang sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin dan lain-lain hutang luar. Sehingga akhir Jun 2021, hutang luar meningkat kepada RM1,021 bilion atau 67.4% kepada KDNK terutamanya disebabkan oleh peningkatan pinjaman luar pesisir oleh sektor awam dan pemegang sekuriti hutang dalam denominasi ringgit yang lebih besar oleh bukan pemastautin. Pinjaman luar pesisir kekal sebagai komponen terbesar hutang luar berjumlah RM589.5 bilion atau 57.8%. Peningkatan pinjaman luar pesisir oleh sektor

awam adalah berikutan terbitan sukuk global oleh Kerajaan Persekutuan serta bon dan sukuk mata wang asing oleh syarikat awam. Selain itu, pemegang sekuriti hutang dalam denominasi ringgit dan deposit oleh bukan pemastautin mencatat RM338.4 bilion atau 33.2%.

Dari aspek profil kematangan, hutang luar berjangka sederhana dan panjang meliputi 62.2% daripada jumlah hutang luar yang mencerminkan risiko pembiayaan semula yang rendah. Hutang luar berjangka pendek pula meliputi 37.8% disandar kepada rizab antarabangsa yang mencukupi. Di samping itu, risiko luaran juga dapat ditangani dengan ketersediaan aset luaran dan terimaan eksport yang besar.

**JADUAL 4.5. Hutang Luar**  
2020 – 2021

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN KEPADA KDNK (%)	
	2020	2021 <sup>3</sup>	2020	2021 <sup>3</sup>	2020	2021 <sup>3</sup>
<b>Pinjaman luar pesisir</b>	<b>559,560</b>	<b>589,479</b>	<b>58.4</b>	<b>57.8</b>	<b>39.5</b>	<b>38.9</b>
Hutang jangka sederhana dan panjang	360,997	382,627	37.7	37.5	25.5	25.3
Sektor awam	143,934	164,736	15.0	16.2	10.2	10.9
Kerajaan Persekutuan	23,672	28,415	2.5	2.8	1.7	1.9
Syarikat awam	120,262	136,321	12.5	13.4	8.5	9.0
Sektor swasta	217,063	217,890	22.7	21.3	15.3	14.4
Hutang jangka pendek	198,563	206,853	20.7	20.3	14.0	13.6
<b>Pemegang sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin</b>	<b>220,103</b>	<b>244,828</b>	<b>23.0</b>	<b>24.0</b>	<b>15.5</b>	<b>16.2</b>
Hutang jangka sederhana dan panjang	210,811	233,045	22.0	22.8	14.9	15.4
Kerajaan Persekutuan	200,060	220,612	20.9	21.6	14.1	14.6
Lain-lain <sup>1</sup>	10,751	12,434	1.1	1.2	0.8	0.8
Hutang jangka pendek	9,292	11,782	1.0	1.2	0.6	0.8
<b>Deposit bukan pemastautin</b>	<b>94,497</b>	<b>93,542</b>	<b>9.8</b>	<b>9.1</b>	<b>6.7</b>	<b>6.2</b>
<b>Lain-lain<sup>2</sup></b>	<b>83,983</b>	<b>92,816</b>	<b>8.8</b>	<b>9.1</b>	<b>5.9</b>	<b>6.1</b>
<b>Jumlah</b>	<b>958,144</b>	<b>1,020,665</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>67.6</b>	<b>67.4</b>

<sup>1</sup> Termasuk sektor swasta dan syarikat awam

<sup>2</sup> Termasuk kredit perdagangan, peruntukan Hak Pengeluaran Khas IMF dan lain-lain

<sup>3</sup> Akhir Jun 2021

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

## Hutang Sektor Awam

Hutang sektor awam merangkumi obligasi hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, syarikat awam bukan kewangan (SABK) dan hutang badan berkanun yang dijamin Kerajaan. Sehingga akhir Jun 2021, hutang sektor awam meningkat kepada RM1,355 bilion atau 89.5% kepada KDNK terutamanya disebabkan oleh peningkatan hutang Kerajaan Persekutuan berikutan pinjaman yang perlu dibuat untuk membiayai defisit serta pakej rangsangan dan bantuan COVID-19 yang diumumkan dalam 2021. Hutang Kerajaan Persekutuan kekal sebagai

komponen terbesar merangkumi 70.7% daripada jumlah hutang sektor awam diikuti oleh SABK (22.9%) dan hutang badan berkanun yang dijamin Kerajaan (6.4%).

Peningkatan bersih hutang SABK kepada RM309.9 bilion disebabkan oleh pengeluaran pinjaman untuk projek infrastruktur sedia ada serta terbitan bon di luar negeri oleh syarikat awam. Hutang badan berkanun juga meningkat kepada RM86.7 bilion berikutan pertambahan pinjaman yang dijamin Kerajaan yang diperolehi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan LPPSA bagi tujuan pelaburan dan pembiayaan semula hutang yang matang.

**JADUAL 4.6.** *Hutang Sektor Awam 2020 – 2021*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN KEPADA KDNK (%)	
	2020	2021 <sup>1</sup>	2020	2021 <sup>1</sup>	2020	2021 <sup>1</sup>
<b>Kerajaan Persekutuan</b>	<b>879,560</b>	<b>958,388</b>	<b>70.1</b>	<b>70.7</b>	<b>62.1</b>	<b>63.3</b>
Dalam negeri	851,284	924,784	67.8	68.2	60.1	61.1
Luar pesisir	28,276	33,604	2.3	2.5	2.0	2.2
<b>Badan berkanun</b>	<b>80,660</b>	<b>86,735</b>	<b>6.4</b>	<b>6.4</b>	<b>5.7</b>	<b>5.7</b>
Dalam negeri	80,660	86,735	6.4	6.4	5.7	5.7
<i>antaranya: Dijamin</i>	80,660	86,735	6.4	6.4	5.7	5.7
Luar pesisir	-	-	-	-	-	-
<b>Syarikat awam bukan kewangan</b>	<b>294,875</b>	<b>309,948</b>	<b>23.5</b>	<b>22.9</b>	<b>20.8</b>	<b>20.5</b>
Dalam negeri	181,809	180,440	14.5	13.3	12.8	11.9
<i>antaranya: Dijamin</i>	181,809	180,440	14.5	13.3	12.8	11.9
Luar pesisir	113,066	129,508	9.0	9.6	8.0	8.6
<i>antaranya: Dijamin</i>	25,106	26,510	2.0	2.0	1.8	1.8
<b>Jumlah</b>	<b>1,255,095</b>	<b>1,355,071</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>88.6</b>	<b>89.5</b>

<sup>1</sup> Akhir Jun 2021

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

## Tinjauan 2022

Kerajaan akan terus melaksanakan langkah pengembangan fiskal dalam Bajet 2022 bagi memastikan kesejahteraan rakyat, melindungi kelangsungan perniagaan dan merangsang semula ekonomi. Rancangan Malaysia Kedua

Belas (RMKe-12), 2021 – 2025 dengan siling perbelanjaan pembangunan berjumlah RM400 bilion akan meningkatkan pinjaman Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, keperluan pinjaman kasar termasuk peruntukan tambahan bagi Kumpulan Wang COVID-19 dijangka kekal signifikan iaitu sekitar 12% kepada KDNK.

Strategi pinjaman Kerajaan akan terus mengutamakan terbitan pasaran domestik setelah mengambil kira kecairan dalam pasaran yang mencukupi bagi mengimbangi kos pembiayaan dengan pendedahan risiko yang munasabah dalam jangka masa sederhana. Komposisi instrumen konvensional dan patuh Syariah akan diagihkan kepada pelbagai tempoh matang bagi memastikan keseimbangan spektrum kematangan sekuriti setelah mengambil kira permintaan pasaran. Selain itu, dasar monetari yang akomodatif, ketersediaan pasaran domestik yang kukuh dan kepelbagaian asas pelabur akan terus menyokong keperluan pembiayaan Kerajaan.

Pandemik COVID-19 telah meningkatkan paras hutang Kerajaan Persekutuan berikutan peruntukan pakej bantuan dan rangsangan tambahan. Oleh itu, hutang keseluruhan Kerajaan Persekutuan diunjurkan mencecah 66% kepada KDNK manakala hutang statutori pada 63.4% pada akhir 2022 iaitu lebih rendah daripada had 65% yang telah diluluskan oleh Parlimen. Kerajaan terus komited untuk mematuhi had hutang statutori yang ditetapkan dalam Akta tersebut. Melangkah ke hadapan, paras konsolidasi fiskal akan bergantung kepada tahap pemulihan ekonomi.


Seterusnya, Kerajaan menasaskan untuk mengurangkan tahap keberhutangan secara beransur-ansur dan memperkukuh keupayaan pembiayaan hutang.

## Kesimpulan


---

Kerajaan Persekutuan telah menunjukkan prestasi yang baik dalam mengurangkan paras hutang pasca krisis dipacu oleh dasar fiskal yang pragmatik dan pelaksanaan rancangan pembangunan negara yang kukuh. Oleh kerana negara bergantung kepada langkah perbelanjaan dalam memastikan pemulihan yang mampan dan berdaya tahan, maka penting bagi Kerajaan mengoptimalkan penggunaan sumber dalam memacu ekonomi dan pada masa yang sama peka dengan kemampuan fiskal jangka masa sederhana. Justeru, pembukaan semula sektor ekonomi secara berperingkat akan membantu peralihan ke arah norma baharu yang meningkatkan pertumbuhan dan mengurangkan kebergantungan kepada sokongan fiskal. Dasar pengurusan hutang akan terus berpegang kepada prinsip akauntabiliti dan ketelusan serta memastikan kemampuan hutang dalam jangka masa sederhana.


**RAJAH 4.1. Terbitan Mengikut Tempoh Matang**




**RAJAH 4.2. Nisbah BTC MGS dan MGII**




**RAJAH 4.3. Keluk Kadar Hasil Penanda Aras MGS**



**RAJAH 4.4. Kadar Hasil Indikatif MGS**




**RAJAH 4.5. Komposisi Hutang Kerajaan Persekutuan**




<sup>1</sup>Akhir Ogos 2021  
<sup>2</sup>Akhir Jun 2021  
 Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Bloomberg


**RAJAH 4.6. Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Pemegang<sup>1</sup>**




**RAJAH 4.7. Pemegangan Hutang dalam Denominasi Ringgit oleh Bukan Pemastautin**




**RAJAH 4.8. Hutang Kerajaan Persekutuan Mengikut Baki Tempoh Matang**



**RAJAH 4.9. Bayaran Khidmat Hutang**



**RAJAH 4.10. Profil Kematangan Hutang**



<sup>1</sup> Akhir Jun 2021  
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia



## SEKSYEN 5

# Risiko Fiskal dan Liabiliti

**81 PERSPEKTIF KESELURUHAN**

---

**81 PENDEDAHAN HUTANG DAN  
LIABILITI**

---

**82 JAMINAN KERAJAAN**

---

**84 1MALAYSIA DEVELOPMENT  
BERHAD**

---

**85 LIABILITI LAIN**

---

**85 KESIMPULAN**

---





## SEKSYEN 5

# Risiko Fiskal dan Liabiliti

## Perspektif Keseluruhan

Pandemik COVID-19 yang berpanjangan telah memberi kesan kepada aktiviti perniagaan dan kehidupan rakyat. Situasi ini memerlukan Kerajaan untuk terus menyokong aktiviti ekonomi dengan pelbagai pakej rangsangan dan bantuan sama ada melalui suntikan fiskal langsung atau langkah bukan fiskal seperti dana bantuan khas dan skim mikro kredit serta melalui instrumen separa-fiskal seperti fasiliti jaminan kepada perniagaan. Keperluan untuk menyediakan suntikan fiskal dan langkah bantuan yang berterusan dalam keadaan pandemik yang masih menular telah meningkatkan pendedahan risiko kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, langkah kawalan terutamanya penilaian yang rapi serta pemantauan berterusan dan penyusunan semula kedudukan kewangan dan hutang telah dilaksanakan bagi mengurangkan impak daripada pendedahan risiko berkenaan.

Jaminan Kerajaan terus meningkat namun pada kadar yang lebih perlahan berikutan projek pembangunan dan infrastruktur masih lagi dilaksanakan secara berhemat. Projek infrastruktur strategik masih diteruskan bagi memacu momentum pertumbuhan dan pada masa yang sama menggalakkan aktiviti ekonomi semasa pandemik. Walau bagaimanapun, sekatan pergerakan yang berpanjangan bagi mengekang penularan pandemik telah meningkatkan pendedahan risiko Kerajaan dalam bentuk sokongan kepada entiti yang beroperasi dalam sektor perkhidmatan seperti pengendali pengangkutan awam dan konsesi lebuhraya. Keadaan ini memerlukan Kerajaan untuk memperketat pemantauan dan penilaian kewangan syarikat berkenaan bagi mengenal pasti risiko serta merangka langkah pengurangan pendedahan fiskal.

Kerajaan telah meneruskan pemulihan aset 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sebagai usaha menangani pendedahan risiko daripada liabiliti lain. Langkah yang diambil termasuk rundingan dengan pihak berkaitan, prosiding undang-undang dan saman sivil. Usaha pemulihan ini membolehkan Kerajaan mengurangkan impak kewangan liabiliti 1MDB ke atas kedudukan fiskal. Kerajaan akan meneruskan langkah pemulihan ini bagi mengurangkan pendedahan risiko daripada obligasi 1MDB.

## Pendedahan Hutang dan Liabiliti

Pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan menunjukkan tahap keberhutangan Kerajaan secara keseluruhan. Kedudukan ini merangkumi hutang Kerajaan Persekutuan dan

**JADUAL 5.1.** Pendedahan Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan, 2020 – 2021

KOMPONEN	RM BILION		BAHAGIAN KEPADA KDNK (%)	
	2020	2021 <sup>1</sup>	2020	2021 <sup>1</sup>
Hutang Kerajaan Persekutuan	879.6	958.4	62.1	63.3
Komitmen jaminan	185.7	190.4	13.1	12.6
1MDB	31.1	32.0	2.2	2.1
Liabiliti lain (PPP, PFI, PBLT)	171.8	152.9	12.1	10.1
<b>Jumlah</b>	<b>1,268.2</b>	<b>1,333.7</b>	<b>89.5</b>	<b>88.1</b>

<sup>1</sup> Akhir Jun

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

liabiliti lain dalam bentuk komitmen jaminan, hutang 1MDB serta komitmen tunai projek perkongsian awam-swasta (PPP), inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan PBLT Sdn. Bhd. (PBLT). Pelaporan hutang dan liabiliti secara komprehensif bertepatan dengan usaha Kerajaan untuk beralih kepada standard perakaunan akruan di bawah Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) dan pengumpulan statistik mengikut Public Sector Debt Statistics oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Pada akhir Jun 2021, pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan dianggarkan berjumlah RM1,333.7 bilion atau 88.1% berbanding KDNK.

## Jaminan Kerajaan

Jaminan Kerajaan (GG) merupakan salah satu instrumen fiskal yang digunakan Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan jaminan ke atas pembiayaan oleh entiti bagi melaksanakan program dan projek infrastruktur strategik yang berupaya meningkatkan impak ekonomi

dan sosial kepada pembangunan negara. Pemberian GG dikawal selia di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96] yang memerlukan setiap entiti penerima GG diwartakan sebagai pertubuhan perbadanan di bawah Akta ini. Pada masa ini, fasiliti GG hanya diberikan kepada entiti berkaitan Kerajaan seperti syarikat berkaitan kerajaan (GLC), badan berkanun serta agensi di bawah kerajaan negeri.

Pada akhir Jun 2021, jumlah GG terkumpul meningkat perlahan kepada RM300.4 bilion atau 19.8% kepada KDNK (2020: RM294.7 bilion; 20.8% kepada KDNK) terutamanya disebabkan terbitan baharu oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) bagi membiayai kemudahan pinjaman perumahan kepada penjawat awam dan DanaInfra Nasional Berhad (DanaInfra) untuk meneruskan pembinaan projek infrastruktur awam. Lebih separuh (54.2%) daripada GG diberikan kepada pembiayaan berkaitan segmen infrastruktur diikuti dengan perkhidmatan (26.6%), pegangan pelaburan (8.3%), utiliti (6.8%) dan lain-lain (4.1%). Sepuluh penerima utama GG mewakili lebih 80% daripada jumlah jaminan.

**JADUAL 5.2.** *Penerima Utama Jaminan Kerajaan, 2020 – 2021*

ENTITI	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN KEPADA KDNK (%)	
	2020	2021 <sup>1</sup>	2020	2021 <sup>1</sup>	2020	2021 <sup>1</sup>
<b>Jumlah jaminan pinjaman</b>	<b>294,675</b>	<b>300,435</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>20.8</b>	<b>19.8</b>
<i>antaranya:</i>						
DanaInfra Nasional Berhad	72,320	76,020	24.5	25.3	5.1	5.0
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	39,800	40,000	13.5	13.3	2.8	2.6
Prasarana Malaysia Berhad	38,914	38,914	13.2	12.9	2.8	2.6
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	30,150	34,150	10.2	11.4	2.1	2.3
Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.	21,530	23,177	7.3	7.7	1.5	1.5
Projek Lebuhraya Usahasama Berhad	11,000	11,000	3.7	3.7	0.8	0.7
Khazanah Nasional Berhad	11,300	9,000	3.8	3.0	0.8	0.6
Pengurusan Air SPV Berhad	9,760	8,025	3.3	2.7	0.7	0.5
Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.	6,951	7,276	2.4	2.4	0.5	0.5
GovCo Holdings Berhad	7,200	5,700	2.5	1.9	0.5	0.4
<b>Jumlah penerima utama</b>	<b>248,925</b>	<b>253,262</b>	<b>84.4</b>	<b>84.3</b>	<b>17.6</b>	<b>16.7</b>

<sup>1</sup> Akhir Jun

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Purata tempoh matang berwajaran GG mencatatkan 10.9 tahun pada akhir Jun 2021. Dari segi profil kematangan, 52.8% dijangka matang dalam tempoh sepuluh tahun dan 47.2% akan matang dalam tempoh melebihi sepuluh tahun. Risiko kadar tukaran mata wang asing adalah rendah memandangkan lebih 90% daripada GG berdenominasi ringgit manakala selebihnya dalam mata wang lain seperti renminbi, yen dan dolar AS.

Fasiliti GG secara asasnya diberikan kepada entiti yang mempunyai kedudukan kewangan mampan untuk melaksanakan projek strategik yang mempunyai tempoh keberhasilan yang panjang. Fasiliti ini juga memudahkan entiti tersebut memperoleh pinjaman pada kadar pembiayaan yang lebih kompetitif. Namun begitu, dalam situasi tertentu, entiti yang mendapat fasiliti GG berkemungkinan memerlukan peruntukan kewangan daripada Kerajaan bagi membantu dalam bayaran balik hutang, bantuan modal kerja atau sokongan aliran tunai. Oleh itu, GG yang diberikan kepada entiti yang menerima bantuan kewangan Kerajaan dikategorikan sebagai

**komitmen jaminan.** Entiti tersebut diberi jaminan sama ada di bawah Akta 96 atau jaminan di bawah Seksyen 14<sup>1</sup> Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Pada akhir Jun 2021, komitmen jaminan merekodkan peningkatan kecil kepada RM190.4 bilion (12.6% kepada KDNK) berbanding RM185.7 bilion (13.1% kepada KDNK) pada 2020 disebabkan oleh terbitan pembiayaan DanaInfra dan Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan sedia ada. Terdapat peningkatan risiko daripada penerima GG terutamanya entiti yang beroperasi dalam sektor perkhidmatan berikutan pelaksanaan pelbagai langkah kawalan pergerakan bagi mengekang penularan COVID-19. Justeru, sebuah syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang membiayai pembelian pesawat Malaysia Airlines iaitu Turus Pesawat Sdn. Bhd. telah diklasifikasikan sebagai komitmen jaminan sejajar dengan langkah penstrukturan semula syarikat berikutan penyediaan bantuan kewangan Kerajaan bagi pembayaran balik hutang.

**JADUAL 5.3.** *Komitmen Jaminan, 2020 – 2021*

ENTITI	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2020	2021 <sup>1</sup>	2020	2021 <sup>1</sup>
DanaInfra Nasional Berhad	72,320	76,020	38.9	39.9
Prasarana Malaysia Berhad	38,914	38,914	21.0	20.4
Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. <sup>2</sup>	21,530	23,177	11.6	12.2
Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.	20,683	21,097	11.1	11.1
Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. <sup>2</sup>	6,951	7,276	3.7	3.8
GovCo Holdings Berhad	7,200	5,700	3.9	3.0
Jambatan Kedua Sdn. Bhd. <sup>2</sup>	5,528	5,514	3.0	2.9
Turus Pesawat Sdn. Bhd.	5,310	5,310	2.9	2.8
MKD Kencana Sdn. Bhd.	3,500	4,500	1.9	2.4
SRC International Sdn. Bhd.	2,485	1,785	1.4	0.9
Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.	800	750	0.4	0.4
TRX City Sdn. Bhd.	253	192	0.1	0.1
Assets Global Network Sdn. Bhd.	253	202	0.1	0.1
<b>Jumlah</b>	<b>185,727</b>	<b>190,437</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

<sup>1</sup> Akhir Jun

<sup>2</sup> Tertakluk kepada nilai kadar tukaran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

<sup>1</sup> Seksyen 14(1) Akta 61: *No guarantee involving a financial liability shall be binding upon the Federal Government, unless it is entered into with the written authority of the Treasury or in accordance with federal law.*

Kerajaan akan terus memantau impak krisis COVID-19 ke atas semua penerima GG dalam menilai risiko entiti yang memerlukan bantuan daripada Kerajaan. Pada masa yang sama, prestasi kewangan syarikat di bawah kategori komitmen jaminan akan dipantau rapi bagi memastikan pelan pemulihan syarikat dapat dilaksanakan untuk mengurangkan pendedahan risiko kepada Kerajaan. Entiti yang tidak lagi memerlukan bantuan kewangan Kerajaan akan dikeluarkan daripada senarai komitmen jaminan.

## 1Malaysia Development Berhad

Syarikat 1MDB telah ditubuhkan sebagai sebuah syarikat MKD pada 2009 bagi memacu pembangunan strategik negara. Walau bagaimanapun, kebergantungan tinggi ke atas modal hutang serta tadbir urus korporat yang lemah menyebabkan syarikat mengalami masalah aliran tunai bermula penghujung 2014 dan seterusnya memerlukan bantuan daripada Kerajaan. Sehingga akhir Jun 2021, baki hutang 1MDB kekal pada RM32 bilion.

Sejumlah aset bernilai RM18.2 bilion berkaitan 1MDB telah disita atau diperolehi semula dan diletakkan dalam Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset di bawah kawalan Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Aset yang diperolehi kembali termasuk sitaan aset fizikal serta bayaran penyelesaian oleh pihak yang terbabit dengan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat, terimaan penyelesaian daripada

**JADUAL 5.4.** Hutang 1MDB, pada akhir Jun 2021

KOMPONEN	KADAR (%)	TEMPOH MATANG	PRINSIPAL	
			(USD BILION)	(RM BILION)
<b>Jaminan Kerajaan</b>				
Sukuk	5.75	Mei 2039	-	5.00
<b>IPIC-MOF Inc.</b>				
1MDB Energy Ltd	5.99	Mei 2022	1.75	7.27 <sup>1</sup>
1MDB Energy (Langat) Ltd	5.75	Oktober 2022	1.75	7.27 <sup>1</sup>
<b>Letter of Support</b>				
Bon global	4.44	Mac 2023	3.00	12.46 <sup>1</sup>
<b>Jumlah</b>				<b>32.00</b>

<sup>1</sup> Tertakluk kepada nilai kadar tukaran  
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

institusi kewangan dan pihak lain seperti firma audit serta terimaan tunai daripada individu dan syarikat. Selain bayaran penyelesaian kepada Kerajaan, mantan pengatur terbitan bon bagi pihak 1MDB iaitu Goldman Sachs akan membantu dan memberi jaminan untuk mendapatkan semula aset bernilai sekurang-kurangnya USD1.4 bilion.

Sehingga September 2021, Kerajaan telah menjelaskan sebanyak RM12.8 bilion komitmen kewangan dan bayaran khidmat hutang 1MDB. Hampir RM10 bilion daripada jumlah ini

### Perkembangan Pemulihan Aset 1MDB



dijelaskan melalui pinjaman dan pendahuluan daripada Kerajaan atau MKD manakala bakinya menggunakan Akaun Amanah. Baki Akaun Amanah selepas mengambil kira pendapatan simpanan (*hibah*) adalah berjumlah RM15.3 bilion dan mampu membiayai obligasi 1MDB sehingga 2022. Baki obligasi keseluruhan 1MDB berjumlah RM39.3 bilion merangkumi prinsipal (RM32.2 bilion) dan faedah atau bayaran keuntungan atas pembiayaan (RM7.1 bilion).

## Liabiliti Lain

---

Liabiliti kewangan lain Kerajaan termasuk komitmen di bawah projek PPP dan PFI serta pembiayaan yang diterbitkan oleh PBLT untuk melaksanakan projek infrastruktur Polis Diraja Malaysia. Terdapat projek yang dilaksanakan di bawah pendekatan PPP melibatkan tanggungan fiskal oleh Kerajaan manakala sebahagian projek lain dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta. Sehingga akhir Jun 2021, satu projek baharu telah ditambah di bawah senarai PPP iaitu sistem pengurusan tanah secara elektronik (e-Tanah) bagi negeri Perak dengan komitmen berjumlah RM249 juta sehingga 2032. Jumlah komitmen tunai berdasarkan 98 perjanjian projek dari 2021 hingga 2047 dianggarkan sebanyak RM102.8 bilion.

Liabiliti di bawah projek PFI adalah dalam bentuk pembiayaan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) bagi memudah cara pelaksanaan projek

pembangunan infrastruktur termasuk pembinaan dan pembaikan sekolah, hospital, universiti dan pusat latihan serta penyenggaraan bangunan kerajaan. Pada akhir Jun 2021, liabiliti terkumpul PFI dianggarkan berjumlah RM46.1 bilion.


Syarikat PBLT ditubuhkan pada 2005 dengan pemilikan penuh MKD bagi mendapatkan pembiayaan dan seterusnya melaksanakan projek infrastruktur termasuk pembinaan kuarters, balai polis, pusat latihan dan fasiliti lain untuk kegunaan pasukan polis. Tiada pembiayaan baharu yang diterbitkan oleh PBLT sejak 2015 dan liabiliti terkumpul PBLT dianggarkan berkurang kepada RM4 bilion sehingga akhir Jun 2021.

## Kesimpulan


---

Melangkah ke hadapan, pelaporan risiko oleh Kerajaan akan terus ditambah baik bagi menyediakan penilaian yang lebih komprehensif ke atas pendedahan Kerajaan. Pemantauan dan pengawasan yang ketat disertai dengan langkah mitigasi penting bagi mengurangkan impak ke atas kedudukan fiskal Kerajaan berikutan peningkatan pendedahan risiko akibat daripada kesan pandemik. Justeru, Kerajaan terus melaksanakan langkah pembaharuan untuk memperkukuh disiplin fiskal dan memperkemas tadbir urus terutamanya dalam pengurusan syarikat berkaitan kerajaan sebagai usaha meminimumkan pendedahan risiko daripada syarikat yang berkemungkinan menghadapi kesulitan.


**RAJAH 5.1. Jaminan Pinjaman Terkumpul**




**RAJAH 5.2. Profil Kematangan Jaminan Pinjaman<sup>1</sup>**



**RAJAH 5.3. Jaminan Pinjaman Mengikut Segmen<sup>1</sup>**



**RAJAH 5.4. Obligasi PPP Terkumpul Mengikut Sektor<sup>1</sup>**



<sup>1</sup>Akhir Jun 2021

Sumber: Kementerian Kewangan dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri Malaysia

## SEKSYEN 6

# Sektor Awam Disatukan

**89 SEKTOR AWAM DISATUKAN**  
Sisipan - Statistik Kewangan Kerajaan

---

**95 KERAJAAN AM**

---

**96 KERAJAAN NEGERI**

---

**97 SYARIKAT AWAM BUKAN  
KEWANGAN**

---





## SEKSYEN 6

# Sektor Awam Disatukan

## Sektor Awam Disatukan

Sektor awam disatukan (CPS) di Malaysia terdiri daripada unit kerajaan am dan syarikat awam bukan kewangan (SABK). Pelaporan kedudukan kewangan CPS bertujuan menganggar saiz keseluruhan sektor awam, menilai kesan aktiviti CPS ke atas ekonomi dan mengenal pasti sumber risiko fiskal. Rangka kerja CPS memerlukan semua pindahan dan pinjaman bersih di antara setiap unit sektor awam diasingkan untuk menggambarkan kedudukan kewangan sebagai entiti disatukan.

Penilaian prestasi kewangan kerajaan am berbeza dengan SABK. Sebagai unit berorientasikan sosial, baki kerajaan am cenderung untuk mengalami defisit disebabkan oleh perbelanjaan pembangunan (DE) yang tinggi, menunjukkan pelaburan modal yang

signifikan untuk manfaat sosial dan ekonomi jangka panjang. Sebaliknya, defisit SABK menggambarkan perbelanjaan modal yang bersifat komersial bagi menjana pendapatan.

Baki semasa CPS pada 2021 dijangka meningkat kepada RM61.8 bilion (2020: RM55.9 bilion) terutamanya disebabkan oleh pertambahan hasil Kerajaan Persekutuan. Selain itu, DE sektor awam disatukan diunjur bertambah sebanyak 19.3% kepada RM140.1 bilion (2020: RM117.5 bilion) selari dengan peningkatan pelaburan untuk memulihkan aktiviti ekonomi terutamanya oleh Kerajaan Persekutuan dan SABK. Selepas mengambil kira perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 (KWC-19) dan mengasingkan semua transaksi antara unit, defisit keseluruhan sektor awam dijangka lebih tinggi sebanyak RM117.4 bilion atau 7.7% kepada Keluaran KDNK pada 2021 (2020: RM99.5 bilion; 7%).

**JADUAL 6.1.** Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan, 2020 - 2022

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2020	2021 <sup>2</sup>	2022 <sup>3</sup>	2020	2021 <sup>2</sup>	2022 <sup>3</sup>
Hasil	248,349	254,334	257,268	-1.7	2.4	1.2
Perbelanjaan mengurus	263,556	258,830	271,947	-11.6	-1.8	5.1
Baki semasa	-15,207	-4,496	-14,679	-66.6	-70.4	226.5
Baki semasa SABK	71,152	66,260	87,969	-44.6	-6.9	32.8
<b>Baki semasa sektor awam</b>	<b>55,945</b>	<b>61,764</b>	<b>73,290</b>			
Perbelanjaan pembangunan	117,460	140,095	155,478	-12.6	19.3	11.0
Kerajaan am	55,621	66,158	80,766	-4.0	18.9	22.1
SABK	61,839	73,937	74,712	-19.2	19.6	1.0
Kumpulan Wang COVID-19 <sup>1</sup>	37,980	39,039	23,000		2.8	-41.1
<b>Baki keseluruhan</b>	<b>-99,495</b>	<b>-117,370</b>	<b>-105,188</b>			
<b>% kepada KDNK</b>	<b>-7.0</b>	<b>-7.7</b>	<b>-6.4</b>			

<sup>1</sup> Kumpulan wang amanah khusus di bawah Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi

<sup>2</sup> Anggaran disemak

<sup>3</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2022

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

## SISIPAN


## Statistik Kewangan Kerajaan

### Pendahuluan

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sebagai pentadbir laporan statistik fiskal negara anggota telah menerbitkan *Government Finance Statistics Manual 2014* (GFSM 2014). Manual ini berasaskan standard perakaunan akruan yang menyediakan data kewangan bagi tujuan perbandingan di peringkat antarabangsa untuk menyokong analisis fiskal. Sebagai contoh, sumbangan cukai kepada jumlah hasil bagi menilai kemampuan hasil dan faedah bantuan sosial ketika mengukur suntikan fiskal dalam ekonomi semasa krisis. Manual ini juga penting dalam membantu negara memantau dan menilai impak dasar fiskal ke atas ekonomi di samping merangka langkah tindak balas yang berkesan.

Selain itu, GFSM 2014 diharmonikan dengan manual statistik antarabangsa lain dalam menyelaraskan konsep asas, klasifikasi dan definisi bagi memastikan konsistensi antara data makroekonomi dan fiskal. Berbanding edisi sebelum ini, GFSM 2014 telah menambah baik penyampaian data menjadi lebih komprehensif. Mengambil kira kepentingan penyelarasan dengan manual ini, Malaysia dalam proses persediaan bagi mengguna pakai GFSM 2014 melalui pelaksanaan perakaunan akruan demi meningkatkan kualiti pelaporan kewangan sektor awam.

**RAJAH 1.** *Government Finance Statistics Manual 2014 dan Sistem Statistikal Makroekonomi Berkaitan*




Nota: Bagi konsistensi isu berkaitan hutang, GFSM 2014 turut dilengkapkan dengan *Public Sector Debt Statistic: A Guide for Compilers and Users (PSDS Guide)* dan *External Debt Statistics: Guide for Compilers and Users 2013 (2013 EDS Guide)*

Sumber: GFSM 2014, IMF

### Liputan Statistik Kewangan Kerajaan

Pelaporan statistik kewangan kerajaan merangkumi sektor awam iaitu semua unit kerajaan am dan syarikat awam. Liputan komprehensif ini membolehkan kerajaan mengenal pasti risiko fiskal yang berkaitan dengan semua entiti sektor awam. Keupayaan mengenal pasti risiko ini dapat membantu penggubal dasar menguruskan kejutan dalaman dan luaran ke atas ekonomi. Walaupun data kerajaan am penting untuk penilaian prestasi kewangan kerajaan di peringkat antarabangsa, namun perhatian terhadap prestasi kewangan syarikat awam juga semakin meningkat.


**RAJAH 2. Komponen Utama Sektor Awam**



Nota: \*Kerajaan Pusat merangkumi *budgetary central government* (BCG) dan *extrabudgetary funds*. Dalam konteks Malaysia, BCG adalah Kerajaan Persekutuan manakala *extrabudgetary funds* adalah Badan Berkanun Persekutuan.

Sumber: *Government Finance Statistics Manual 2014* (GFSM 2014), IMF

**RAJAH 3. Rangka Kerja Analitik *Government Finance Statistics Manual 2014***



Sumber: GFSM 2014, IMF

Rangka kerja GFSM 2014 menekankan pendekatan penyata kedudukan kewangan bersepadu dengan mengambil kira semua transaksi aliran dan stok berasaskan akruan serta mengekalkan data aliran tunai untuk menilai tahap kecairan kerajaan. Rangka kerja ini merumuskan keseluruhan prestasi dan kedudukan kewangan kerajaan am atau sektor awam menggunakan item pengimbangan yang dinilai dalam GFSM 2014 seperti baki semasa bersih, pinjaman/pembiayaan bersih dan perubahan nilai bersih. Pelaporan GFSM 2014 juga menyediakan penyata utama seperti dalam Rajah 4.

**RAJAH 4.** Penyata Utama Government Finance Statistics Manual 2014






Sumber: GFSM 2014, IMF




### Perkembangan Pengadaptasian GFSM 2014 di Malaysia

Pelaksanaan GFSM 2014 di Malaysia melibatkan kerjasama utama antara Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dengan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) disokong oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia. Kerajaan telah menerima tiga siri bantuan teknikal dari IMF yang dibiayai oleh Kerajaan Jepun melalui Japan International Cooperation Agency dalam membantu usaha migrasi daripada GFSM 1986 (asas tunai) kepada GFSM 2014 (asas akruan). Bantuan teknikal terkini dilaksanakan secara maya pada awal 2021 dengan usaha ditumpukan kepada penyelarasan kod perakaunan akruan JANM untuk Kerajaan Persekutuan kepada kod GFSM 2014 serta menambah baik pelaporan data bagi unit lain sektor awam.

Pada masa ini, MOF mengemukakan data fiskal tahunan di peringkat *budgetary central government* (BCG) secara asas tunai untuk penghantaran data GFSM 2014 manakala status pelaporan untuk unit lain sektor awam seperti dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Status Malaysia bagi Pelaporan Government Finance Statistics Manual 2014

SEKTOR INSTITUSI			
<i>Budgetary Central Government (BCG)</i> – Kerajaan Persekutuan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaporan rasmi GFSM 2014 berasaskan data tunai</li> <li>• Pembangunan <i>Chart of Accounts</i> untuk pemetaan kod perakaunan akruan JANM kepada kod GFSM 2014</li> <li>• Pembangunan penyata kompilasi data BCG untuk pelaporan GFSM 2014</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semakan perbezaan statistik data BCG untuk pelaporan GFSM 2014 berasaskan simulasi data akruan 2018 Kerajaan Persekutuan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaporan rasmi GFSM 2014 berasaskan data akruan</li> </ul>
<i>Extrabudgetary funds</i> – Badan Berkanun Persekutuan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mereka bentuk dan menstruktur semula serta mengguna pakai templat pengumpulan data untuk diselaraskan dengan klasifikasi GFSM 2014</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menambah baik templat pengumpulan data</li> <li>• Semakan perbezaan statistik bagi penyatuan data</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyemak liputan Badan Berkanun Persekutuan supaya lebih menyeluruh</li> </ul>
Kerajaan Negeri			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Libat urus bersama kerajaan negeri untuk menambah baik pengumpulan data berdasarkan GFSM 2014</li> </ul>
Kerajaan Tempatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mereka bentuk, menstruktur semula dan mengguna pakai templat pengumpulan data untuk diselaraskan dengan klasifikasi GFSM 2014</li> <li>• Liputan menyeluruh bagi kerajaan tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menambah baik templat pengumpulan data</li> <li>• Semakan perbezaan statistik bagi penyatuan data</li> </ul>	

 Selesai     
  Dalam Proses     
  Memerlukan tindakan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Tillmann-Zorn, H. (2021). *Report on The Government Finance Statistics Technical Assistance Mission (February 1 – March 31, 2021)*, IMF

Pada masa ini, Malaysia melaporkan data GFSM 2014 di peringkat BCG berasaskan data tunai Kerajaan Persekutuan. Kerajaan negeri juga mengguna pakai perakaunan asas tunai manakala Badan Berkanun Persekutuan, kerajaan tempatan dan syarikat awam mengguna pakai pelaporan berasaskan akruan. Pelaksanaan perakaunan akruan di peringkat Kerajaan Persekutuan akan mempercepat kemajuan pelaporan GFSM 2014. Melangkah ke hadapan, akta berkaitan perakaunan akruan dijangka dibentangkan di Parlimen pada akhir 2021 diikuti dengan penerbitan penyata kewangan akruan Kerajaan Persekutuan oleh JANM.

Garis masa pelaksanaan GFSM 2014 bagi negara anggota adalah berbeza dan tertakluk kepada ketersediaan dan kesediaan sumber seperti dalam Jadual 2. Bagi menyokong pelaksanaan sepenuhnya rangka kerja tersebut, perkara yang perlu diambil kira termasuk menukar sistem perakaunan berasaskan tunai sedia ada kepada sistem perakaunan berasaskan akruan, mengguna pakai struktur klasifikasi GFSM 2014 untuk semua aliran ekonomi dan menambah baik ketersediaan data bagi penyata kedudukan kewangan.

**JADUAL 2.** *Pelaporan Negara ASEAN bagi Government Finance Statistics Manual 2014*

	NEGARA	BUDGETARY CENTRAL GOVERNMENT (BCG)	KERAJAAN PUSAT	KERAJAAN AM
1	Brunei	TB	TB	TB
2	Cambodia	/	/	TB
3	Indonesia	TB	/	/
4	Lao PDR	/	TB	TB
5	Malaysia	/*	TB	TB
6	Myanmar	/	/	/
7	Filipina	/	TB	TB
8	Singapura	/	/	/
9	Thailand	/	/	/
10	Viet Nam	TB	TB	TB

Nota: \*Pelaporan adalah berasaskan data tunai memandangkan Malaysia dalam tempoh pra-peralihan untuk melaksanakan perakaunan akruan di peringkat BCG (Kerajaan Persekutuan)  
TB: Tidak berkenaan

Sumber: *IMF Data - Government Finance Statistics*, IMF

## Kesimpulan

Secara keseluruhan, GFSM 2014 menyediakan rangka kerja yang inklusif dan analitik untuk meningkatkan ketelusan dan menambah baik pelaporan kewangan sektor awam. Insiden seperti krisis ekonomi dan kewangan yang mengakibatkan peningkatan defisit fiskal dan paras hutang telah meningkatkan kepentingan statistik kewangan yang setara, boleh dipercayai dan tepat untuk pengesanan awal risiko serta memulakan langkah pencegahan yang sesuai. Laporan GFSM 2014 penting untuk analisis fiskal dan memainkan peranan utama dalam pengurusan fiskal dan dasar ekonomi yang baik.

Pelaksanaan perakaunan akruan membolehkan pelaporan kewangan sektor awam mematuhi sepenuhnya GFSM 2014. Oleh itu, maklumat terperinci daripada pelaporan GFSM 2014 membolehkan penggubal dasar menganalisis dan membuat keputusan secara efektif bagi melaksanakan dasar yang mampan untuk pembangunan ekonomi. Selain itu, GFSM 2014 menyokong Akta Tanggungjawab Fiskal yang akan digubal bagi memperkukuh institusi fiskal melalui peningkatan tadbir urus, akauntabiliti dan ketelusan berdasarkan amalan terbaik antarabangsa.

## Rujukan:

Tabung Kewangan Antarabangsa. (2014). *Government Finance Statistics Manual 2014*.

Tillmann-Zorn, H. (2019). *Report on The Government Finance Statistics Technical Assistance Mission and Preceding Remote Support (March 4-8, 2019)*.

Tillmann-Zorn, H. (2021). *Report on The Government Finance Statistics Technical Assistance Mission (February 1 – March 31, 2021)*.

Tabung Kewangan Antarabangsa. (2021). *IMF Data – Government Finance Statistics*. Dicapai daripada <https://data.imf.org/?sk=89418059-d5c0-4330-8c41-dbc2d8f90f46&sId=1435762628665>

International Federation of Accountants. (2021). *Public Sector Financial Accountability Index – 2020 Financial Reporting Basis*. Dicapai daripada <https://www.ifac.org/what-we-do/global-impact-map/accountability>

## Kerajaan Am

Sektor kerajaan am di Malaysia merangkumi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan Badan Berkanun Persekutuan<sup>1</sup> yang melaksanakan fungsi ekonomi utama kerajaan. Fungsi kerajaan am termasuk menyediakan barangan dan perkhidmatan awam secara bukan komersial, memastikan agihan semula pendapatan dan kekayaan serta membiayai aktiviti terutamanya melalui cukai atau pindahan. Pelaporan kedudukan kewangan kerajaan am bertujuan untuk menilai prestasinya dan impak keseluruhan operasi kerajaan ke atas ekonomi.

Hasil disatukan kerajaan am pada 2021 dianggar berkurang sebanyak 3.3% kepada RM282.9 bilion terutamanya disebabkan oleh kekurangan hasil Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan. Perbelanjaan mengurus (OE) disatukan juga diunjur lebih rendah sebanyak 1.8% kepada RM259.3 bilion terutamanya disebabkan oleh rasionalisasi perbelanjaan Kerajaan Persekutuan. Baki semasa kerajaan am dijangka berkurang

